



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Shah Alam 11 NOVEMBER 2011 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)
Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

**Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

**Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)**

**Y.B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)**

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat hari ketiga 11 November 2011, bagi mesyuarat ketiga penggal ke empat persidangan dewan negeri Selangor yang ke 12 dimulakan dengan bacaan doa..

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan sambungan.

II PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER : YB Berhormat sekalian. Pagi ini kita akan bermula dengan soalan-soalan yang akan dijawab oleh YAB Dato' Menteri Besar. Dipersilakan, aa..Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker. Soalan no. 12.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : JAWATANKUASA TANAH

12. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah Ahli Dewan Undangan Negeri dikecualikan daripada keanggotaan Jawatankuasa Tanah di pejabat tanah?
- b) Bagaimanakah pengeluaran lesen TOL dapat dipantau jika wakil rakyat tidak mempunyai platform untuk bersuara?

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih, YB daripada Subang Jaya yang menanyakan mengapakah Ahli Dewan Negeri aa...mengapakah Ahli Negeri dikecualikan daripada keanggotaan Jawatankuasa Tanah di Pejabat Tanah. Kedua, bagaimana pengeluaran lesen TOL, dapat dipantau jika wakil rakyat tidak mempunyai platform untuk bersuara. Pertama aa..Jawatankuasa Tanah, oleh kerana pemantauan itu dipusatkan di bawah Pengarah Tanah dan Galian, di PTG supaya ada satu sistem pemantauan. Jawatankuasa Tanah tidak dilaksanakan lagi sejak 2008 kerana kita nak mengetahui berapa benarnya tanah-tanah milikan kerajaan

dan juga dalam bentuk milikan tetap dan juga dalam bentuk tanah-tanah TOL (hak milik sementara). Jadi oleh sebab itu, Jawatankuasa Tanah beroperasi di bawah STANCO Tanah dan walau bagaimana pun, Ahli-ahli Dewan Kerajaan Negeri akan menyertai satu Jawatankuasa Pembangunan. Kita telah menggalakkan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan di daerah-daerah supaya pada masa tersebut terdapat perbincangan mengenai pembangunan dan sudah tentulah perkara mengenai tanah dan juga pemilikan tanah di, apa yang kita katakan dibicarakan.

Kedua ialah , Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 5 Oktober , aa..aa. pada 2011 supaya mengawal tentang aa..diadakan pengawalan , tentang pemberian hak milik semua TOL kerana kita dapati pemantauan itu tidak dibuat dengan betul. Kedua ada kalanya orang duduk di tanah TOL itu sudah bertahun-tahun dan tidak diberitahu mereka duduk di tempat yang sepatutnya dia duduk. Kemudian bagaimana cara kita nak menyelesaikan, semuanya ini mesti dipantau. Buat masa ini, kita sudah ada semua rekod-rekod tanah TOL dan kita telah minta semua pegawai daerah memberikan laporan bagaimana pemberian ataupun apa yang kita katakan '*the renewal*' untuk membaharui TOL juga kita nak semak sebab kita dapati banyak penyalahgunaan pemberian TOL oleh pegawai-pegawai daerah dan juga mereka-mereka yang tak sepatutnya mempunyai kuasa ke atas tanah-tanah tersebut.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan no. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENINGKATAN PENDAPATAN KERAJAAN NEGERI

13. Pada tahun 2011, pendapatan Kerajaan Negeri meningkat sebanyak 20% dari RM1.59 bilion kepada RM1.57 bilion,

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah hasil cukai dan pecahan-pecahannya dari jumlah tersebut?
- b) Berapakah hasil bukan cukai dan pecahan-pecahannya dari jumlah tersebut?
- c) Berapakah terimaan bukan hasil dan pecahan-pecahannya dari jumlah tersebut?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, berapakah hasil cukai dan pecahan-pecahan daripada jumlah tersebut? Ini soalan yang dikemukakan oleh Hulu Kelang untuk mendapat satu perangkaan terperinci. Saya telah disediakan perangkaan ini tetapi yang saya akan berikan kepada Hulu Kelang dan sesiapa yang ingin, untuk mengetahuinya , hasil negeri sehingga 30 September 2011, adalah berjumlah RM1.153 bilion, adalah peningkatan hasil berjumlah RM113,683,000.00, iaitu pertambahan 10.3 % berbanding dengan 30 September 2010 yang lepas.

Kerajaan Negeri memungut 3 jenis hasil cukai, hasil terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan cukai. Jadi, peningkatan hasil, biasanya dilakukan pada bulan 11 dan bulan 12 dan untuk hasil cukai berakhir pada 2010, dalam bentuk cukai pada 31 Disember 2010, cukai tanah, telah meningkat RM461.7 juta berbanding sebelumnya hanya RM410 juta. Cukai parit dan tali air, cukai eksport hasil hutan, royalti, duti excess dan cukai hiburan, semuanya akan kita kemukakan dan hasil bukan cukai pada 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM674 juta manakala hasil ini pada 2010 sehingga 30 September berjumlah RM500.27 juta dan kita jangkakan terdapat peningkatan dan pertambahan sebanyak 18.1%.

Soalan yang dikemukakan, berapakah hasil bukan cukai dan pecahan-pecahannya? Ini pun kita sudah sediakan rekodnya dan hasil bukan cukai yang kita terima berakhir 31 Disember 2010 dan perbandingannya dengan 30 September 2010, hasil bukan cukai yang terdiri daripada bayaran pendaftaran lesen dan permit, perkhidmatan dan bayaran, perolehan daripada jualan barang-barang, sewaan, keuntungan ataupun pembiayaan dan perolehan, denda dan hukuman dan sumbangan dan bayaran ganti. Aaa ..ini pun kita tunjukkan yang direkodkan oleh setiap PBT dan pejabat daerah. Kesemuanya menunjukkan peningkatan tetapi analisis kita menunjukkan masih terdapat *reconciliation* yang lambat. Ini yang kita mahu lakukan dan sebagai bandingan dengan syarikat sektor swasta yang syarikatnya diurusniagakan di pasaran saham. Tiap-tiap *quarter*, tiap-tiap 4 bulan, tiap-tiap 3 bulan, mereka mesti menyediakan akaun yang dikatakan siap. Sebab mereka kena buat pengumuman. Untuk ini saya ingat PBT dan pejabat daerah masa *reconciliationnya* 6 bulan, jadi kita mahu bawa ke tiga bulan.

Kedua, akaun negeri. Sekarang saya ingin menyatakan ia siap dalam masa sebelum Mac tetapi ini antara negeri di Malaysia yang terbaik daripada segi menyiapkan akuan tapi masih lagi yang kita katakan akaun terapung, yang belum kita boleh *reconcile* seterusnya. Kalau kita rasa satu hari nanti kita sampai pada satu peringkat yang akaun negeri ini boleh kita siapkan *weekly*, itu satu peringkat yang sangat baik. Jadi ini yang kita cuba sampaikan tetapi saya rasa ini memakan masa sekurang-kurangnya 2 atau 3 tahun lagi untuk semua bahagian kewangan, setiap PBT, pejabat daerah semuanya mesti menjalankan kerja dengan berdisiplin dan teratur.

Perkara yang sudah jelas, Bendahari Negeri sekarang tahu semua *balance* ataupun duit dalam akaun; *balance* semua PBT dan Pejabat Daerah sebab mereka ada perbincangan dengan bank berapa banyak duit seluruh negeri ini ada dalam bentuk cair, sebab dia tahu. Oleh sebab itu sekarang kita boleh umumkan berapa banyak *cash* kita ada. Berapa banyak. Sebab kita akan berbincang dengan bank untuk menanya bank apakah faedah yang ia akan beri untuk kecairan ini. Kita buat secara satu kumpulan. Jadi bank berjumpa dengan kerajaan negeri. Negeri menyatakan saya ada dana sebanyak RM900 juta dan saya ingin tahu adakah bank boleh memberikan kita apa yang kita katakan pendapatan yang sewajarnya? Dengan cara ini kita dapat meningkatkan pendapatan tambahan melebihi 12 juta setahun. Ini sudah diterima sebagai satu cara yang dianggap sangat baik oleh Audit Negara. Tetapi buat masa ini untuk *total reconciliation* maknanya belum ada lagi. Sebagai contoh *total reconciliation* saya nak tunjukkan kalau saya bekerja di satu syarikat penjualan kelapa sawit saya sudah dibuat petang ini, besok saya sudah tahu apa kesannya terhadap *profit and loss*. Maknanya ia automatik cair, tak perlu nak hantar *report* apa semuanya. Semuanya sudah dimasukkan dalam sistem apa yang disebut *financial information system*. Itu belum sampai tapi walau bagaimanapun rekodnya ada. Saya tak mahu membaca terlalu banyak tetapi yang bagusnya ia sampai satu peringkat yang dahulunya tidak banyak rekod. Sekarang sudah ada rekod dan sekarang kita *go to the second step*; apa tu *effective record on time and correct* dan baru kita dapat uruskan negeri ini sebagai sebuah negeri maju yang perbelanjaan penggunaan dapat dibuat dengan cara yang terbaik.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Speaker soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Tuan Speaker. Pihak Ketua Pembangkang daripada Seri Serdang menuduh bahawa peningkatan pendapatan Kerajaan Negeri adalah hasil daripada penjualan aset-aset. Jadi ini mereka cuba mengaburi mata rakyat bagaimana pendapat YAB tentang tuduhan yang sedemikian juga dituduh bahawa peruntukan atau pendapatan lebih pendapatan yang didapati oleh Kerajaan dikemukakan dalam Dewan ini adalah bertujuan sebagai apa dia ni bajet untuk Pilihan raya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Soalan yang pertama, hah! Pertama kita perlu beri kursus kewangan kepada Seri Serdang (tepuk meja) itu pun satu perkara yang bagus juga sebab kalau Ahli Dewan menyoal yang tidak betul, ia dianggap merendahkan mutu mereka dibandingkan dengan pegawai-pegawai kerajaan (tepuk meja) yang menjalankan tugas ini. Saya mahu buat satu kenyataan yang ada dalam

akbar bahawa duit peruntukan jalan hilang dan lesap di songlap dengan keadaan-keadaan yang tak betul. Jawapan ini bukan memberi kesan. Tujuannya untuk, antara lain cuba memberi malu Menteri Besar ataupun Pakatan Rakyat tetapi yang penting yang menjaga kewangan ini bukan Menteri Besar, yang menjaga kewangan ini adalah pegawai-pegawai kerajaan yang dianggap sebagai Bendahari dan kita telah mula, saya telah mula berbincang dengan mereka untuk meningkat tahap profesionalisme mereka, dan dia sudah dapat award. Tak perlulah saya sebab standard saya kadang-kadang dia orang marah terlalu tinggi saya bandingkan dia dengan Shell, saya bandingkan dengan IBM jadi (ketawa) maknanya dia agak terasa tetapi apabila dia cakap begitu bukan tujuannya mahu mengenakan Menteri Besar tetapi dia mengenakan seluruh Perbendaharaan Selangor. Jadi kita adakan perbincangan ke mana duitnya, di mana duitnya sebab akauntan adalah profesion. Dalam cara dia buat, kalau dia jual tanah pun ada rekod jual tanah bukan hanya boleh jual tanah begitu sahaja. Oleh sebab itu kena belajar cara *accounting* ni dia ada dia pun *check*. Itu sebab apa Dato' Seri Anwar bertanyakan mengapa terdapat 1.1 tak termasuk dalam rekod yang dahulunya dikatakan begitu. Maknanya *that is a trial, the trial*, maknanya *the financial trial* itu ada, semuanya ada. Jadi kalau cakap macam ini nanti kita Ahli Dewan dianggap masih lagi duduk di kedai kopi jadi maknanya (tepuk meja) ini susah.

Oleh sebab itu kadang-kadang saya tak nak jawab, saya tak nak jawab sebab kalau saya jawab maknanya saya berfikir sama ada saya nak baikkan pemikiran dia atau tidak. Tetapi kalau dalam menjawab itu saya tak sanggup jadi guru. Kalau dia dah bodoh, bodohlah dia buat apa kita sibuk nak mengajar dia (ketawa). Oleh sebab itu saya berhenti jadi guru sebab saya boleh fikir perkara yang lebih baik lagi. Jadi saya nak terangkan hal itu. Kalau ada penjualan ada rekod tentang penjualan, kalau ada tentang duit ada rekod tentang duit. Pengarah Kewangan Negeri kalau dia cakap ada RM930 juta dalam bentuk wang tunai dan *cash* dia bukan cakap sahaja dia kena tunjukkan dia punya rekod. Dia ada *reconciliation*.

Apabila saya sebut terdapat RM1.2 juta duit *cash* dalam negeri maknanya sudah ada bukan tak ada. Sebab itu rekod itu sudah ada dan untuk itu nak saya terangkan dalam negeri Selangor ada 2 *auditing*, satu *auditing* dari Persekutuan letak di sini *check at random*, satu *auditing* dari Kerajaan Negeri ada juga kadang-kadang Menteri Besar panggil *out side audit* suruh *check* sebab saya dilatih dari PNB. PNB kena ada duit sebab masyarakat datang minta duit kalau tak ada duit makna dia akan hilang kepercayaan dan kita buat urus niaga bukan satu ringgit tetapi ada kalanya satu hari lebih kurang 7/8 ratus juta. Maknanya, kita beli saham apa semuanya. Kalau terdapat kehilangan. Habis! Oleh sebab itu kita set *this standard*. Jadi untuk jawapan itu saya kata kalau ada pun penjualan aset kita akan terangkan tetapi sekejap lagi saya nak terangkan perbezaan akaun dua negeri.

Akaun Kerajaan, Akaun MBI tak sama dia tidak disatukan. Oleh sebab itu ada kalanya dia kata dia jual aset untuk dapat duit. Tidak. Sebab itu dia apabila ditanya oleh Hulu Kelang tentang pendapatan, Hulu kelang nak tahu betul-betul dapat ke tidak berapa banyak dapat, apa semua. Itu tidak kita campurkan dengan jual aset. Tidak. Ia begitu. Jadi, jangan takutlah. Jangan takut. Kita buat reformasi daripada segi pengurusan (tepuk meja) kewangan, reformasi. Jadi saya sendiri yang jaganya dan saya rasa untuk ini kalau saya kerja di tempat lain boleh jadi pendapatan saya lebih sedikitlah daripada sini. Hah! Tapi kerana kita diberi amanah oleh rakyat untuk jaga duit ni. Hah! Itu sebab saya ambil satu tanggungjawab untuk jaga dengan betul. Jadi kalau sesiapa yang mempunyai keupayaan boleh datang menyemak dan tunjukkan di mana jatuhnya duit itu; di mana akaunnya, dan itu sebab di EXCO meeting pun tiap-tiap 3 bulan saya beritahu EXCO tentang keadaan kewangan dan STANCO kewangan tiap-tiap bulan mengadakan perjumpaan dan dihadiri oleh Pegawai Daerah, YDP, Dato' Bandar dan Ketua-ketua Jabatan untuk diterangkan di mana duit dapat, di mana duit digunakan supaya kesemua kita dalam negeri ini tahu tentang perjalanan kewangan kita bukan satu perkara. Sebab itu kita percaya kepada ketelusan sebab dengan ketelusan semua orang sudah tentulah dalam perbincangan itu ada juga orang tak *perform* maknanya 70%, 60% tapi tujuan kita bukan marahkan dia tetapi kita kata apa yang kita mesti tolong supaya dapat dijalankan dengan baik. Tak cukup orang umpamanya sebagai contoh Petaling dapat mengutip cukai hampir RM100 juta lebih, Kuala Selangor tak dapat tak sampai RM20 juta tetapi jumlah pekerja di Kuala Selangor sama dengan jumlah pekerja di Petaling. Sebab dia gunakan *organization* yang sama jadi sekarang kita kena bincang! Ini tak betul tetapi apabila beri hadiah Kuala Selangor dapat sebab Kuala Selangor dapat kutip 98%, Petaling dapat kutip 90%. Jadi hadiah RM100, 000 diberi pada Kuala Selangor, Petaling yang kutip lebih 4 kali ganda, 5 kali ganda tukang tengok jadi kita ubah dia punya jadi kita tambah *formula amount and also*, aman dengan dia punya *percentage*. Adalah caranya bukan saya hendak terangkan sebab saya mengambil masa ini untuk menerangkan. Kita bukan membuat kerja ini sebagai tembak, tidak. *We do it in a process because an accounting is a process. It's not* boleh taruh kata *pick a number out of the air*. Tak ada. Hah! Itulah saya.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR MUHAMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker,
soalan No. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : HUTANG TALAM

15. Menteri Besar Incorporation telah membeli hutang Talam yang bernilai RM392 juta dan kerajaan negeri berhasrat untuk mengeluarkan kertas putih sejak tahun 2010.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini berapa jumlah hutang TALAM telah dikutip oleh Menteri Besar Incorporation (MBI) yang telah diberi tanggungjawab untuk memungut hutang tersebut bagi pihak kerajaan negeri
- b) Adakah kerajaan negeri tidak langsung berhasrat untuk tidak mengeluarkan kertas putih seperti yang dijanjikan sejak tahun 2010?

YAB DATO' MENTERI BESAR : (Ketawa). Saya juga sangat berminat sebab Paya Jaras menanya soalan ini sudah beberapa kali. Bukan sehari dan beberapa kali . Bagus dia mengemukakan soalan ini sebab saya hendak tunjukkan. Pada permulaannya saya hendak tunjukkan kepada Paya Jaras dan apa hasilnya yang Paya Jaras hendak saya tunjukkan sebab saya akhirnya nak tunjukkan saya sudah memakai (???) (ketawa) sebab saya apa tu hah! tapi semua Ahli Dewan akan diberikan, Dato' Speaker semua Ahli Dewan bukan maknanya daripada Pakatan Rakyat sahaja semua Ahli Dewan akan dapat ini. (Tepuk meja)

TUAN SPEAKER : Dapat apa?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: I-Pad.

Y.B. TUAN SPEAKER: Untuk rekod.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Untuk rekod, ya. Dato' Arif dah beri? Dia suruh *claim*. Ok,

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Tuan Speaker, boleh saya bertanyakan? Soalan saya *simple* aje. Dua saja soalan saya itu, kalau boleh

Y.B. TUAN SPEAKER: Tak apa, tak apa

YAB DATO' MENTERI BESAR: Dah, dah, dah dapat dah. Dia bertanya dapat tak kita kutip RM390 juta? Sudah dikutip dan kita telah susun semula, kita *restructuring all the asset*. Sekarang aset, aset yang dahulunya negeri tak ada pemilikan, MBI tak ada pemilikan. Ada asetnya dekat Bukit Beruntung, kita sudah memiliki *free from account bounces everything*, itu yang sebab saya tahu, rakan kita tahu tentang perkara mengenai hartanah: 1,275 ekar. Di Canal City yang di Kuala Langat, kita sudah memiliki 1,171.85 ekar dan di Bestari Jaya kita sudah memiliki 1,312 ekar. Hari Isnin ini saya hendak tunjukkan. Saya akan minta MBI dan juga PNSB buat pameran tanah

yang sudah dimiliki oleh MBI hasil daripada penyusunan daripada pengambilan ataupun mengambil hutang-hutang TALAM.

Selain itu kita juga tunjukkan cara penyusunan semula, apa yang dinamakan *The Canal City*. Jadi kalau saudara buat kira-kira, ini supaya senang. Kira-kira ini dan kita ambil dengan harga RM4.00 ke RM5.00 sekaki sahaja. Kalau saudara boleh beli, itu saudara nasib baiklah. Tapi kalau kita ambil RM5.00 sekaki, RM5.00 sekaki kali dengan RM42,000.00 iaitu harga satu ekar RM42,000.00 jadi kita dapat RM200,000.00 harganya satu ekar. RM200,000.00 kali dengan 6 ribu ekar saudara akan mendapat jumlah harta tersebut melebihi RM1.2 bilion. Jadi RM390 juta yang kita kutip kita susun semula harta itu sekarang harta itu sekurang-kurangnya bernilai RM1.2 bilion. Dan saudara kena belajar daripada ini. Sebab itu kita akan keluarkan satu buku mengenai *The Restructuring of The Straight of Selangor As A Lesson*.

Jadi yang sebenarnya kalau ini tidak kita lakukan, kroni yang dapat, kroni yang akan dapat harta tersebut. Now ini bukan kroni. Ini hak rakyat negeri Selangor tetapi hari Isnin depan saya akan tunjukkan, pamerkan supaya ada orang yang kurang faham boleh tahu. Walaupun pada dasarnya *restructuring* skim itu bukan senang, bukan maknanya ini taruh ke sini sebab kita kena alih aset itu dan ada orang mengatakan ‘oh you dapat aset tapi akaun dalam aset itu macam mana hendak bayar?’ kita *reconcile*. Maknanya kita ambil aset itu kita *recapture it*, kita pinjam duit daripada bank, kita bayar kepada mereka yang terhutang, kita ambil balik aset tersebut dan kita pulangkan duit lebihan itu dalam bentuk aset yang dibayar kepada bank. Sudah. Sebab itu apabila saya umumkan yang ini, yang saya umumkan tentang harta ini ialah harta yang *free from account bounces*. Di samping itu kita sudah mendapat RM50 juta dalam bentuk *cash*. Ada saya pernah terangkan dalam Dewan ini. Jadi *all this* boleh kita terangkan sebab itu saya berani berjumpa dengan Ahli-Ahli Dewan untuk menerangkan hadiah reformasi kepada rakyat negeri Selangor. Hadiah reformasi maknanya daripada hutang kita terjemahkan hutang, tarikh habis kutip, kita tengok harta mereka, kita ambil balik harta mereka walaupun dalam harta itu terdapat dia berhutang dengan bank. Kita *reconcile it*, kita buat pula pembetulan dan kita akhirnya dapat aset-aset ini. Maknanya aset yang saya sebutkan ini semuanya *free from account bounces*. Jadi kalau saudara berminat, di foyer esok, hari Isnin kita tunjukkan dan sudah tentu saudara sepatutnya berminat sebab ini adalah hak saudara juga. Ini hak rakyat Selangor yang kita telah tunjukkan.

Walaupun itu banyak lagi jadi kita akan juga tunjukkan kepada saudara tentang cara *reconciliation* dibuat, apa *step-stepnya, stagesnya*, kita akan terangkan *step by step* yang kita sudah buat. Tapi akhirnya pada hari ini saya berdiri kita sudah dapat dahulu tak ada 6 ribu ekar sebab Kerajaan Negeri beri tanah itu pada orang lain. Jadi sekarang Kerajaan Negeri sudah dapat menerusi MBI di bawah 6 ribu ekar tanah sekurang-kurangnya. Sekarang sebab pameran itu diadakan kita juga merangka

business proposal untuk projek ini. Kita tunjukkan dan pegawai-pegawai kita sendiri mempunyai kepakaran. Tanah yang seribu ribu ekar itu bukan dibiarkan sahaja seribu ekar. Di plannya apa yang hendak dibuat, bagaimana yang dibuat sebab dia beritahu saya dia sudah menerima cadangan ini berpuluhan-puluhan daripada orang luar. Dia tidak pernah diberi kesempatan untuk merangkanya dan dia plan, pegawai *planner* kita sendiri daripada Pegawai Kerajaan kita sendiri yang membuatnya. Sebab itu saya hendak tunjukkan. Maknanya *we have the capacity*. Sebab itu sekarang kita sudah boleh nilaikan. Sekarang dah boleh bangkitkan di mana-mana. Ini satu contoh. Saya kata ini hadiah reformasi dan saudara daripada Paya Jaras, tempatnya. Paya Jaras hendak kata *white paper*, *we produce a book*, *we are producing a book*. A book itu supaya *it become a case study in the business school*. Jadi sebab dia ada satu daripada perkara yang dalam perbendaharaan yang pening kepala dahulu *is the case of round trip* (?). *That, we write a chapter on trip* (?). *We write a chapter on how you convert asset into agriculture in a way that it being done*. Kemudian *how you negotiate with the bank?* *With regard to the debt* (?). *How you take back*, apa undang-undang yang *you* gunakan untuk mengambil tanah-tanah ini. Semuanya kita buat. Jadi saya berasa banggalah bekerja dengan satu pasukan. Mereka bukannya pergi ambil tanah bawa kayu, bayar macam ini tidak. Ia, *the process.. as a result the state now is richer by over RM1.2 billion*. Ini satu perkara yang.. Ok terima kasih.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ia, silakan Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Tuan Speaker, terima kasihlah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana belum lagilah tengok kertas putih itu. Tapi akan dikeluarkanlah saya harap dapat dalam masa yang terdekat ini. Namun demikian, saya ingin bertanya oleh kerana MBI telah pun memberi RM391.9 juta pendahuluan untuk membayar kepada TALAM walaupun *assessment*. *Assessment* yang dibuat hanya lebih kurang RM250 juta tak silap saya pada asalnya kalau tak silap saya. Namun demikian saya ingin bertanya oleh kerana yang disebutkan tadi Bukit Beruntung lebih kurang 1,200 ekar, Canal City 1,171 ekar, Bestari Jaya 1,300 ekar dan dimaklumkan bahawa 6 ribu ekar telah pun diperoleh dan rencanakan untuk dimajukan. Namun demikian, kita tahu itu satu perancangan bilabila. Siapa pun boleh buat. Cuma saya ingin bertanya di sini daripada RM391.9 juta itu berapakah hari ini yang telah pun kita perolehi daripada mana-mana dan bagaimana juga ia melibatkan kewangan negeri? So, saya mohon Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menamakan atau memberikan apa anggota Lembaga Pengarah serta mereka-mereka pasukan pengurusan untuk yang melibatkan pengurusan, mengambil alih dan sebagainya ini. Ini penting kerana saya ingat rakyat pun ingin tahu sama ada ini perancangan tetapi kejayaan satu ketika nanti, kita pun tidak tahu. Itu soalan saya.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Pertama saudara hendak tahu siapa yang Ahli Lembaga Pengarah yang mengendalikan MBI ya? Pengerusinya Menteri Besar, dua Ahli Pengarahnya iaitu Pengarah Kewangan Negeri dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri. Kedua, sebab itu saya hendak tunjukkan rekod-rekod ini sebab kalau tidak saya hendak terangkan maknanya tanah seluas 26.94 ekar dekat Bukit Beruntung yang kita ini tak termasuk dalam 6 ribu ekar. Ada juga tanah-tanah yang lain yang kita *catch out*. Umpamanya dibeli, hanya tanah 25 ekar dibeli untuk dibuat kilang dan kita diberi pembayaran RM16.91 juta. Itu *cash*. Jadi, di tanah di Danau Putera ada orang hendak membeli tanah sebanyak RM87 juta. Kita lihat semula sekarang dalam proses dan kita akan dapat RM80 juta. Itu tak termasuk dalam kiraan ini. Sebab itu pulangan tunai, ada dia membayar pulangan tunai kepada kita. Jadi duit itu kita akan bezakan duit yang dapat *cash*, duit yang dapat aset dan seterusnya. Jadi semuanya itu ada dan kita MBI dikelolakan di bawah satu kumpulan yang ketuanya adalah saya. Saya kena sebut kadang-kadang mereka memang tak hendak sebut, Puan Rohani yang mempunyai pengalaman menjaga akaun lebih daripada 25 tahun.

Bukan, tapi mereka ini bukan ahli politik. Dia tidak hendak tengok dalam surat khabar pun dia tak hendak. Sebab dia hendak jaga duit tersebut. Dia ada dan terdiri daripada pegawai-pegawaiannya yang kebanyakannya akauntan or *lawyers*, usually profesional akauntan. Sebab itu MBI is macam *an investment body* dan kedua kita akan tunjukkan bagaimana *reconciliation* itu berlaku. Maknanya kita sudah mendapat lebih daripada RM150 juta *cash* selain *the worth of 1.2 billion of asset*. Sebab itu saya berani mengatakan dan kita sudah mula menggunakan teknik ini untuk mengambil alih beberapa hutang yang lain. Itu sebab pengumpulan duit dalam MBI sudah cukup. Jadi saudara bayangkan, Dewan kita bersidang pada 2008, awal 2008. Tak ada harta, tak ada dalam buku, tak ada apa. MBI pun tak ada. MBI itu adalah di bawah jagaan KDEB, maknanya disorok di bawah jagaan KDEB. Duit tak ada. Lepas itu kita tengok negeri pun tak tahu yang TALAM ini terhutang. Walau dia tahu secara ... tak tahu sebab, apa sebab dia tak tahu? Sebab tak ada dalam rekod, dalam negeri tak ada rekod. Tidak ada. Dalam Perbendaharaan ada terhutang, tidak ada, tidak ada. Sebab itu saya bawa akaun itu daripada negeri supaya negeri catat TALAM pernah terhutang dengan kita sebanyak itu. Lepas itu hutang, hutang, dahulu tak ada apa benda, orang hutang kita. Kalau kita tak kutip tak dapat duit.

Sekarang untuk mengutip hutang itu Kerajaan Negeri serahkan kepada MBI yang saudara luluskan dalam masa tak sampai satu jam dapat ini terus beri MBI *reconcile*. Maknanya negeri *consolidated fun* kalau saudara tengok dia punya akaun. Dan berapa lama kita buat, dua tahun kita selesaikan. Sampai hari ini saya boleh buat pengumuman ini. Itu pun prosesnya kita buat. Jadi saudara hendak tanya boleh dan saya juga cadangkan kalau boleh pihak pembangkang kumpulkan kawan-kawan yang pandai daripada segi ini untuk pergi *to walk trough the system*. *Then we discuss, so that* lagi

bagus lagi baik supaya jangan lagi kita disalahgunakan oleh pemimpin-pemimpin. Lagi baik. Jadi dengan itu kita di negeri Selangor ada satu tahap yang lebih baik lagi daripada yang dahulu. Yang dahulu saya tengok, Menteri Besar tidak ambil ini sebagai satu tanggungjawab yang paling penting. Dia ambil, saya tengok dia punya rekod. Hutang-hutang itu pun dia tidak tulis. Setuju aje. Itu yang saya takut sangat. Itu dia. Tapi saya tidak hendak ambil dia. Setuju, setuju tak tahu, apa dia setuju. Tapi lepas itu hutang itu hilang. Jadi itulah sebabnya saya ingat kita buat tapi tengoklah pada hari Isnin kalau *compare* dan kita buat saya akan suruh Puan Rohani buatkan rekod *the stages of reconciliation*. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kuang, tidak hadir. Lembah Jaya.

Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker soalan No. 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PREMIUM TANAH

20. Dalam konteks mengutamakan hak rakyat di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat (PR):

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semua premium tanah bagi bangunan perniagaan di kawasan kampung tradisi yang agak tinggi yang membebankan pemilik yang sudah diduduki sejak 30 tahun dahulu, malah ada bangunan yang masih dalam struktur lama (papan).

YAB DATO' MENTERI BESAR: Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula premium tanah bagi bangunan perniagaan di kawasan kampung tradisi yang agak tinggi dan membebankan pemilik yang sudah duduk di sana? Saya minta maaflah, saya ada dua pandangan. Kalau hal kebijakan kita buat cara kebijakan. Maknanya, umpamanya saya ambil contoh kalau untuk satu kebijakan untuk buat surau, untuk buat masjid, untuk buat sekolah agama rakyat atau pun untuk tempat orang memperbaiki orang sakit, itu dipanggil kebijakan. Premium kita patutlah tidak tinggi. Maknanya nominal, tidak tinggi. Saya sudah banyak kali mengumumkan premiumnya adalah RM1.00. Maknanya kita memberi kepada mereka supaya tidak membebangkan mereka sebab mereka menjalankan usaha menolong masyarakat. Tapi kalau buat bisnes, kalau buat bisnes maknanya kalau dia untung pun dia tak beri negeri. Kalau dia rugi pun dia tak susahkan negeri. Maknanya kita buat bisnes premium yang dicadangkan di bawah undang-undang Kanun Tanah Negara adalah berdasarkan

premium, berasaskan apa yang kita katakan harga tanah. Sebab itu rakan kita daripada Lembah Jaya mendapati harga tanah sudah terlalu tinggi.

Sebenarnya harga tinggi sebab sekarang mana ada tanah di Selangor ini harganya macam RM10,000 seekor, tidak ada lagi. Maknanya tak ada sebab tanah di Selangor ini sudang dianggap tanah pembandaran. Tanah pembandaran maknanya nilainya itu tinggi, nilai tinggi... Jadi kalau Kota Damansara dapat beli RM20.00 sekaki persegi pun memang itu nasib baik betul. Saya tidak tahu apa sebabnya. Boleh jadi dia jual yang longkang mana entah dia jual.. Jadi saya hendak beritahu daripada segi premium. Maknanya, sebab Kanun Tanah Negeri menghendaki kita mengenakan premium berasaskan harga penilaian. Oleh sebab itu tanah di kampung memang agak tinggi tapi hendak beli balik memang tak dapat, agak tinggi. Sebab itu saya kata, salah satu daripada cara yang akan digunakan oleh negeri yang saya tunjukkan adalah kita beri untuk dia premium itu dan kita bayar seribu dahulu. Seribu dia boleh duduk, dia tak perlu susah-susah. Tetapi apabila dia hendak jual pada orang lain kita ambil harga pasaran sebab dia dah dapat untung. Maknanya tanah itu kalau di Kajang, saya tengok sebagai contoh di Kajang; harganya RM20.00 sekaki kalau 10 ribu kaki dia RM200,000. Kalau biasanya premium yang kita kenakan adalah suku daripada RM200,000, bersamaan RM50,000. RM50, 000 memang dia tak larat nak bayar jadi kita kata tak perlu. Bayar dahulu seribu dan kita beri geran, bayar, sudah. Lepas itu, tiga tahun lepas dia tukar nama jadi nama anaknya, tak perlu bayar juga, tukar nama anak. Anaknya pun rasa nak jual tanah itu, nak jual tanah itu. Boleh. Jadi dia jual tanah itu RM30.00 ataupun RM40.00 sekaki. Dia dah dapat RM400,000 dan masa itulah dia kena bayar premium. Maknanya premium itu berasaskan suku daripada RM400,000 itu. Jadi dia kena bayar antara RM100,000 tetapi itu bukan duit dia sebab dia sudah dapat RM300,000 untungnya. Sebab itu kita hendak buat begitu.

Saya juga akan membuat beberapa usaha supaya tanah komersial juga kita buat secara ini supaya kita dapat menolong mereka menaikkan nilai harta tanah. Saya tahu di Petaling Jaya. Orang Petaling Jaya ini sangat seronok apabila saya beri borang itu dia salam saya lama sikit sebab dia lagi 30 tahun cukup 99 tahun. Sekarang tanah itu jadi 99 tahun. Nilai tanah 99 tahun lebih banyak daripada nilai tanah 30 tahun. Jadi dia dah kaya sedikitlah, ha kaya. Tetapi dia jangan jual tanah tersebut. Kalau dia jual kerajaan pula kaya sama. Itu sahaja.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ia, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan tambahan. Berhubung dengan premium tanah, saya menyambutlah langkah Kerajaan memberi diskaun seribu ringgit untuk bayaran dan kemudiannya 30% untuk 6 bulan yang bayar boleh pilih cara 30% untuk 6 bulan bayar diskaun. Walau bagaimanapun masalah yang berlaku sekarang, masih terdapat tempat yang Pejabat Tanah yang mengatakan tak ada arahan daripada

Kerajaan Negeri. Ada ramai pemilik sudah dapat Borang 5A untuk buat bayaran seribu ataupun 30% diskaun untuk 6 bulan tetapi tidak dapat diproses. Tiada arahan dia kata. Ini yang menyebabkan masih ada rungutan daripada rakyat bawah. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih banyak. Itu masalah saya dengan Dato' SUK, dengan Pegawai Kerajaan ada kalanya kita juga pun dalam Ahli Dewan pun kadang-kadang orang cakap A kita cakap B. Jadi maknanya itu, sekarang kita ada program. Kita ada penerangan bagaimana. Sebenarnya kita tidak hendak buat borang baharu. Itu sebab orang, apabila orang tanya mana borang untuk seribu itu kita tak ada hendak buat borang baharu. Borang lama itu maknanya sudah dipakai. Maknanya opsyen untuk cara lama dan cara bahau boleh dengan borang yang sama. Kalau tidak negeri ini penuh dengan borang. Sebab itu kita kata *no* borang, ini caranya. Jadi esok, esok kalau betul-betul setahun lebih Sekinchan pun boleh buat macam i-Pad kita masukkan *all the information* macam ini, tanya tanah mana dan rekod borang, borang pun dalam i-Pad boleh isi dan *send*. Jadi kita boleh buat, itu *imagination* saya tetapi orang kadang-kadang pening kepala dengar cakap saya tetapi ini akan berlaku. Barulah Selangor canggih maknanya kita *that's mean we are going to make sure*. Sebab itu kita cakap pejabat turun ke rumah. Maknanya pejabat datang ke rumah.

Dahulu kita pergi pejabat, beratur tunggu. *Chief Clark* turun minum teh di bawah kita duduk sahaja pening kepala. Sekarang pejabat diturunkan. *This is the mission*. Maknanya kalau kita hendak Selangor Maju, Selangorku, *then* kita nyanyi lagu pelanggan. Saya tengok saya pun pening kepala dia orang dengar lagu pelanggan. Tapi rupanya dia tak tahu mana pelanggan. Sekarang pergi ke rumah pelanggan. Jadi kita akan lakukan tapi makan masa. *Why? Because* saya mula baca buku *how to change culture*. Ini budaya, budaya kerja. Budaya kerja dahulu lain, budaya sekarang lain. Hendak ubah budaya memang susah. Ok kita tak boleh cakaplah. Kalau Sekinchan kata hendak ubah budaya Kaum Tionghoa, ubah budaya Melayu, parang keluar. Jadi itu maknanya, maknanya itu *this is an axing example*. Tetapi kita mesti cuba ubah budaya dan budaya yang kita ubah ini membawa hasil yang positif. Apabila sudah mula hasil yang positif, barulah apa yang dikatakan penerimaan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Soalan tambahan ya, Yang Amat Berhormat. Yang saya maksudkan tadi ialah tanah-tanah perniagaan di kawasan tradisi. Di sana tidak ada kemudahan-kemudahan bank, semua tak adalah. Memang kampung betullah, di kampung tradisi. Walaupun perniagaan, tapi di kampung tradisi. Tadi Tan Sri kata tadi tak boleh dikurangkan. Ok, apakah, apa langkah-langkah lain supaya mereka boleh bayar? Di antaranya saya cadangkan tempoh 3 bulan untuk bayar itu saya rasa sesuatu yang membebankan. Boleh tak kita lanjutkan tempoh itu dan juga bayar secara ansuran?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya telah membincangkan perkara ini dan saya rasa kita hendak panjangkan dan kita juga suruh pelan 2 itu suruh ubah, ubah mengatakan apakah prasarana yang diperlukan untuk mengadakan ini memang betul macam bandar. Jadi maknanya nilai 100 ekar tanah tolak kos prasarana barulah kita tahu nilai sebenarnya. Jadi saya telah mengadakan perbincangan. Dengan cara itu satu perkara adalah nilai itu tidak sepatusnya sama dengan nilai di tengah-tengah Bandar Kajang, tapi apakah nilai yang sepatusnya? Dengan itu, kita dapat kurangkan nilai tanah sebab kita *basis calculator* lepas itu pula kita juga adakan perbincangan supaya mereka dapat membayar dalam masa yang sesuai.

Y.B. DATO' MOHAMED IDRIS BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ok

Y.B. DATO' MOHAMED IDRIS BIN ABU BAKAR : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Ok Hulu Bernam

Y.B. DATO' MOHAMED IDRIS BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker Negeri Selangor ini hampir 70% adalah bandar dikira Bandar. Jadi nilai tanah memang tinggi. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri Besar apakah dengan premium tanah yang tinggi sekarang ini dengan permohonan rayuan minta kurangkan premium tidak diluluskan. Kita dapat memastikan projek program perumahan Mesra Rakyat yang kita cadangkan pada harga RM100,000 itu dapat dilaksanakan dapat *dimaterialisasikan* kerana tidak mungkin perkara itu tidak mungkin dilakukan kalau pada kadar premium tanah sangat tinggi apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan yang program itu dapat dilaksanakan kerana kita mempertikaikan keputusan Kerajaan Pusat yang meletakkan harga pada RM200,000 kerana mengambil kira masalah premium tanah kawasan-kawasan Bandar. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker saya faham soalan tersebut. Sebab itu satu perkara rintihan bukan sahaja daripada PKNS tetapi kepada pemaju-pemaju kalau mereka dikenakan untuk membuat rumah mampu milik itu premium tanah tinggi maknanya kos meningkat mereka tidak larat melakukannya dan Kerajaan Negeri mengambil kira tentang perkara tersebut. Jadi kita adakan sampai 50% diskaun kita ada lakukan. Tetapi ada juga pemaju sudah dapat 50% diskaun dia lupa hendak buat. Dia pula datang jumpa kita berkata tak untung. Itulah yang kadang-kadang ramai kena *complain* sebab Menteri Besar marah pada dia sebab kerajaan janji hendak buat, buatlah.. Kemudian dia kata tidak dapat untung memanglah rumah bahagian kawasan itu tidak dapat untung sebab kita sudah kira tidak dapat untung tetapi yang lain itu yang kita beri rumah 2 tingkat rumah itu mendapat untung. Kalau dia mendapat untung, sebab itu kita sebut kos subsidi. Lepas itu saya minta beri akaun pembangunan itu sepenuhnya. Dia kata ada saya cakap beri pada siapa? Saya cakap saudara duduk

dengan saya sekarang saya hendak tengok akaun itu sama ada saudara untung ke tak untung. Lepas itu saya tengok ada yang untung betul untung dan saya suruh buat. Ada juga tidak untung sebab boleh jadi kawasan tersebut penjualannya tidak begitu munasabah dia hendak jual macam Bukit Beruntung tak untung pula dia. Jadi kita kata ok kalau itu berlaku kita boleh usahakan.

Jadi pada saya projek untuk menjalankan rumah mampu milik ini tidak boleh diketepikan kita mesti utamakan. Sebab sebahagian besar daripada penduduk negeri Selangor ini walaupun kita kata kita kaya sebahagian besar lebih 70% bukan satu angka yang kecil yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000. Sebab itu saya tunjukkan kalau kita tengok perangkaan apabila kita sebut negeri kita ini kaya ada juga orang yang dapat pendapatan lebih sejuta setahun tetapi tak ramai. Yang ramai kurang daripada itu. Sebab itu kita ada adakan satu program supaya menyelesaikan masalah ini. Kedua saya juga tidak akan menyokong satu usaha untuk mengasingkan rumah mampu milik dengan rumah-rumah masyarakat yang lain banglo, apa semua. Di banglo-banglo sahaja rumah mampu milik ditaruk 20 batu persegi tidak (???). Itu tidak boleh. Iltu daripada segi sosialnya kita mula mengasingkan masyarakat. Sebab itu baru-baru ini ada permohonan daripada Subang Jaya untuk mengalihkan rumah itu tidak boleh. Tidak boleh. Dia kata lebih baik *neighbour* orang ini mereka tidak berapa suka saya suka jadi maknanya itu jawapannya. Jadi *this is the issue* kita kena ubah. Sebab itu saya rasa pada masa akan datang projek hendak membuat 10 ekar ini nampaknya sangat sukar untuk berjaya sebab kita tidak dapat *the cost of infrastructure* sangat tinggi.

Walau bagaimanapun, saya percaya marilah kita cuba, cuba buat teapi tidak boleh jual rumah RM40,000, RM40,000 seunit *the quality* saya sudah pergi tengok RM40,000 seunit. Selepas 10 tahun *collapse* saya tengok memang betul-betul orang yang duduk itu apa semua paip bocor, lif tidak bergerak apa semua *admin* sebab dia hendak *cut cost* kualiti ada setengah itu dia tunjukkan. *This is the real* dia pergi hantuk dinding pecah. Saya diam saya tidak bercakap apa-apa. Diam. Jadi apa yang saya hendak buatkan kalau saya hendak buatkan balik dia sudah berkira berjuta-juta. Saya punya diam. Tapi *this is the issue this why* saya *must for low cost* kepada *affordable*. Saya beri contoh sebab banyak rakan yang mengatakan kenapa saya buat Bukit Botak. Bukit Botak *this is* satu *problem* tanah di Bukit Botak mahal sebab ia di tengah-tengah kawasan Selayang. Kita ada tanah di kawasan Selayang. Kalau kita buat apartmen yang RM40 ribu itu lepas itu beri kepada setinggan dia kena bayar RM40,000 dan kita rugi nilai yang itu. Sebab itu saya kata macam mana kita hendak menyelesaikan perkara ini?

Jawapannya *let's find the solution* apa yang kita hendak ambil kira adalah harga tanah, nilai tanah dan tempat baik untuk dibuat tetapi kita juga ada masalah setinggan yang miskin yang tidak boleh membayar tanah untuk perumahan tersebut lepas itu kita

design. *Design* kita begini: Kita buat semi-d orang pengsan tengok semi-d ini semi-d. Semi-d dengan semi-d maknanya kita dapat nilai yang betul. Jadi semi-d kita buat kita kata kalau nasib kita baik dia boleh beli dengan RM990,000 itu nilai semi-d. Tapi kalau dia tak hendak sebab dia tidak cukup duit kita beli semi-d itu dengan harga RM170 ribu. Dahulu dia dapat tempat dia kena bayar bertahun-tahun untuk menyelesaikan masalah RM40 ribu. Sekarang dia tak nak kita beri RM70,00 dia boleh pergi tidak berapa jauh daripada situ beli rumah kos rendah dengan harga RM40,000 tidak perlu bayar dah dapat rumah kos rendah *next the solution*. Jadi kita sekarang tak boleh *the solution* kita mesti ada cara selesaikan sebab masalah itu bukan *stag* saja. Sebab itu saya minta pegawai kerajaan pergi kursus *solution*. Salah satu saya hendak ajar mereka kalau ada masalah kita kena fikir, saya rasa rakan-rakan kita daripada RM40,000 seunit ingin tahu macam mana hendak menyelesaikan *conflict situation* kita selesaikan itu sebab tengok Bukit Botak dapat selesaikan 2 perkara menjaga nilai tanah memberikan pulangan lebih baik kepada peneroka dan menjaga keadaan tersebut. Sekarang peneroka pula sudah lebih pandai daripada saya. Dia tak nak jual rumah itu RM170,000 sebab dia kata apabila dia siap saya dapat RM130,000 jadi saya tak nak cakap lagi. Tetapi tujuannya ialah bagaimana kita sekarang dalam keadaan ini menyelesaikan beberapa perkara *solution* tidak boleh *very direct*. Sebab itu salah satu cadangan kita *for the future* rakyat kita mesti lebih proaktif lagi. Sebab itu saya hendak usahakan supaya kita dapat bersaing.

Y.B. DATO' MOHAMED IDRIS BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Cukuplah Dengkil

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Tuan Speaker soalan No.22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: KOS SARA HIDUP GENERASI MUDA

22. Sebagai sebuah negeri yang maju dalam negara masih terdapat ramai dari kalangan generasi muda berhadapan dengan masalah kehidupan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam usaha menangani kos taraf hidup khususnya generasi muda yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya sudah buat. Sebab itu saya ada program untuk membuat kajian mengenai sara hidup generasi muda saya tengah buat kajian. Antara

kajian yang saya buat berapa jumlah pendapatan yang boleh dapat menampung 2 suami isteri dan 7 orang anak saya akan membuat kajian. Kajian di Singapura sebagai contoh Singapura hanya suami isteri dan seorang anak tapi kita kena buat kajian bagaimana pendapatan yang munasabah untuk menampung satu keluarga iaitu 5 dalam 1 rumah dan yang ini perancangan yang akan kita lakukan dan kita akan lakukan *whole meeting* perjumpaan untuk menerangkan hasil daripada perancangan tersebut sebab kita dapati saya rasa untuk pendapatan RM700 untuk suami isteri dan 3 orang anak memang tidak munasabah kalau itu berlaku sudah tentulah dia mencari nafkah lain antara lain boleh jadi dia terpaksa ambil rasuah atau itu. Sebab itu kita hendak cari jalan bagaimana apakah nilai yang sepatutnya dan bagaimana kita hendak merancang generasi muda supaya dapat nilai tersebut ini yang saya rasa kita akan lakukan dan itu sebab saya kita buat peruntukan sebanyak RM50 juta dalam hal ini sebab kita hendak buat kajian. Ia bukan selesaikan masalah seluruhnya tapi sekurang-kurangnya kita dapat mengetahui tentang perkara ini yang salah satu perkara yang saya lihat kekurangan kita dari segi perancangan masyarakat kita. Kita sangat tertumpu pada 20% apa yang hendak saya terangkan 20%. 20% yang lulus Universiti masuk pengajian tinggi kita sibuk kita sibuk sangat sebab tak dapat. 20% kita diam yang sebenarnya masalah kita yang akan datang bukan 20% *is the 20%* bagaimana hendak kita meningkatkan pendapatan kita kalau dia menjadi kelindan lori sampai 20 tahun gajinya tidak boleh dinaikkan sebab kerja itu kerja kelindan lori jadi bagaimana kita hendak jadikan dia mendapat pendapatan lebih jangan kita bagi dia gaji untuk dia. Jadi kita kena ada program untuk meningkatkan kemahiran sebagai contoh peningkatan kemahiran antara lain bagi dia duit dapat lesen lori jadi dapat lesen jadi maknanya dia ada kemahiran dan lepas itu bagi dia peluang jadi fomen jadi kedua-dua itu hasilnya akan dapat meningkatkan pendapatan.

Jadi hal itu saya akan terangkan dari semasa ke semasa. Tidak lama lagi ada beberapa pakar daripada *United Nation* yang akan menegndalikan *workshop on the young generation*. Ini satu perkara yang sangat ditekankan oleh *United Nation* sebab kita tidak mengambil kira *the youth*. Sebab itu *youth* marah sangat sebab kita tidak mengambil kira. Ada dua perkara yang ditumpukan oleh *United Nation*; satu adalah memperkasakan kaum wanita; kedua tentang *the future of youth*. Jadi saya pastikan yang generasi muda yang akan datang terutama di Negeri Selangor mendapat pembelaan. Kalau dalam kawasan Perbandaran, kalau dia tidak dapat pendapatan dia akan merempat sebab di *once you are urbanized, the economy is monetized*, maknanya mesti ada khas pendapatan dan kepakaran.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya bernombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : ISU AIR

24. Jumlah rizab air di Selangor hanya dapat memenuhi keperluan untuk 800,000 pengguna. Penduduk di Selangor telah mencecah 5.3 juta dan jumlah penggunaan air telah meningkat sebanyak 3.5%. Krisis air dijangka berlaku di Selangor pada tahun 2014 dan mengikut kajian kerajaan negeri ia akan berlaku pada tahun 2019.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Usaha terdekat kerajaan negeri untuk menghadapi krisis air yang dijangka melanda negeri Selangor?
- b) Adakah rakyat perlu menunggu tahun 2014 untuk mengetahui status air di negeri Selangor?
- c) Apakah pelan pembekalan air mampan yang dirancang oleh kerajaan negeri Selangor?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Oh ini mengenai isu rizab air Selangor yang memenuhi keperluan 800 ribu penduduk Selangor. Terima kasih Batang Kali. Saya sama dengan Batang Kali memikirkan rizab air yang paling hebat diperbincangkan. Tetapi saya nak Dewan ni melihat daripada dua perspektif. Apa yang kurang apa yang ada. Satu perkara yang jelas di Malaysia dan di Selangor air banyak, ya air banyak. *If you're in Equatorial climate kalau you tak tau air banyak, memang banyak, sekarang ni kita berlebih-lebih ah bukan kurang air, banjir, air banyak. That's very clear and we invite a scientist tukang explain to us pasal untuk menentukan kita cukup air. The scientist* jawab pada saya, *he looked at my face*, ini satu "Eh, why are you asking this"? You don't need me, it is equatorial, 200 base a year hujan, maknanya ya..ah dua-dua jawapan dia adalah bagaimana kita menjaga air, bagaimana kita menjaga simpanan air. Kalau kita tanya LUAS pada masa ini sekarang, LUAS kata kita punya dam penuh dengan air, penuh sebab melimpah-limpah. Penuh, jawapannya. Ingat. Air mentah kita kena tahu, air mentah cukup maknanya berlebih. Kalau Sri Muda asal hujan, ahh orang Sri Muda tidak tidur nyenyak sebab takut apa...?

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Tan Sri.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Jadi maknanya air mentah tetapi masalahnya sekarang adalah air terawat, bukan air mentah. Air terawat ini, apa yang kita sebut *treatment plant*, maknanya daripada air mentah ke air terawat. Jadi, air masuk. Jadi jumlah air mentah banyak. Sebab itu bukan oleh sebab perjanjian sudah dibuat, saya

tak nak komplain la, kita janji dengan Pahang nak ambil air, jawapannya adalah kita ambil air dari Pahang, adalah air mentah bukan air terawat. Bukan air terawat. Maknanya daripada segi air mentah *is not an issue*. *An issue is* air terawat, tetapi tak apa lah kita dapat daripada Pahang air mentah tetapi kita mesti bill *treatment plant*. Jadi jawapan kita cukup tak kita ada *treatment plant*? *Treatment plant*, jawapannya kita ada banyak *treatment plant*. Salahnya kita Kerajaan Negeri punya *treatment plant* bukan pihak swasta punya *treatment plant*. Kita beri sahaja *treatment plant* kepada mereka supaya mereka kendalikan, jadi dia kendalikan. Mana yang dia nak kendalikan yang lain dia tidak nak buat sebab dia cakap dia belum ada duit nak buat.

Jadi, jawapan kita kalaular kita betulkan semua *treatment plant* yang ada sekarang yang dimiliki oleh sesiapa pun untuk keluarkan air mentah ke, air terawat ke, cukupkah air terawat? Jawapannya ada, cukup tetapi orang akan tanya kenapa tak cukup? Jawapannya paip kita bocor pulak. Mana bocor, di mana bocor? Jadi jawapnya *non-revenue water*. Sebab itu orang kata *non-revenue water*. *Non-revenue water* kalau 100 gelen air terawat, tinggal 70 saja ataupun 60 gelen sampai ke rumah sebab *non-revenue water* kita 30% - 40% tidak sampai. Maknanya berapa banyak pun kita buat air terawat jika punya *logistic* tak betul habis juga. Sebab itudua perkara; *treatment plant*, *two is the non-revenue water is called leakages*. Kajian kita menunjukkan SYABAS *failed in these two areas* sebab tak cukup duit, tak cukup *asset*, itu *failed*. Jadi negeri kata tak boleh. Sebab itu Menteri sampai kata “*Oh, there will be no water ini Selangor in 2012*, kalau tidak 2011 sebab kita dah mandi dah, 2012, *no water, ridiculous, there is no water*, ada. Jadi maknanya air yang terawat boleh jadi tak cukup. Air ada. Jadi jawapan kita untuk menyelesaikan air terawat Kerajaan Negeri bercadang untuk menyusun semula supaya semua *treatment plant* ini kita baiki, kemudian kita ada rekod tentang bagaimana *monitoring* air terawat. Tetapi Kerajaan Persekutuan ada cara mereka iaitu beri duit kepada SYABAS. Walhal, lebih baik diberi kepada Puncak Niaga, lebih baik mereka beri kepada Kerajaan Negeri, rakyat Selangor supaya dia dapat betul. Kalau mereka beri 100 ringgit kepada Puncak Niaga, Puncak Niaga *will try to make sure* sekurang-kurangnya *it makes a profit of 15% out of that RM100.00 dollars*. Kalau beri pada Kerajaan negeri Selangor, Kerajaan negeri Selangor *is not going to make a profit out of that. So that's the different. That is why the privatization should not be to for the social needs. That's bezanya*.

Saya seorang daripada ahli korporat, *I accept privatization but privatization cannot be done on utilities. This is not a profit scheme, it is untuk rakyat, this is our responsibility*. Sebab itu *I'm appose*. Orang tanya “Eh kenapa seorang yang pernah bermiaga, bukan saya tak suka dapat untung, ah saya lagi suka dapat untung tapi *not at extend of the rakyat, this is us*. Kalau saya beri hari ni Puncak Niaga dan SYABAS untuk setuju tentang ni air akan naik 71%, angka ini bukan angka daripada saya. Angka ini adalah daripada seorang yang pernah jadi CEO PAAB atau Pengurusan Air Negara. Dia yang

kata, Tan Sri *this will make you pay 71%, should I accept it?* Biar rakyat Selangor kena dan *start blaming UMNO. That's not going to be the answer.* Saya boleh cakap ini bukan hal saya. Ini Sungai Panjang yang buat bodoh, dia buat kerja ini biar la dia kena bayar. *No, I'm not going to do that, saya kata kita solve this problem. We stand by our decision,* kita punya *decision continue to fight so that we can solve this problem.* Itu yang saya tunjukkan dan saya buktikan pada saudara asset kita. Asset kita yang tidak di akaun berjumlah RM12 bilion termasuk *twenty four treatment plant.*

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Pengerusi...

TUAN SPEAKER : Belum lagi, tengah jawab. Berapa kali saya nak ingatkan.

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Ok, ok.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Jadi kalau saudara nak mengadakan perbincangan dengan rakyat saya boleh buka tapi bukan di sinilah. Di sini nanti, tanya macam itu, saya boleh buka, *we're, we've an open book.* Semalam saya dah hantar *auditor* ke SYABAS, *Heldcrew* namanya, syarikat tu. Sebab saya undang syarikat antarabangsa kerana mereka pernah mengaudit air-air, pengurusan air di England dan di Australia. Jadi kita kena buat perbandingan dan kalau kenyataan kita ini boleh jadi *emotional* bukan *factual*, kita *go to that.* Jadi, apa yang nak saya terangkan *we have look at treated water*, air yang apa tu yang sudah di *treatment* dan kedua, kita juga melihat daripada segi apa yang dikatakan *non-revenue water, leakages*

TUAN SPEAKER : Ya, Batang Kali.

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Pengerusi, saya juga setuju apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri berkaitan kita sebenarnya kekurangan air bersih walaupun kita ada air banyak. Itu saya setuju, saya tak menafikan langsung, Cuma saya tak mahu lagi kita menjadi sebuah Kerajaan yang mengandai-andai tanpa bukti contohnya kita mengandai Tan Sri mengandaikan dahulu kita akan mengutip hasil pasir setahun 150 juta sehingga saya tengok dalam bajet baru pun dia tak boleh buat pun, RM35 juta je. Realitinya itu andaian beliau masa beliau menjadi Menteri Besar. Soal air juga begitu, kita tidak mahu andaian-andaian. Hari ini saya telah lihat Tan Sri telah mengambil langkah bijak melantik Erinco untuk membuat agaknya membuat sesuatu berkaitan ini berkaitan kajian dan sebagainya. Jadi saya sebagai Ahli Dewan dan juga Ahli-Ahli yang lain termasuk pihak Kerajaan juga ingin melihat apa yang Erinco tulis, laporan tu tolong edar kepada kita dan kita tak nak mendengar dari satu pihak, kita tak mahu mendengar laporan daripada SYABAS semata-mata Kementerian semata-mata, kita nak secara bertulis daripada Erinco yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sendiri. Jadi kita boleh *compare*, Tan Sri bercakap sahaja tanpa hitam putih, nanti saya cakap Tan Sri berbohong lagi, Tan Sri kata saya kurang adap tapi ini hakikat dia, tolong kemukakan secara detail dan bertulis kepada kami laporan yang dibuat oleh Erinco dan

juga walaupun syarikat baru tu baru sehari dua ni menyiasat tak apa kita biarkan, *hardcore* ke *hard crony* ke itu kita biarkan dahulu, yang Erinco ni saya mohon pada Tan Sri. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya sangat sukacita meminta Setiausaha Kerajaan Negeri menghantar surat kepada semua Ahli Dewan tentang *valuation* oleh Erinco yang sebanyak 12 bilion yang kadang-kadang saya tak nak cakap terlalu banyak. 12 bilion kadang-kadang orang nak tukar gigi emas pula. Jadi saya kadang-kadang turunkan kepada 10 bilion. Itu sebabnya. Tetapi surat tu ada. Erinco dah buat apa semua, dan kita boleh hantar kepada semua.

Kedua, Hallgrow pun kita kena umumkan hasil kajian mereka. Saudara mempersoalkan tentang unjuran. Kalau saudara lihat unjuran, jadi kalau saudara biasa dalam business, dalam apa....unjuran kena dibuat, kalau tidak macam mana kita nak buat rancangan. Tau tak saudara, boleh tak saudara tengok unjuran pembangunan Greek, unjuran pembangunan Greek, kalau saudara baca pada tahun 2003, Greek akan menjadi sebuah negara yang sangat maju. Apa jadi pada 2011? Ha itu dia. Unjuran, unjuran saudara juga di Kerajaan *Federal* tidak mestinya seratus peratus betul. Unjuran saudara Dasar 2020, 2020, saya antara orang yang termasuk dalam kumpulan itu. 2020 unjuran kita, ekonomi kita *grow at seven percent every year in order to achieve The Vision 2020*. Ada. Ada juga kita dapat ...

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tuan Speaker, penjelasan Speaker. Saya ingin penjelasan Speaker.

TUAN SPEAKER: menjelas, jawab dulu, tunggu dulu lain kali

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: tak boleh tak apalah...janganlah Speaker..... ,

TUAN SPEAKER: berapa kali nak cakap

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: ok saya duduk

Y.A.B. DATO MENTERI BESAR : Kemudian pasir. Saya nak tunjukkan bentuk unjurannya. Unjuran saya, tentang pasir saya terangkan tentang *the demand of pasir and the supply of pasir*. Saya tengok *the demand of pasir* dengan *the supply of pasir that is this gab*. Gab itu saya tunjukkan and daripada gab tersebut saya kata kalau kita buat *hundred person, sure we will get towards the hundred and fifty million*, tapi apa telah jadi? ... Apa telah jadi, kita boleh...dan you see the value. Jawapannya kita dapat dalam RM40 ke RM50 juta, *that* daripada 0 sampai RM40 ke RM50 juta *is something to be save* bukan? bukan satu perkara yang kita...

Kedua, kita dapati bukan sahaja pasir ini datang daripada ini, datang daripada Perak datang daripada Negeri Sembilan. Jadi, *now* kita telah buat perbincangan bagaimana Kerajaan Negeri mendapat pendapatan daripada pasir tersebut. Jadi *it the process, it the process* bukan maknanya saya tidak mengaku saya *hundred percent* betul tetapi jawapannya betul. *You can increase your income, you can increase your income*, that

betul, tapi *exactly two hundred and fifty* saya ingat kalau esok, ini jangkaan saya lagikan apabila terdapat ke mrt yang kita lakukan apa semua... harga pasir akan meningkat . Macam serupa juga saya buat unjuran. Maknanya saya beri contoh saya buat unjuran untuk mengambil alih ladang-ladang di Indonesia oleh saudara Anthony Salleh yang saya ambil, masa saya di Guthrie. Ramai orang kata ini kes gila sebab ... tetapi saya terangkan, unjuran saya hanyalah harga kelapa sawit RM1500 setan unjuran saya. Tetapi sekarang bukan RM1500 setan tetapi nilainya melebihi RM5000 setan. Jadi harga yang saya ambil alih satu (1) bilion, sekarang nilai, nilai pelaburan yang kita buat di Indonesia yang USD350 juta itu sudah jadi 4 ke 5 bilion. Jadi tak ada juga orang daripada UMNO dan Barisan Nasional *says thank you*, tak ada juga... tak ada, tak *thank you* langsung...tak ada juga..Tapi tak apalah. Jadi daripada segi unjuran kita *review*, kita *review* sentiasa. Sebab itu saya masukkan *integrity transparency international* masuk dalam Kumpulan Semesta sebab saya nak tengok supaya adakah kecurian apa semua, rakan kita daripada Kuang cakap pasal curi apa semua. Saudara sekarang boleh *claim* kalau betul dapat siapa yang mencuri boleh *claim*, sebab kita ada peruntukan untuk mencegah rasuah, saudara dapat duitJadi buat apa yang patut sekarang ..tak boleh ...bising .. kena buat. *It is your duty, it is your money as why as I have but this is what we have to do.*

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: masa pertanyaan sudah tamat. Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan (2012)(2011).

III. RANG UNDANG-UNDANG

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku, sila sambung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Tuan Speaker. Semalam saya menyatakan tentang ucapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pembangkang berkenaan dengan isi perbahasan mereka. Berkenaan dengan tahun berapa agaknya Kerajaan Negeri Selangor akan bankrap. Tapi malangnya, kalau kita menghalusi ucapan pembangkang, kita tidak ada satu jawapan. Maksudnya ialah pendek katanya, ini semua juga merupakan spekulasi di mana pembangkang menggunakan persoalan ini untuk menimbulkan satu persepsi bahawa kerajaan akan bankrap pada halnya mereka sendiri pun tidak ada satu perangkaan agaknya bila dan tahun-tahun di mana kita akan bankrap ini sebenarnya merupakan satu perangkaan yang tidak terhingga. Saya ingin bertanya sebenarnya Tuan Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan saya iaitu jikalau pembangkang begitu beria-ria dan bercita-cita untuk mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor maka pembangkang seharusnya membentangkan satu belanjawan alternatif seperti apa yang dibentangkan oleh Pakatan Rakyat di peringkat Parlimen berpandukan kepada Buku Jingga dan bajet alternatif ini perlulah dibentangkan sebelum bajet Kerajaan Negeri dibentangkan. Tapi sehingga sekarang kita tak nampak satu perkataan pun tentang belanjawan alternative daripada pembangkang. Jadi saya rasa ini adalah pembangkang yang cukup tidak bertanggungjawab kerana mereka tidak ada sebarang bentuk persediaan untuk

mengambil alih kerajaan, yang paling penting sekali, belanjawan pun tak ada, jadi saya rasa ini adalah sesuatu yang perlu diperjelaskan di dalam dewan yang mulia ini. Saya juga terkilan kerana sehingga sekarang kita masih belum menerima apa-apa makluman daripada kerajaan berkenaan dengan jambatan ketiga Klang. Sepatutnya ini harus dimasukkan dalam Belanjawan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 dan ini adalah satu janji, betul tak, ini adalah satu janji Barisan Nasional pada masa tahun 2008, tapi sampai sekarang masih belum dilaksanakan, masih belum direalisasikan kerana ianya tidak dimasukkan di dalam Belanjawan Tahun 2012 Kerajaan Persekutuan. Saya meminta pertolongan daripada rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional supaya perkara ini dibangkitkan. Jambatan Klang ini adalah untuk kegunaan semua rakyat negeri Selangor bukan sahaja untuk rakyat Klang sahaja dan saya rasa semua pihak termasuk Barisan Nasional juga perlu mengingatkan, mengingatkan Kerajaan Persekutuan yang ditadbir oleh Kerajaan Nasional sendiri supaya jangan lupa janji, jadi...

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: ia silakan.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Boleh, ya saya nak tanya pada Kg. Tunku kalau bercakap tentang janji, saya rasa sebenarnya Pakatan Rakyat pun banyak yang berjanji. Kalau kita lihat pada manifesto pilihanraya yang kedua belas, banyak janji-janji tidak ditunaikan, janji nak bagi pada suri rumah yang tak bekerja, duit bagi anak-anak yang nak masuk nurseri, duit yang diwar-warkan YB Exco pun tentang kebajikan kepada pelajar-pelajar masuk universiti bukannya semua yang dapat, ramai juga yang dapat jumpa dengan wakil rakyat barisan untuk mendapatkan bantuan. Jadi soal janji ini saya rasa elok tengok diri sendiri dululah daripada nak tanya orang lain, tapi Kg. Tunku ini memang hebat, bercakap di sini memang cukup hebat, suka menuding jari tapi dia lupa bila menuding jari pada orang lain, empat jari lain menuding balik kepada dia.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Taman Templer, saya tidak menuding jari saya hanya bercakap berdasarkan fakta. Yang Berhormat Taman Templer menyatakan bahawa kami mempunyai banyak janji-janji, Pakatan Rakyat mempunyai banyak janji yang belum diselesaikan. Satu yang saya ingin bangkit di sini ialah sebelum Mac Tahun 2008, Pakatan Rakyat masih belum wujud lagi dan kedua walaupun ia masih belum wujud tapi dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Tan Sri Menteri Besar dua, tiga hari yang lalu, kita telah mengumumkan geran RM300 juta untuk program-program di bawah Selangor Ku dan di bawah program-program Selangor Ku ini ada, ada butirannya berkenaan dengan janji-janji yang diketengahkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, jadi saya minta Yang Berhormat dari Taman Templer ... untuk memperincikan

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: minta penjelasan, Tuan Speaker minta penjelasan,, bagi laluan...bagi laluan...

TUAN SPEAKER: nantilah, minta laluan bagi dia berhenti dulu.....

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: ialah minta laluan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: berdiri tunggulah dia bagi, bukan cara minta laluan begitu.....

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker jangan marah sangat.....

TUAN SPEAKER: faham tak minta laluan caranya dengan sopan,

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: janganlah marah sangat.....

TUAN SPEAKER: saya cakap duduk dulu, duduk dulu.....saya dah berkali-kali ingatkan, kita ada cara minta laluan, minta laluan cakap sekali berdiri, sampai dia berhenti, bukan cara itu nak hentikan orang, tak boleh, faham tak Taman Templer. Faham tak.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: cakap cara elok saya fahamlah.....

TUAN SPEAKER: Faham tak.....

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: kita wakil rakyat yang bermaruah.....

TUAN SPEAKER: duduk dulu, duduk dulu..... baik Kg. Tunku, sambung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Taman Temper sabar sebab saya belum habis lagi penjelasan saya. Di bawah geran RM300 juta ini ada diperuntukkan program pemerkasaan wanita dan ada program yang melibatkan pemberian kepada anak-anak kecil ke tadika dan juga program-program yang perlu diteruskan di bawah Program MES, merakyatkan ekonomi selangor. Jadi semuanya ada di sini, saya bercakap berdasarkan fakta.

TUAN SPEAKER: ia , baik

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Kg. Tunku, memang apa yang dicakapkan benar, tetapi apa yang saya bangkitkan ini berkenaan dengan manifesto pilihanraya 2012 dikatakan semua yang diminta itu akan dilaksanakan, itu janji kepada rakyat Negeri Selangor tetapi hampir 3 tahun 7 bulan telah pun berlalu takkan sekarang ini dah dekat pilihanraya barulah kita nak tunaikan janji-janji tersebut. Ini nampaklah sangat hanya orang kata menarik tali dengan rakyat Negeri Selangor, janji masa dekat pilihanraya, takut akan datang berjanji lagi, itu yang saya bangkitkan di sini, bukan soal, nampaknya cara jawapan YB Kg. Tunku pun sama bersetuju dengan saya bahawasanya banyak juga janji-janji tak dilaksanakan sehingga sekarang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya beranggapan apabila Yang Berhormat Taman Templer bersetuju dengan hujah saya, saya rasa saya sudah menjawab soalan daripada Yang Berhormat apabila tempoh masa telah bersetuju dengan saya, memang semua ini akan dilaksanakan ianya perlu dilaksanakan secara berperingkat dan jambatan Klang ini pun janji juga, kami tidak menyalahkan Kerajaan Pusat.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Kg. Tunku. Adakah Yang Berhormat Kg. Tunku bersetuju selain manifesto yang diutarakan di dalam pilihanraya yang lepas sebenarnya Kerajaan Pakatan Rakyat kita telah melaksanakan banyak yang di luar janji tiada dalam manifesto seperti Mesra Usia Emas, seperti air percuma dan adakah Kg. Tunku bersetuju kalau Kerajaan Persekutuan beri dengan setimpal cukai pendapatan yang kita beri kepada Kerajaan Persekutuan sudah tentu Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor boleh melaksanakan apa yang kita janjikan sebelum ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya berharap memang itulah apa yang akan berlaku dan saya berharap lebih banyak lagi program-program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membangun ekonomi dan sahsiah kerajaan dan juga rakyat Negeri Selangor ini. Itu adalah cita-cita bersama kita semua. Saya berpendapat apa yang kita bentangkan di sini adalah janji Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat, janji tetap janji sama ada ianya dilaksanakan tahun 2008, 2009 ataupun 2010 ataupun tahun ini ataupun tahun depan ianya mesti dirangka, dibentangkan dalam Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri untuk diluluskan tetapi sampai sekarang masih belum ada satu perkataan pun tentang jambatan ketiga Klang ini, saya tanya bila akan berlaku, bila akan dibina, saya tanya kepada semua, saya bertanya kepada pegawai-pegawai kerajaan persekutuan, saya bertanya juga di sini di dalam dewan yang mulia ini, menteri kerja raya buat apa sekarang, jadi itu persoalannya.

Tuan Speaker saya teruskan dengan ucapan saya, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang berkenaan dengan Bajet Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2012 ini yang pertama adalah pemberian ataupun terimaan daripada agensi-agensi lain dari Kerajaan Persekutuan, pemberian mengikut bilangan penduduk sebenarnya kalau mengikut buku yang diberi kepada kami ini telah berkurangan daripada RM75 juta ke RM65 juta sahaja. Apabila jumlah penduduk di Negeri Selangor ini semakin bertambah, mengapakah terimaan daripada Kerajaan Persekutuan ini merosot, adakah ini juga disebabkan oleh unsur-unsur politik sementara itu pemberian jalan raya dan lorong juga merosot daripada anggaran RM250 juta ke RM180 juta dan ia kekal pada tahap RM180 juta sahaja pada tahun 2012. Waktu di mana kepanjangan jalan raya di Negeri Selangor semakin bertambah dengan pembangunan aktiviti pembinaan, industri dan komersial adalah mustahil untuk anggaran pemberian jalan raya dan lorong ini kekal pada tahap RM180 juta sahaja. Saya minta Kerajaan Negeri untuk memberi satu penjelasan yang lebih menjuru di dalam dewan yang mulia ini.

Selain itu, Tuan Speaker, penilaian hasil Wilayah Persekutuan dan Putrajaya ialah Rm18.3 juta dan RM7.5 juta setiap tahun. Jumlah ini seharusnya semakin bertambah mengikut peredaran masa. Mengapakah Kerajaan Selangor hanya mendapat terimaan setakat RM25 juta setahun sahaja? Saya memohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan saya juga ingin memberi peringatan kepada Kerajaan Selangor yang akan datang agar tidak melakukan kesilapan yang sama sehingga menggadaikan

tanah negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan dengan terimaan yang langsung tidak berbaloi.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat pada permulaan pemerintahannya juga telah bercadang untuk melaksanakan Program Penternakan Moden Babi untuk mengatasi masalah pencemaran yang selalu dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung sekitar kawasan Tumbuk, daerah Sepang. Sememangnya penternakan babi moden ini juga penting untuk menghasilkan daging babi yang berkualiti tinggi untuk dijualkan di pasaran pada harga yang lebih lumayan sekali gus menguntungkan semua pihak khususnya para penternak, penduduk-penduduk di persekitaran yang tidak akan menghadapi masalah pencemaran alam sekitar. Walaupun begitu, pembangkang tidak bertanggungjawab yang dipelopori oleh UMNO telah menjadikan isu ini sebagai isu politik padahalnya pohon penternakan moden babi ini disokong oleh semua pihak termasuk pihak akademik kerana ianya akan membawa 1001 kebaikan. Keceluaran UMNO ini telah jelas kelihatan apabila rakan komponen Barisan Nasional yang satu lagi iaitu MCA menyokong program ini lebih-lebih lagi dasar untuk menjalankan program moden babi ini sebenarnya dimulakan oleh Kerajaan Barisan Nasional bukannya Pakatan rakyat. Walaupun dasar ini adalah dasar Barisan Nasional, tapi

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sungai Pelek.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nanti, saya akan habiskan perenggan ini. Tapi PR tidak main politik kerana Pakatan Rakyat percaya jika lau sesuatu dasar itu bagus maka ianya perlu diteruskan sama ada Barisan ataupun Pakatan. Silakan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Saya kurang setuju lah apa yang Kampung Tunku sebut tentang penternakan babi di Tumbuk, daerah Sepang mengatakan bahawa MCA terus bermain politik di dalam isu ini. Hari ini siapa yang jadi kerajaan? Pakatan Rakyat jadi Kerajaan Negeri Selangor, bukan UMNO jadi kerajaan, bukan MCA jadi kerajaan, bukan Barisan Nasional yang jadi Kerajaan Negeri Selangor. Jika Pakatan Rakyat fikir itu baik sebagaimana yang disebut oleh Kampung Tunku itu tadi, jadi jalankan sahaja. Jangan letakkan alasan ini di atas bahu kami ini. Jangan cari kesalahan orang lain apa yang disebut oleh mana ini, Taman Templer, menuding jari satu keluar empat masuk sini kan? Inilah perangai ke rasa saya boleh saya cadangkan kepada Kampung Tunku supaya you boleh cadangkan dalam mesyuarat di dalam dewan sidang DUN ataupun EXCO yang berkenaan. Itu cadangan dan saya mohon kerjasama Kampung Tunku, sekian.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Sungai Pelek. Saya rasa Sungai Pelek janganlah meletakkan perkataan kamu ke dalam mulut saya. Saya tidak kata MCA main politik, apa yang saya katakan di sini ialah pada masa itu tahun 2008, memang ada

kenyataan daripada pemimpin-pemimpin MCA yang menyokong dasar penternakan moden babi ini dan kenyataan ini bercanggahan dengan kenyataan UMNO pada masa itu. Sebabnya ialah UMNO main politik, MCA dia tahu fakta. Jadi saya tidak main politik sini, saya hanya cakap berdasarkan fakta. Tak apa, Yang Berhormat Sungai Pelek, apabila Yang Berhormat Sungai Pelek meneliti ucapan saya seterusnya Yang Berhormat Sungai Pelek pasti akan faham inti pati ucapan saya.

Jadi Tuan Speaker, setelah lebih tiga tahun program ini tergendala kerana mainan politik UMNO, saya sini meminta Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepatkan program ini kerana cara penternakan babi yang tradisional yang masih dijalankan sekarang di Tumbuk dan kawasan Sepang adalah tidak mampan dan tidak mesra alam sekitar. Kerajaan Negeri harus menetapkan satu jadual masa dan menetapkan semua masa yang penting untuk dicapai oleh semua pihak. Mesyuarat perlu diadakan dengan lebih kerap supaya semua masalah yang berbangkit dapat diselesaikan dalam masa yang paling singkat dan tidak dilengah-lengahkan. Sehingga sekarang Kerajaan Negeri masih belum menunjukkan apa-apa kemajuan dalam melaksanakan program ini dan saya khuatir ianya akan menjelaskan kredibiliti Kerajaan Negeri Selangor. Saya meminta kerajaan untuk juga menjelaskan di dewan ini dengan terperinci apakah perkembangan terbaru program ini? Apakah masalah yang masih dihadapi oleh kerajaan? Apakah cara-cara penyelesaian yang ada untuk mengatasi masalah-masalah ini? Saya juga meminta kerajaan untuk membuat hebahan dari semasa ke semasa untuk memaklumkan rakyat tentang perkembangan program ini. Apa yang penting ialah ini adalah satu yang pernah dijanjikan oleh kerajaan dahulu dan jika ianya ada kebaikan maka Kerajaan Pakatan Rakyat mempunyai tanggungjawab yang penuh untuk melaksanakan program ini. Jangan sekali sekala Kerajaan Pakatan Rakyat tunduk kepada permainan politik dan *racism* UMNO dalam hal ini. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang biasiswa...

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya. Yang Berhormat, ya, sila.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Ini Kampung Tunku, *you* cakap ini YB berbelit. Kalau *you* nak pertikaikan apa Kerajaan Negeri buat, *you* wakil rakyat pakatan. Kerajaan Negeri tak buat *you* kena tuding jari pada mereka. Apa kena mengena dengan UMNO? Balik-balik UMNO, tak ada kena mengena langsung. Kalau perkara itu betul *you* cakap, kita setuju lah tapi kalau tak tentu pasal, duk menudung jari pada orang lain, saya rasa ini satu perkara yang memang tak masuk akal. Tak ramai orang yang duduk tengok pun, nampak sangat tak ada hala tuju *you*. Kalau *you* nak pertikai Kerajaan Negeri tak buat, bagus. Saya setuju lah, pasal soal babi saya tak mahu masuk campur tapi saya rasa kalau betul benda itu perlu digesa supaya Kerajaan Negeri mengambil satu langkah supaya jalankan terus. Tapi *you* nak menyimpang ke UMNO lah, ke MCA

lah apa hal? Kita ini wakil rakyat Barisan Nasional tak pernah pun cakap PAS ke, cakap ADIL ke, tak pernah kerana kita duduk dalam dewan ini bercakap tentang kerja kita sebagai wakil rakyat yang berwibawa yang main peranan untuk membantu rakyat di Negeri Selangor. Tetapi orang kata terlalu cetek sangat permainan politik wakil rakyat daripada Kampung Tunku ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya. Saya jawab. Saya jawab. Alangkah baiknya kalau kenyataan ini dikeluarkan pada bulan Mac dan April tahun 2008. Saya masih ingat pada masa itu, semua kampung Melayu sarat dengan satu poster yang diedarkan oleh orang-orang UMNO. Poster itu ada gambar Yang Berhormat EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Selangor sekarang ini di dalam ia, ada juga gambar-gambar babi. Mengatakan bahawa PAS, Keadilan menggadaikan hak orang-orang Melayu dengan membenarkan program penternakan moden babi ini, ingat tak Yang Berhormat? Jadi saya kata, Yang Berhormat jangan lupakan kata-kata kamu pada tahun 2008. Jangan lupa apa yang dilakukan oleh UMNO pada masa itu, sekarang kamu boleh cakap baik-baik tapi ingat dua tiga tahun yang lalu, itu bukan percakapan Yang Berhormat pada masa itu. Tak apa, saya teruskan. Saya sudah masuk yang satu lagi.

Tuan Speaker, Kerajaan Selangor telah menyediakan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Selangor tanpa mengira kaum dan agama sejak tahun 1988 supaya mereka dapat sambung pengajian ke IPTA dan IPTS pada peringkat ijazah dan diploma. Pinjaman ini dikendalikan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor dan ianya berlainan dengan pinjaman di bawah Yayasan Selangor. Pinjaman yang diberikan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini adalah tanpa faedah dan boleh ditukar kepada biasiswa jika pelajar mencapai keputusan cemerlang. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan RM82 juta untuk program ini dan sejak skim ini dilancarkan pada 1988, seramai 12 ribu pelajar telah berjaya menerimanya. Setakat ini setiap tahun kerajaan memberi pinjaman dan biasiswa sejumlah RM5.5 juta kepada jumlah satu ribu orang setahun dan dijangka jumlah pemohon dan kelulusan akan bertambah dengan setiap pelajar mendapat lebih kurang RM6,500 setahun bergantung kepada kursus pengajian yang dipilih. Kursus yang lebih mahal contohnya perubatan, jumlahnya adalah lebih tinggi. Dan setakat ini pinjaman yang boleh ubah ini telah dinikmati oleh mereka yang mencapai kepujian dan juga keputusan yang cemerlang. Seramai 94 orang yang melibatkan pelupusan pinjaman sejumlah RM619,000 telah dilupuskan. Kelayakan ini membolehkan graduan menerima pelupusan atau potongan sebagaimana seperti berikut. Antara CGPA 3.75 sampai 4.00, potongan 100%. Antara CGPA 3.50 hingga 3.74, potongan 50%. Antara CGPA 3.00 hingga 3.49, potongan 25%. Tindakan murni Kerajaan Selangor memberi pinjaman pelajaran yang berbentuk boleh ubah ini perlu diteruskan malah perlu juga dipertingkatkan amainya kepada pelajar supaya ianya menjadi sesuatu yang lebih menarik dan berjaya berbanding

dengan pinjaman pelajaran yang ditawarkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau nama singkatan PTPTN.

Tuan Speaker, pada masa sekarang PTPTN menawarkan pinjaman pelajaran secara purata kepada RM7,500 kepada pelajar yang mengikuti kursus Sains sepenuh masa di IPTA dan amaun ini adalah lebih tinggi dan lebih menarik daripada pinjaman pelajaran Selangor ini. Lebih-lebih lagi amaun ini akan menjadi lebih tinggi bagi mereka yang mengikuti kursus-kursus sepenuh masa di IPTS. Berikut dengan peningkatan hasil kerajaan negeri maka saya mencadangkan supaya peruntukan kepada Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini ditambah supaya pinjaman pelajaran dalam amaun yang lebih tinggi boleh ditawarkan kepada lebih ramai anak-anak Negeri Selangor. Selain itu saya juga bercadang kita menggunakan cara ini untuk mengikat pelajar-pelajar yang cemerlang supaya berkhidmat dengan kerajaan negeri dan juga PBT di Negeri Selangor selepas tamat pengajian. Ini adalah kerana kerajaan memerlukan mereka yang cerdik dan pandai untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam di Negeri Selangor supaya sistem penyampaian perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Negeri Selangor ini dapat dipertingkatkan.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang rompakan terhadap sistem perolehan kerajaan negeri. Ini perlu dijalankan dengan segera untuk mengurangkan kos pentadbiran kerajaan negeri. Kerajaan telah mengatakan bahawa *margin* keuntungan kontraktor perlu diturunkan daripada 30% ke sekitar 7% untuk mengurangkan kos pentadbiran kerajaan negeri. Baru-baru ini Laporan Ketua Audit Negara telah membongkar beberapa perolehan yang dilakukan oleh jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan yang telah dijalankan pada harga yang jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Kerajaan negeri perlu mengambil iktibar daripada kejadian ini dan mengambil langkah-langkah proaktif supaya perkara yang sama tidak akan berlaku di kerajaan negeri dan juga PBT-PBT di Negeri Selangor. Justeru itu saya mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk menetapkan satu senarai unjuran harga bagi projek-projek infrastruktur dan perolehan supaya kerajaan negeri tidak perlu membayar harga yang terlampau tinggi kepada pembekal atau kontraktor dalam mana-mana projek, tender, projek perolehan atau kerja-kerja inden. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan perbincangan dengan wakil kontraktor, wakil persatuan kontraktor, wakil Jabatan Kerja Raya dan jabatan-jabatan yang berkenaan supaya jurang harga ini boleh ditetapkan sebagai satu rujukan dalam membuat sebarang bentuk perolehan. Ini adalah kerana kita perlu mengambil kira harga pasaran bagi sesuatu barang, memang ada turun dan naiknya.

Jadi, kita perlu tahu apakah harga pasaran pada sesuatu masa itu. Kerajaan Negeri Selangor sama dengan agensi-agensi kerajaan pusat yang lain telah menggunakan sistem *cut off*. Ini adalah satu sistem yang semua tahu. Sistem ini telah digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan bermula pada tahun 2004 bagi menggantikan cara lama iaitu

dengan menggunakan anggaran jabatan sebagai kaedah bagi menentukan kemunasabahan sesuatu harga tender. Anggaran jabatan pada masa itu dikatakan selalunya tidak tepat disebabkan kesilapan pengiraan atau pun kekurangan maklumat mengenai harga pasaran semasa. Sistem *cut off* selalu dikaitkan dengan tangkapan bahawa kontraktor yang menawarkan harga yang paling rendah tidak semestinya mendapat tender atau sebut harga yang berkenaan. Ini adalah kerana mengikut sistem *cut off* ini harga *cut off* akan dikira berdasarkan pengiraan nilai-nilai seperti *main standard deviation* dan *cooficient of aviation* (CV) dengan izin. Mengikut formula matematik yang telah ditetapkan nilai-nilai ini dikira berdasarkan nilai-nilai yang dicadangkan oleh kontraktor. Walau pun dari segi teori bilangan harga tender diterima yang lebih tinggi akan menghasilkan harga *cut off* yang lebih realistik, tetapi ianya masih juga boleh dimanipulasikan. Contohnya, seorang kontraktor yang mempunyai banyak syarikat yang didaftarkan atas nama-nama yang berbeza akan menawarkan harga-harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran, iaitu harga yang munasabah dan kesemua harga tender ini walau pun berbeza tapi amat dekat antara satu sama lain. Semakin banyak harga tender yang diserahkan oleh kontraktor melalui syarikat-syarikat kroni yang berbeza-beza, semakin dekatlah harga *cut off* dengan harga yang ditawarkan oleh kontraktor ini. Oleh itu kerajaan perlu menetapkan satu jurang harga yang munasabah untuk mengelakkan kerajaan membayar daripada wang yang terlampau tinggi untuk sesuatu projek tertentu. Satu perkara yang juga perlu diberi perhatian ialah penggunaan sistem *cut off* ini memang ada pengecualianya. Apabila bilangan tender yang diterima dan boleh dikira setelah harga *fix* dikeluarkan kurang daripada sepuluh, selain itu petender-petender yang menawarkan harga yang lebih rendah dari harga *cut off* juga boleh dipertimbangkan jikalau tender itu mempunyai rekod prestasi yang cemerlang iaitu mempunyai pengalaman untuk melaksanakan kerja yang sama dengan pada masa yang lebih awal daripada jadual yang telah ditetapkan atau pun kontraktor itu mempunyai faktor-faktor tertentu yang boleh menjamin petender-petender melakukan kerja dengan harga yang lebih rendah dan kualiti kerja terdahulu dan semasa sentiasa pada tahap yang memuaskan. Jadi, ini adalah pengecualianya. Tidak semestinya kerajaan perlu menerima pakai sistem *cut off*. Ada juga keadaan di mana sistem *cut off* ini boleh diketepikan supaya kita mengambil kontraktor yang menawarkan harga yang paling rendah. Dan saya berharap , ini akan menjadi satu peringatan kepada semua bahawa penggunaan sistem *cut off* memang ada kelebihannya juga. Dan, adalah tidak tepat apabila kita dimaklumkan bahawa sesuatu perolehan itu mesti dijalankan melalui sistem *cut off* dan petender yang menawarkan harga yang paling rendah dikorbankan.

Tuan Speaker, saya juga tertarik dengan usaha kerajaan untuk membina lebih banyak rumah mampu milik bagi menampung keperluan rakyat terhadap perumahan. Baik kerajaan persekutuan atau kerajaan Selangor. Untuk memastikan usaha murni ini dapat berjalan dengan lancar dan berjaya Kerajaan Negeri khususnya perlu ada satu

dasar perumahan mampu milik yang dirancang secara holistik. Walau pun begitu dasar ini perlu juga memperlihatkan impaknya dalam masa yang terdekat agar golongan pertengahan bawah boleh menikmati kebaikan dasar Kerajaan Negeri ini. Dalam aspek ini Kerajaan Negeri bergantung kepada kecekapan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor atau PKNS untuk membina rumah-rumah mampu milik di seluruh Selangor. Sejak Mac 2008 sebanyak 12,000 unit rumah mampu milik sedang dalam pembinaan dan 9,456 unit lagi telah mendapat kebenaran untuk dibina dan mesti dibina dalam masa dua tahun. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor kerana mempelopori konsep rumah mampu milik berharga antara RM100,000 sehingga ke RM150,000 kepada rakyat Selangor. Apa pun sekali lokasi rumah-rumah kos rendah dan mampu milik ini sebenarnya juga merupakan satu kriteria yang sangat penting untuk menjayakan dasar murni Kerajaan Negeri Selangor ini. Tiada orang Tuan Speaker, khususnya orang yang hidup dalam serba kekurangan ingin membeli rumah di tempat-tempat yang terletak terlalu jauh daripada tempat mereka mencari nafkah hidup. Contohnya, pekerja-pekerja di kilang Sg. Way memang tidak ingin berpindah ke Klang, Bangi atau Kajang semata-mata untuk menduduki rumah mampu milik PKNS di sana. Permintaan terhadap rumah mampu milik adalah sangat tinggi di Bandar raya Petaling Jaya. Saya sedia maklum bahawa kebanyakan tanah di Bandaraya Petaling Jaya ini telah dibangunkan, dan tidak banyak tanah yang masih tinggal untuk kita membina rumah mampu milik. Namun begitu saya menggesa Kerajaan dan PBT untuk memainkan peranan yang aktif dalam menentukan arah pembangunan tapak Lembaga Penyelidikan Getah Malaysia RRIM di Sg. Buloh. Walau pun projek dan tanah ini milik Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Selangor dan MBPJ seboleh-bolehnya memastikan tempat ini, projek ini di bawah Kerajaan Persekutuan ini akan membina rumah mampu milik yang mencukupi, kerana surat atau pun kebenaran pada akhirnya perlu mendapat kelulusan daripada MBPJ. Kerajaan Selangor dan PBT juga perlu memastikan segala pembangunan infrastruktur di bawahnya dibangunkan dengan cepat untuk menampung menyokong dan mempercepatkan pembangunan rumah mampu milik di Sg. Buloh ini. Selain itu untuk mengatasi permintaan perumahan semakin tinggi, saya menggesa Kerajaan untuk mempercepatkan proses pembangunan semula bandar di Bandaraya Petaling Jaya. Saya sedia maklum bahawa terdapat pandangan-pandangan yang berbeza malahan bantahan langsung terhadap pembaharuan bandar ini. Masalah ini disebabkan rakyat kurang yakin dengan dasar dan janji Kerajaan akibat kepincangan demi kepincangan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Bagi mereka faktor dan janji hitam putih sahaja yang merupakan satu-satunya pegangan janji yang boleh diterima. Oleh itu, Kerajaan Selangor perlu ikhlas dengan rakyat dan memberi penjelasan yang sepenuhnya dengan segala maklumat penting terhadap pembaharuan bandar kepada semua rakyat. Malahan Kerajaan Negeri juga pun harus memberi pampasan yang mencukupi melalui PKNS kepada penduduk-penduduk setempat. Kerajaan Negeri dan PBT juga perlu cepat dan tangkas dalam menangani

sebarang laporan media yang mungkin tidak membawa fakta yang sepenuhnya. Contohnya. Pembangunan semula rumah pangsa PKNS di Seksyen 17, Petaling Jaya dan Rumah Pangsa Kos Rendah Impian Baiduri di Seksyen 51A, Petaling Jaya telah menimbulkan banyak salah faham yang tidak diperlukan sehingga terdapat penduduk yang terpengaruh dengan propaganda pembangkang bahawa Kerajaan akan merampas dan merobohkan rumah penduduk atas nama pembangunan semula. Mana mungkin Kerajaan rampas dan roboh rumah orang begitu sahaja. Ianya akan melalui satu proses yang panjang. Proses yang panjang, supaya semua pandangan akan diterima. Telah dimaklumkan bahawa PKNS diberi tanggung jawab juga yang sangat berat untuk menjayakan dasar Rumah Mampu Milik Kerajaan Selangor. Maka PKNS perlu sentiasa bersosialis dengan rakyat dan berkaptitalis dengan syarikat-syarikat yang lain. Ini termasuk PKNS harus memastikan bahawa setiap urus niaga dengan syarikat-syarikat swasta sentiasa mematuhi urus tadbir *by corporate* sementara membantu rakyat berpendapatan sederhana rendah untuk memiliki rumah pertama mereka. Justeru itu, segala potongan harga untuk hartanah-hartanah berharga RM500,000 ke atas kepada mana-mana golongan perlu dimansuhkan. Ini adalah kerana hartanah ini memang khusus untuk mereka yang mempunyai pendapatan tinggi sahaja. Mereka yang kaya sahaja. Dan mereka yang mempunyai kemampuan, mereka yang kurang berupaya untuk membeli hartanah ini. Sememangnya mereka tidak ada hak untuk mendapatkan apa-apa bentuk potongan harga. Adapun ini untuk PKNS memberi potongan harga, kepada orang kaya, untuk membeli rumah mewah, rumah banglo sedangkan potongan-potongan harga ini boleh digunakan untuk merendahkan lagi harga Rumah Mampu Milik untuk rakyat yang miskin. Pendekatan sosialis inilah yang amat dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Selangor tanpa mengira kaum dan agama. Selain daripada itu, Kerajaan juga harus melihat beberapa sekatan yang dikenakan terhadap pemilik-pemilik rumah bumiputera yang ingin melepaskan hartanah mereka. Sama ada kepada bumiputera atau bukan bumiputera. Saya sempat bertemu bual dengan seorang pesara kerajaan yang duduk di Kampung Tunku semasa saya melawat ke Madrasah Maharul Islam Kampung Tunku. Beliau mengadu kepada saya beliau dihalang daripada menjual satu unit rumah kondominiumnya di Kelana Puteri kepada seorang kawan baiknya dari kampung halamannya. Kebetulan kawan baiknya seorang bukan bumiputera. Saya difahamkan bahawa projek ini diusahakan secara *joint venture* dengan izin antara PKNS dengan pemaju swasta. Dan sekatan telah dikenakan terhadap pembeli-pembeli bumiputera yang ingin melepaskan rumah mereka kepada bukan bumiputera. Walau pun kerajaan ingin memastikan kaum bumiputera memiliki peratusan rumah yang ditetapkan dalam projek-projek perumahan PKNS, saya berpendapat adalah juga wajar supaya Kerajaan Negeri Selangor memberi kelonggaran dalam kes seperti ini. Tetapi, disyaratkan bahawa pemilik asal rumah itu yang merupakan seorang bumiputera belum membayar balik perbezaan antara harga bumiputera dengan harga jualan yang sepatutnya semasa beliau membeli rumah itu.

Dengan ini PKNS akan dapat menggunakan wang ini untuk membantu kaum bumiputera, malahan kaum bukan bumiputera yang miskin dengan membina lebih ramai, lebih banyak Rumah Mampu Milik . Sementara itu, Kerajaan Negeri juga boleh menggunakan cukai-cukai tertentu yang akan dikenakan kepada mana-mana pemilik rumah bumiputera yang ingin melepaskan harta tanah mereka kepada bukan bumiputera. Dengan ini PKNS dan pemaju-pemaju harta tanah yang lain tidak boleh menanggung beban yang terlalu tinggi dan membekalkan potongan harga. Pada masa yang sama penjimatan ini boleh digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan. Pemilik-pemilik rumah bumiputera pula perlu memikir semasak-masaknya sebelum mereka memikirkan melepaskan rumah mereka untuk mengaut keuntungan cepat kerana mereka akan membayar balik kepada kerajaan harga perbezaan itu.

Tuan Speaker, baru-baru ini. Berbagai pihak telah melakukan spekulasi bahawa Selangor akan menghadapi krisis air pada tahun 2014. Kenyataan ini sebenarnya telah dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga Air dan Teknologi Hijau sejak setahun yang lalu. Namun begitu, kenyataan ini baru-baru ini telah digembar-gemburkan semula dengan hujah sokongan bahawa semua loji rawatan air di Selangor telah beroperasi pada tahap maksimum untuk menghasilkan, 4,326 juta liter air sehari bagi menampung keperluan sebanyak 4,197 juta liter air sehari. Iaitu margin simpanan hanya sebanyak 129 juta liter air sehari. Iaitu kira-kira 3%. Justeru itu, mereka yang menyokong hujah ini telah mendesak Selangor untuk bersetuju dengan segera bagi memberi kebenaran merancang bagi meluluskan pembina loji rawatan air di Hulu Langat atau pun nama singkatan Langat Tour bagi melengkapkan projek penyaluran air mentah Pahang Selangor yang bernilai RM8 bilion ringgit. Pimpinan-pimpinan Barisan Nasional telah menyalahkan Kerajaan Selangor kerana sengaja melengahkan pelaksanaan projek ini dan memberi amaran bahawa Kerajaan Selangor akan dipersalahkan jika berlaku krisis bekalan air pada masa yang akan datang. Itulah udang di sebalik batu, Tuan Speaker. Iaitu projek penyaluran air mentah Pahang Selangor. Saya hairan apakah yang penting sangat dengan projek ini. Saya memetik kenyataan akhbar Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bertarikh pada 22 September 2011. Pemantauan oleh Luas di tujuh empangan dan sungai-sungai utama di Selangor mendapati kedudukan paras air di semua muka surat bagi keperluan loji pembersihan air adalah paip dan tidak membimbangkan. Sumber air di Selangor masih dalam keadaan yang mencukupi dengan taburan hujan yang tinggi dicatatkan di banyak kawasan. Terutamanya di kawasan tадahan air. Secara purata paras air di empangan pada tahun ini adalah meningkat berbanding pada tahun-tahun sebelumnya. Dakwaan Syarikat Bekalan Air Selangor atau pun (SYABAS) bahawa rizab air yang didakwa semakin menyusut adalah satu kenyataan yang tidak profesional. Kerana ianya telah memberi gambaran, gambaran yang salah terhadap kebolehdapatan sumber air di Negeri Selangor. Secara terperinci kedudukan tahap simpanan air empangan pada 22 September 2011 adalah seperti yang berikut. Empangan Sungai Selangor pada tahap 78%. Empangan Sungai Tinggi pada tahap

yang begitu tinggi iaitu 85%, Empangan Batu, Empangan Sungai Langat, Empangan Sungai Semenyih pada tahap 100%. Iaitu melimpah, ada empangan dengan takungan air sampai melimpah. Jadi, ini menunjukkan bahawa kita tidak ada masalah dengan sumber air di Negeri Selangor. Yang ada, adalah masalah SYABAS. Masalah paip air, masalah NRW. Kenyataan LUAS ini adalah sebenarnya jikalau Selangor bakal menghadapi krisis air, mengapa SYABAS sebagai pemegang konsesi pembekalan air di Selangor tidak mengambil langkah pro aktif untuk menurunkan kadar air tidak berhasil atau *non revenue water* yang pada sekarang pada tahap 32%.

Mengikut laporan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau pun SPAN, SYABAS masih gagal mengurangkan kadar NRW kurang daripada 30%. Walau pun kadar ini menurun pada kadar 32% pada tahun 2009, berbanding dengan kadar 38% pada tahun 2008 tapi ianya pula meningkat pada tahun lalu dan tahun ini SPAN meramalkan NRW akan terus meningkat melebihi 40% sehingga tahun 2020. Tanpa bekalan air bersih yang mencukupi, tidak mustahil krisis bekalan air bersih akan berlaku di Lembah Kelang walau pun tujuh empangan di Negeri Selangor ini mempunyai kapasiti air mentah yang mencukupi. Laporan pengajian penilaian aset air Negeri Selangor yang dijalankan oleh Ranhill mendapati dua loji rawatan air iaitu Kelumpang dan Sungai Sirih memerlukan penambahbaikan yang besar. Malahan 18 lagi loji memerlukan penambahbaikan. Ini menunjukkan bahawa pengendali loji-loji berkenaan iaitu Puncak Niaga telah gagal untuk melakukan usahanya untuk menambah baik loji-loji rawatan air ini bagi memastikan bekalan air bersih yang mencukupi untuk kegunaan pengguna. Tambahan lagi SYABAS juga telah membekukan semua projek penggantian paip baru di Negeri Selangor berikutan keputusan Kerajaan Selangor untuk tidak meluluskan kenaikan tarif. Ini berlaku di kawasan saya di mana SYABAS telah berjanji untuk menukar ganti paip air di Kampung Baru Sg. Way pada tahun 2011 berikutan beberapa insiden paip pecah pada tahun 2009. Walau pun begitu sampai hari ini SYABAS belum melakukan apa-apa usaha untuk menggantikan paip lama di Kampung Baru ini yang telah berkhidmat selama 20 sampai 30 tahun. Ini menunjukkan SYABAS lebih mementingkan kepentingan diri sendiri daripada menyelesaikan masalah kadar NRW yang begitu tinggi di Negeri Selangor. Mengapa ini tidak dapat dijalankan. Selain itu, selain itu satu lagi teka teki yang selalunya dikhaskan dalam surat khabar ialah tahun di mana Selangor akan menghadapi krisis air. Pada tahun lalu telah dikatakan bahawa Selangor akan menghadapi krisis air pada tahun 2012. Tidak lama yang lalu walau kita pergi ke Internet kita *google search*, juga dinyatakan, pernah dinyatakan oleh rakan-rakan dari Barisan Nasional bahawa Selangor akan menghadapi krisis air pada tahun 2014. Jadi, soalannya ialah selain daripada tahun berapa Kerajaan Selangor akan bankrap kita juga bertanya bila masanya Selangor akan menghadapi krisis air tahun 2012 atau pun 2014. Kalau tidak ada satu angka yang betul ini menunjukkan bahawa dakwaan ini adalah angan-angan. Kosong. Apa yang jelas ini adalah semua, semua ini adalah rekaan semata-mata.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih kepada Kg. Tunku untuk memberi laluan. Terima kasih kepada Tuan Speaker. Adakah Kg. Tunku sokong bahawa dakwaan pihak SYABAS yang bersubahat atau pun bersekongkol dengan FOMCA di mana mereka buat taklimat-taklimat di seluruh Selangor bersama untuk membuat tuduhan kepada Selangor, Kerajaan Selangor bahawa krisis air akan berlaku pada tahun 2014 dan menuduh Kerajaan Selangor tidak mengendalikan dengan baik.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Kajang dan memang saya sokong hujah ini kerana memang jelas daripada apa yang saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini SYABAS, bukan sahaja SYABAS malahan Puncak Niaga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan loji rawatan itu sentiasa beroperasi dalam tahap yang bagus. Paip yang lama diganti dengan paip yang baru dalam masa terdekat mungkin untuk mengurang NRW. Jadi jawapan saya kepada apa yang dihujahkan oleh FOMCA dan juga SYABAS , ini adalah senang. Selesaikan sahaja masalah NRW ini. Kurangkan NRW ini daripada 30% ke kadar sekitar 10% atau 20%. Maka keperluan air, keperluan air yang ada di dalam Negeri Selangor ini juga akan berkurangan kerana kecekapan untuk menyalurkan air ini akan bertambah. Tuan Speaker. Tuduhan krisis air terhadap Selangor ini sebenarnya mempunyai motif politik, kerana dikatakan Langat Dua sebagai satu projek *Cash Cow* Barisan Nasional akan dibina oleh syarikat-syarikat kroni dan sebarang kelewatan sudah pasti akan menjelaskan kedudukan kewangan mereka yang berkepentingan. Tuan Speaker. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu pembekalan pasir halus di Selangor. Menurut laman web Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., atau KSSB. KSSB tidak membekalkan pasir-pasir seperti berikut. Iaitu, pasir halus, pasir kasar dan pasir kotor. Atau pun dalam bahasa Inggeris *dumping sand*. Dan ini merupakan satu masalah yang saya rasa perlu ditangani oleh Kerajaan Negeri amnya dan KSSB khasnya. Walau pun pendapatan dan hasil yang dijana daripada industri pasir ini semakin menguntungkan Kerajaan Selangor terdapat beberapa kategori pasir yang difahamkan amat bernilai tetapi tidak dibekalkan oleh KSSB. Salah satu contoh ialah pasir halus. Yang saya dimaklumkan mempunyai keperluan pasaran yang sangat tinggi di industri pembinaan. Saya difahamkan bahawa terdapat pasir-pasir yang diangkut dari negeri-negeri kejiranan seperti Perak dan kebanyakannya pasir ini sebenarnya adalah pasir halus. Pasir yang dibawa masuk ke Negeri Selangor ini adalah salah di sisi undang-undang. Walau pun begitu pengusaha-pengusaha lori dan industri pembinaan terpaksa menanggung risiko untuk mengimport pasir-pasir halus dari negeri Perak untuk menampung keperluan di Selangor. Daripada kita terus kehilangan hasil kerana kemasukan pasir halus dari negeri-negeri yang lain mengapa kerajaan Selangor dan KSSB tidak dapat menjana untung daripada penjualan pasir halus ini. Adakah ini disebabkan KSSB tidak berupaya untuk menghasilkan pasir halus ini dan jika tidak mengapa kerajaan Selangor dan KSSB tidak menghasilkan pasir halus ini. Adakah ini juga telah menyebabkan wujudnya jurang antara hasil pasir negeri dengan keperluan pasir di Selangor. Jika KSSB memang tidak

berupaya untuk menghasilkan pasir halus ini dan pada masa yang sama industri pembinaan di Selangor memang memerlukan pasir bentuk ini maka adalah tidak adil untuk kita menghukum pengusaha-pengusaha lori dan pembeli-pembeli pasir halus dari negeri lain kerana mereka hanya ingin membeli sesuatu yang tidak dapat dibekalkan di Negeri Selangor. Apa pun sekali saya berharap Kerajaan Selangor boleh memberi satu jawapan yang lebih jelas di Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker. Selangor mencatat sejarah di Malaysia dengan menawarkan skim pemilikan tanah kerajaan untuk pembangunan tanah persendirian kepada rakyat hanya dengan premium RM1,000. Ini merupakan salah satu pembaharuan pentadbiran tanah yang boleh dibanggakan oleh seluruh rakyat Selangor. Barisan Nasional khususnya, ACA cuba mengelirukan rakyat bahawa skim ini sedikit pun tidak menguntungkan rakyat. Alasan yang diberi ialah rakyat tidak memiliki tanah ini kerana premium masih dibayar sepenuhnya mengikut Seksyen 76C Kanun Tanah Negara. Alasan yang kedua ialah rakyat perlu membayar premium yang tinggi apabila tanah ini dijual kepada orang lain kelak. Alasan yang ketiga ialah skim ini akan menyebabkan tanah berkenaan tidak boleh direfinance kerana tanah ini dikatakan masih belum dimiliki sepenuhnya oleh pembayar premium. Tuan Speaker. Saya mendapati dua alasan pertama di atas adalah tidak benar. Seksyen 76C Kanun Tanah Negara langsung tidak menyentuh pembayar premium tidak akan diberi hak milik penuh tanah berkenaan. Sebenarnya Seksyen 76C berbunyi ‘ Pemberimilikan tanah kerajaan di bawah akta ini iaitu hukum Kanun Tanah Negara hendaklah terdiri daripada pelupusannya oleh Pihak Berkuasa Negeri’ (C) sebagai balasan bayaran premium melainkan pihak berkuasa negeri fikirkan sesuai untuk melepaskan daripadanya dalam mana-mana kes tertentu. Oleh itu, adalah jelas bahawa Kanun Tanah Negara langsung tidak menyekat dasar kerajaan ini. Malahan Seksyen 76C Kanun Tanah Negara menyatakan bahawa ‘ Kerajaan berhak untuk melepaskan daripadanya bayaran premium dalam kes-kes tertentu’. Jelas MCA cuba memutarbelitkan fakta bagi tujuan politik. Selain itu, adalah adil untuk pemilik tanah membayar premium yang sepatutnya apabila mereka menjual tanahnya kepada pihak ketiga dan mengaut keuntungan. Jadi sebelum seorang pemilik tanah menjual tanahnya, beliau sudah tentu akan memastikan beliau akan mendapat keuntungan yang sewajarnya mengikut harga pasaran dan tidak akan menjual tanahnya pada harga di bawah harga pasaran. Untuk kemudahan *refinance* setahu saya bank hanya perlu memastikan bahawa hak milik tanah itu didaftarkan oleh, didaftarkan atas nama pemohon yang memohon kemudahan *refinance* itu. Walau pun begitu, saya berharap Datuk Menteri Besar yang memang mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam urusan dengan bank sebelum menceburi bidang politik boleh memberi penjelasan juga kepada semua orang. Khususnya orang-orang MCA yang selalunya memilih untuk tidak tahu fakta dan kebenaran. Orang MCA kadang kata dia tidak tahu. Kalau dia tidak tahu kita boleh jelaskan. Tapi malangnya ada mereka yang memilih untuk tidak tahu. Itu yang susah. Mereka memilih untuk tidak tahu. Tuan Speaker. Pendek kata

dasar ini akan menguntungkan rakyat jelata. Kerana bukan semua rakyat mampu membayar wang premium sampai ke puluhan atau ratusan ribu ringgit. Saya menyeru rakan-rakan daripada Barisan Nasional akan sentiasa bercakap berdasarkan fakta dan kebenaran. Jangan membangkang semata-mata untuk membangkang sahaja. Jangan juga MCA cuba mengelirukan rakyat dengan tohmahan-tohmahan dan fitnah yang tidak berasas.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya! Yang Berhormat. Sila, silakan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Bila sebut-sebut MCA ini dengar sakit telingalah. Rasa saya Kg. Tunku memberi kenyataan atau penjelasan yang tidak betul. Semasa pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, kawasan di dalam Majlis Daerah, PBT, Majlis Daerah hanya cuma perlu bayar 50 sen *one square feet* satu kaki persegi. Maksudnya, andailah kata kampung saya lebih kurang lima ratus, seratus kali dengan lima puluh ah! panjangnya, jadi, berapa kena bayar tu, lima ratus. RM2,500 sahaja premium sahaja boleh dibayar. Itu dalam kawasan Majlis Daerah. Dan dalam kawasan Majlis Perbandaran RM2.50 kena bayar satu kaki persegi. Maksudnya, tanah yang sama kena bayar RM10,000 lebih. Bukan puluh-puluhan ribu yang dikatakan oleh Kg. Tunku, satu. No. dua. Apabila dibayar RM2,500 atau RM10,000 lebih sedikit, maka hak tu, geran tu, hak milik tu saya punya. Saya boleh gadai mana-mana untuk dapatkan duet. Untuk, satu pendidikan anak saya, dua untuk bisnes saya, itu kegunaan saya. Contohlah Kg. Tunku. Contoh, ini contoh yang saya hendak bagikan dan saya faham sekarang bagi macam ini apabila apa yang dikatakan oleh Kg. Tunku. Betul tadi. Katakan satu lot dijual, sekarang dekat Kampong Baru Sepanglah, katakan RM200,000. Kerajaan akan tax dia 25% betul tak, daripada jualan hasil jualan tu. Betul tak? Betul ke tidak? Betul kan? 25% daripada hasil jualan dia, maksudnya, maksudnya 25% daripada 200 ribu itu, berapa sudah kena bayar kepada Kerajaan Negeri jika bandingkan RM2,500 premium yang perlu dibayar. Jadi, jangan kata sahaja MCA tak buat kerja. Tak faham. Faham. Bukan tak faham Kg. Tunku. Jadi, biar bandingkan apa yang dulu dan yang sekarang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ya! Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kalau di Kampung Baru Sg. Waylah kalau katakan. Rumah lot adalah 5,000 kaki persegi. Bayaran premium yang dikenakan adalah kalau saya tak silap adalah sampai ke RM5,000 antara RM5,000 ke RM10,000. Yang lama. Itu yang lama. Kalau sekarang, kita bayar, kita hanya membenarkan penduduk kampung untuk bayar hanya dengan premium 1,000 ringgit. Dan kita pastikan, dan kita kata bahawa apabila tanah itu diberi kepada anak, cucu, cicit, anak saudara, saudara mara, ahli keluarga, bayaran ini dikecualikan. Maknanya mereka tidak perlu bayar

sekali lagi. Dasar ini adalah untuk menggalakkan mereka simpan tanah itu untuk generasi-generasi yang akan datang. Bukan untuk dijual kepada pemaju, pihak swasta untuk mengaut keuntungan. Dan bila kita jual, orang Cina ini dia pandai. Dia tak akan jual dengan harga yang rendah seperti apa yang saya kata. Malahan cukai yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi itu, cukai itu bukan dikenakan oleh Kerajaan negeri Selangor. Cukai itu adalah *real property gained tax*. Api cuci dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, Yang Berhormat mengadu kepada saya, saya hanya boleh memberi nasihat kepada Yang Berhormat. Sama-sama kita mengadu kepada Kerajaan Pusat. (Dewan Bertepuk)

Terima kasih Yang Berhormat. Kita masuk kepada pelaburan. Tuan Speaker. Pelaburan ini adalah sangat penting. Sama ada pelaburan asing atau pun pelaburan domestik. Dan ini merupakan satu petunjuk ekonomi yang sangat penting untuk sesebuah Negara. Semalam, kita telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor...

Y.B. TUAN SPEAKER : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya.

Y.B. TUAN SPEAKER : Waktu sudah pukul 12.00 tengah hari.

Y.B. LAU WENG SAN : Oh! Sudah sampai masa.

Y.B. TUAN SPEAKER : Saya minta sambung kemudian ajalah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan waktu sudah sampai 12.00 tengah hari, maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan telah ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)

Dewan disambung semula)
(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula. Sila Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Tadi saya menyebut tentang pelaburan dan ini sememangnya merupakan satu aspek sama ada pelaburan asing atau pun domestik. Ia merupakan satu petunjuk dan aspek ekonomi yang sangat penting untuk sesebuah Negara. Dua hari yang lalu kita dimaklumkan bahawa Kerajaan Selangor tidak akan menerima semua jenis pelaburan di mana pelaburan yang tidak mesra Alam Sekitar akan ditolak. Inilah pasal yang sepatutnya ada pada sebuah Kerajaan di mana Kerajaan tidak boleh semata-mata menarik pelaburan secara membuta tuli tanpa mengira impak satu pelaburan itu terhadap kualiti kehidupan Alam Sekitar. Untuk itu fokus Kerajaan Selangor untuk menarik lebih ramai pelabur yang terlibat dalam teknologi hijau merupakan strategi yang ketuk kerana teknologi ini meliputi skop yang sangat luas dan membekalkan peluang pelaburan, peluang pekerjaan, peluang kajian dan penyelidikan yang cukup luas. Skop teknologi hijau yang luas ini merangkumi penyertaan semula. Penurunan air dan udara, rawatan air sisa pemulihan alam sekitar, pengurusan sisa pepejal, tenaga sumber tenaga yang boleh dibaharui, penyimpanan tenaga, sumber-sumber tenaga alternatif seperti tenaga solar dan sebagainya. Baru-baru ini *bio-diesel* ini telah dilancarkan di negeri Selangor dan Lembah Klang. Produk ini telah menjadi satu bahan api alternatif kepada bahan api fosil konvensional. Justeru itu Kerajaan Selangor harus juga menarik lebih banyak pelaburan untuk menjalankan kajian terhadap penghasilan bio-diesel generasi kedua dan malahan yang ketiga kalau boleh supaya ianya tidak selalu bergantung kepada minyak kelapa sawit yang boleh digunakan untuk menjana bio-diesel generasi pertama. Selangor juga telah mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada Alam Flora Sdn. Bhd. mulai 15 Oktober tahun ini. Dan ini juga memberi peluang sepenuhnya kepada Kerajaan untuk membuka dengan lebih luas pengurusan sisa pepejal yang melibatkan aplikasi teknologi hijau. Pendek kata teknologi hijau merupakan hala tuju pelaburan negeri Selangor ianya mesra Alam Sekitar mempunyai nilai tambahan ekonomi yang tinggi menjana pendapatan dan pulangan yang jauh lebih tinggi dan mampu melonjak negeri Selangor khasnya dan Malaysia amnya ke arah negara maju. Oleh itu saya minta Kerajaan negeri Selangor juga membentangkan satu wawasan atau pun satu kertas perancangan yang lebih terperinci terhadap pembangunan teknologi hijau di negeri Selangor ini.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang kadar di Daerah Petaling, khususnya terhadap kekurangan anggota kerja tanpa peruntukan yang mencukupi di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling. Daerah Petaling merupakan salah satu Daerah yang paling maju di Selangor dengan keluasan sepanjang 484 kilometer persegi dan bilangan penduduk seramai 1.8 juta orang. Daerah Petaling menjadi Daerah yang paling padat dengan kepadatan penduduknya seramai 3,680 orang setiap kilometer persegi. 20 tahun yang lalu Daerah Petaling hanya mempunyai populasi seramai 633 ribu orang sahaja. Bayangkan kadar penambahannya adalah begitu dahsyat. Pendapatan per kapita di daerah Petaling juga antara yang paling tinggi. Aktiviti-aktiviti Industri dan Komersial juga ada antara yang teraktif di negeri Selangor. Lokasinya yang strategik telah menarik kemasukan pelaburan dan pekerja-pekerja intelektual yang tinggi. Dari segi pembangunan permohonan pengenalan merancang di daerah Petaling sudah naik melonjak sebanyak 300 hingga 400% berbanding sepuluh tahun yang lalu. Oleh itu kecekapan dalam sistem penyampaian agensi-agensi Kerajaan di Daerah Petaling ini adalah sangat penting. Di Daerah Petaling mempunyai tiga buah Pihak Berkuasa Tempatan PBT iaitu Majlis Daerah Petaling Jaya, Majlis Bandar Raya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Biar pun begitu Daerah Petaling hanya disokong oleh satu Pejabat Tanah dan Daerah sahaja iaitu Pejabat Tanah dan Daerah Petaling atau pun nama singkatannya PTDP. Pejabat Tanah dan Daerah Petaling mempunyai kalau kita mengikut senarai perjawatan seramai 217 tenaga pekerja. Dalam belanjawan 2012 sebanyak RM11.4 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling bagi menampung perbelanjaan pengurusan. Manakala Pejabat Tanah dan Galian Selangor, PTGS yang berpusat di Shah Alam juga di Daerah Petaling mempunyai tenaga kerja seramai 366 orang dan mereka perlu menangani tugas yang disiapkan oleh lebih 1,714 anggota kerja daripada kesemua 9 buah Pejabat Tanah dan Daerah di negeri Selangor. Balik ke Petaling dan memandangkan bilangan penduduk di Daerah Petaling yang semakin bertambah. Ditambah dengan sistem jaringan pengangkutan yang semakin canggih dan *complicated*. Sekedup kutipan cukai yang semakin bertambah bayar cukai pintu dan cukai tanah dengan nilai taksiran yang cukup semakin bertambah. Maka saya berpendapat adalah wajar untuk Kerajaan Selangor memperuntukkan bilangan kakitangan dan peruntukan yang lebih kepada Daerah Petaling untuk mempertingkatkan sistem penyampaian di Daerah ini. Misalannya beberapa contoh kelewatannya disebabkan oleh kekurangan tenaga pekerja di Daerah Petaling.

Di kawasan saya ada satu contoh Persatuan Tok Kuan Seng Sungai Way telah memohon untuk melanjutkan tempoh pajakkan untuk dua buah keping tanah komersial di hadapan tokong mereka pada tahun 2005. Tanah yang pertama ialah PT 454 di Kampung Baru Sungai Way (Seksyen 40) Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling ianya telah diluluskan pada tahun 2006 melalui pengeluaran Borang 5A. Ini adalah tanah PT 454 permohonan dikemukakan pada tahun 2005. Satu lagi bersebelahan PT 455

permohonan dikemukakan pada tahun yang sama hanya dikeluarkan Borang 5A pada tahun 2010 dengan no. failnya PTDP 2/WNV/18/2008. Premium telah dibayar pada tahun yang sama iaitu tahun 2010 tetapi saya difahamkan hak miliknya masih belum dikeluarkan sehingga sekarang. Saya telah rujuk perkara ini kepada Pejabat Tanah dan Daerah dan saya difahamkan bahawa perkara ini masih di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Contoh satu lagi ialah permohonan TOL di bawah no. Rujukan PTDP 4/PDJ/11/2011 ini adalah permohonan daripada pemaju rumah pangsa kos rendah Seri Aman, Seksyen 22 Petaling Jaya oleh Tetuan Seri Aman Development Sdn. Bhd.

Untuk membina tempat letak kereta tambahan sebanyak 60 unit bagi memenuhi janji pemaju terhadap penduduk-penduduk di rumah kos rendah. Permohonan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah tapi ianya masih menunggu kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal Pejabat Tanah dan Daerah Petaling. Kelewatan ini mungkin disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja di Pejabat Tanah. Walau pun ADUN selalunya dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah tetapi pada pandangan saya keberkesanannya berkurang kerana selalunya banyak isunya yang dilonggokkan dan di bincang dalam satu Mesyuarat. Bermula awal pagi sampai tengah hari pun belum siap. Ini adalah pengalaman saya khususnya di Petaling dari pagi sampai petang. Ia secara tidak langsung menjadikan isu-isu tanah tidak dapat dibincangkan dengan teliti walau pun ianya selalunya isu tanah. Isu tanah ini ialah isu yang paling mustahak dan ianya juga memerlukan masa yang sangat panjang untuk diselesaikan. Oleh kerana ada longgokkan isu-isu yang lain maka hal ini didapati bincang dalam teliti dalam Mesyuarat ini. Cadangan saya kepada Kerajaan Negeri ialah supaya ADUN dua dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang di pengurus oleh Pegawai Daerah, ini adalah satu mesyuarat tanaman di dalam Pejabat Tanah dan Daerah. ADUN jikalau dijemput untuk menghadiri mesyuarat ini ianya akan membantu mempercepatkan semua urusan tanah dan mesyuarat ini di dikhaskan untuk membincang isu-isu tanah dari segi teknikal sahaja. Jadi tidak akan kuncur perkara di mana ADUN yang ada menyalahkan guna kuasanya untuk meluluskan tanah kepada diri sendiri. Ini tidak akan berlaku kerana Jawatankuasa ini Mesyuarat Jawatankuasa ini hanya akan meneliti permohonan-permohonan tanah isu tanah dari segi teknikal sahaja. Satu perkara lagi yang cukup boleh dipertimbangkan yang mungkin boleh dipertimbangkan ialah pembahagian Daerah Petaling ini kepada dua untuk memudahkan pentadbiran Daerah. Pembahagian seumpamanya ini juga pernah berlaku dahulu di peringkat PBT di mana Majlis Perbandaran Petaling Jaya dipisahkan kepada dua pada tahun 1997 iaitu Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Agensi Kerajaan Persekutuan di Daerah Petaling juga ada yang dibahagikan kepada dua contohnya Pejabat Pendidikan di Daerah Petaling dibahagikan kepada dua iaitu Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama dan Petaling Pertama. Saya amat berharap supaya perkara-perkara yang saya bangkitkan

dalam pengurusan hal-ehwal tanah ini diberi perhatian serius oleh Kerajaan kerana masalah beban kerja terlalu tinggi. Di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling ini akan terus berlaku jika ianya tidak diselesaikan bermula dari sekarang.

Tuan Speaker, saya juga menyeru Kerajaan untuk segera membentangkan Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor atau pun nama singatkannya SELESA secepat mungkin. Mengikut perasingan kuasa, kuasa kerajaan turut di asingkan Eksekutif kehakiman dan sebagai salah satu cabang kuasa perundangan harus mempunyai sistem pentadbiran yang berasingan daripada cabang eksekutif dan Kehakiman. Ianya bertujuan untuk mewujudkan satu mekanisme semakin imbang atau bahasa Inggeris '*check and balance*' taraf kuasa eksekutif. Baru-baru ini Timbalan Speaker Dewan Rakyat Yang Berhormat Datuk Wan Junaidi juga menyokong usaha untuk membolehkan Akta Penghakiman Parlimen yang bertujuan untuk membolehkan keutuhan kebebasan Dewan Rakyat. Akta Kehakiman Parlimen yang telah dimansuhkan sekian lama ini sebenarnya juga memperuntukkan satu sistem perkhidmatan awam yang bebas daripada Pengarah Eksekutif iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Jikalau Timbalan Speaker Dewan Rakyat menyokong usaha untuk membawa balik Akta Perkhidmatan Parlimen maka saya tidak nampak sebarang sebab untuk Enakmen SELESA ini dilengah-lengahkan atas pertimbangan-pertimbangan yang munasabah.

Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian kerajaan Selangor terhadap masa percanggahan kegunaan tanah antara rancangan tempatan dan hak milik tanah atau pun geran tanah. Ini telah berlaku di kawasan saya di mana terdapat sekeping tanah di hadapan Sekolah Kebangsaan Kampung Tunku yang diwartakan sebagai kawasan lapang di Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 atau RTPJ 1. Yang sebenarnya tanah ini merupakan tanah yang mempunyai hak milik telah didaftarkan sebagai tanah komersial dalam hak miliknya untuk membina klinik. Isu ini lebih kurang sama dengan isu Taman Rekreasi Subang Ria dan saya meminta perhatian khusus daripada Menteri Besar untuk melihat masalah ini kerana saya percaya percanggahan seperti ini memang dan sedang dilakukan di tempat-tempat yang lain. Tempat ini tahunya dipilih oleh Kerajaan Tempatan koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia Berhad dan kemudiannya Koperasi menjual tanah ini kepada syarikat swasta untuk dibangunkan. Tanah ini dijual dengan harga yang lumayan kerana tanah ini mempunyai tanah komersial tapi tanah ini kecil sahaja di tengah-tengah kawasan perumahan Kampung Tunku. Bagi PBT yang masih belum menyediakan draf rancangan tempatannya maka saya mengambil peluang ini untuk meminta, meminta PBT dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengambil tahu kes ini supaya tidak akan berlaku kesilapan yang sama pada masa yang akan datang.

Tuan Speaker, saya juga menarik perhatian kerajaan terhadap masalah, masalah kebijakan yang sedang di hadapi oleh penduduk di ladang-ladang di DUN KKB yang mana saya juga merupakan ada. Walau pun ianya berlaku di DUN Kuala Kubu Baharu tapi saya percaya masalah ini juga akan dan sedang berlaku di ladang-ladang yang lain di Selangor. Saya telah membuat lawatan demi lawatan ke dua-dua ladang di kawasan DUN Kuala Kubu Baharu ini iaitu Ladang di Gergaher dan Ladang Kerling dan saya mendapati majoriti rakyat di sini masih hidup di bawah paras kemiskinan dengan gaji kurang daripada RM500.00. Pekerja-pekerja ladang terpaksa hidup dalam keadaan yang serba kekurangan. Terdapat ibu bapa yang tidak mampu membiayai kos pelajaran anak-anak ke IPT. Ramai lagi yang kehilangan keupayaan untuk bekerja kerana dijangkiti berbagai penyakit. Kebanyakan mereka terpaksa bergantung bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ada juga yang memerlukan bantuan daripada hospital kerajaan di Kuala Kubu Baharu, Selayang dan Sungai Buluh. Apabila kerajaan persekutuan melalui Menteri Tenaga Manusia mengatakan bahawa pekerja-pekerja ladang akan menikmati gaji minimum RM850 sebulan pada tahun ini. Tetapi di Ladang Kerling dan Ladang Gergaher masih terdapat ramai daripada mereka, gaji bulan hanya RM500.00, kadangkala kurang daripada RM500.00 sebulan. Saya ingin bertanya, di manakah Wakil Rakyat Barisan Nasional di sana? Adakah mereka juga tahu kesusahan rakyat yang hidup di kedua-dua ladang ini? Pengangkutan merupakan masalah yang paling besar untuk mereka, kerana tiada perkhidmatan bas di tempat mereka. Setiap kali mereka perlu membayar lebih daripada RM100.00 hanya untuk membiayai sewa kereta untuk berulang alih daripada ladang ke hospital. Dewasa ini mungkin ramai daripada kita yang menganggap bahawa telefon bimbit merupakan sesuatu yang tidak boleh di asingkan daripada kehidupan kita. Walaupun begitu, bagi mereka yang menduduki di Ladang Gergaher dan Ladang Kerling, telefon bimbit merupakan sesuatu yang di luar jangkauan mereka, '*beyond their reach*' kerana di tempat ini tidak ada isyarat lampu telefon, jangan kata nak buat wi-fi atau pun 3G di kawasan luar bandar. Sampai isyarat telefon bimbit pun tak ada. Di Ladang Nigel Gardner tiada isyarat 3G, Celcom, Maxis, kadang kala ada, kadang kala tak ada. Kalau di Ladang Kerling, semua tak ada. '*elek pocik*' (tak jelas). Semua tak ada. Sekali lagi saya bertanya, masalah ini telah berlaku bertahun-tahun, setiap tahun lagi. Manakah Wakil Rakyat Barisan Nasional di sana? Adakah mereka masih bermimpi? Mungkin masih bermimpi. Tetapi kami di Pakatan Rakyat, tidak. Justeru itu saya meminta perhatian khas daripada kerajaan Selangor untuk memberi peruntukan khas kepada pekerja-pekerja ladang di bawah program Jangkaan Kehidupan Bandar dan program Penggerak Pembangunan Luar Bandar. Kita telah memperuntukkan RM32 juta kepada kedua-dua program ini, dan ia amat berguna untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat di kedua-dua ladang ini. Itulah ucapan saya, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, saya ingin menyatakan saya tidak berpeluang untuk menyertai perbahasan semalam, memandangkan saya terlibat secara langsung dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan khas berhubung penambahbaikan proses pilihan raya dan hari ini kita memulakan sesi pendengaran awam sehingga esok bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Walau bagaimanapun pada petang ini, saya ingin mengambil bahagian memulakan perbahasan belanjawan Kerajaan Negeri Selangor 2012 dengan menukil bait dari Zabur-e-Ajam, karya Mohamad Iqbal, yang antara lain menyebut ; "Membakar semangat baru, untuk bangsa dan zaman ini, memberi nyawa baru kepada jasad yang telah tua". Begitulah analogi yang mahu saya berikan kepada kejayaan Pakatan Rakyat membawa sinar serta merealisasikan harapan rakyat Negeri Selangor untuk dalam sebuah negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan. Setelah lebih 50 tahun, negeri Selangor di bawah pentadbiran kerajaan UMNO dan Barisan Nasional, rakyat sudah cukup menderita, dengan jasad tua yang membelenggu kehidupan sehari-hari. Jasad tua yang penuh dengan gejala penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah, pengurusan serta tata kelola negeri yang tidak amanah. Dengan hanya mementingkan kroni, kepentingan suku sakat pemimpin elit di dalam UMNO. Saya bersyukur, pada Mac 2008, rakyat Selangor telah sedar dan bangkit membunuh jasad tua tersebut. (Tepuk). Lantas, dengan keazaman yang tinggi sebagaimana terbukti hari ini. Alhamdulillah Pakatan Rakyat telah memberi nafas baru kepada rakyat, untuk meneruskan kehidupan dalam suasana yang jauh lebih baik daripada sebelumnya. Insya-Allah, saya penuh yakin rakyat negeri Selangor akan menghargai usaha gigih kerajaan Pakatan Rakyat yang prihatin terhadap kebajikan rakyat negeri Selangor seterusnya kekal setia memilih Pakatan Rakyat untuk menerajui negeri Selangor dan Putrajaya dalam pilihan raya umum yang ke 13, Insya-Allah. (Tepuk).

Saya ingin bermula dengan merujuk laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010, yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 4 Oktober 2011 yang lalu. Setelah disorok selama lebih 2 minggu. Objektif pengauditan terhadap penyata kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Justeru, apakah dapatan dan rumusan Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2010 adalah memuaskan. Saya, pada petang ini membawa bersama-sama laporan Ketua Audit Negara bagi Terengganu, sebuah negeri yang mempunyai hasil mahsul yang melimpah ruah, ditadbir oleh UMNO dan Barisan

Nasional. Rumusan Ketua Audit Negara bagi Negeri Terengganu bagi tahun 2010, ialah Kerajaan Negeri Terengganu perlu merancang perbelanjaan dengan cekap dan berhemah tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Saya juga mempunyai laporan Ketua Audit Negara, bagi negeri Pahang. Sekali lagi sebuah negeri yang mempunyai hasil mabsul yang begitu besar dan ditadbir oleh UMNO. Apa rumusan Ketua Audit Negara. Adalah disyorkan kerajaan Negeri Pahang mengamalkan perbelanjaan berhemah, berusaha mengutip tunggakan pinjaman agensi kerajaan negeri berjumlah RM228.8 juta, dan menjelaskan tunggakan hutang kerajaan persekutuan.

Namun, kenyataan-kenyataan ini tidak terkandung di dalam Ketua Audit Negara bagi negeri Selangor yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat. (Tepuk). Analisis mendapati kumpulan wang disatukan meningkat RM266.9 juta kepada RM1.6 bilion, pada tahun 2010. Berbanding RM1.3 juta pada tahun 2009, yang merupakan paras yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Kerajaan negeri Selangor juga berjaya mengurangkan tunggakan hasil negeri sejumlah RM99.9 juta kepada RM 502.1 juta pada tahun 2010, berbanding RM601.9 juta pada 2009. Ini adalah hasil pelaksanaan Ops Kutip secara menyeluruh dengan kerjasama Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta semua pejabat daerah dan tanah negeri Selangor. Tahniah saya ucapkan kepada Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Selangor dan semua Pegawai-pegawai Daerah di seluruh negeri Selangor yang telah menjalankan tugas dengan cekap dan amanah.

Analisis audit juga melaporkan kepada Dewan Rakyat, bahawa kedudukan wang tunai negeri Selangor yang merupakan aset kerajaan negeri menunjukkan peningkatan yang ketara pada 2010, berjumlah RM301.1juta menjadi RM918.3 juta berbanding RM617.2 juta pada tahun 2009. Peningkatan baki wang tunai pada akhir tahun 2010 adalah disebabkan jumlah penerimaan iaitu RM1753.4 juta. Adalah lebih tinggi pembayaran berjumlah RM1452.4 juta iaitu lebihan sejumlah RM301.1 juta memandangkan kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat telah berjaya menurunkan perbelanjaan mengurus sebanyak 25 peratus berbanding tahun 2009.

Hasil kerajaan negeri yang berjumlah RM1571.5 juta dikatakan menurun, 10.9 peratus berbanding 2009 yang berjumlah RM 1763.9 juta. Inilah yang menjadi bahan yang ditaja oleh UMNO dan didukung oleh Utusan Malaysia, untuk menunjukkan bahawa hasil negeri berkurangan. Namun pimpinan UMNO, Utusan Malaysia dan TV3 harus celik membaca laporan ketua Audit Negara di muka surat 13, yang menjelaskan kedudukan ini secara terperinci di mana kerajaan negeri memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Analisis audit menunjukkan terimaan bukan hasil mencatatkan penurunan paling ketara, yang menyumbang kepada penurunan hasil secara keseluruhannya, iaitu sejumlah RM441.5 juta menjadi RM379.7 juta pada tahun 2010 berbanding RM 821.2 juta pada tahun

2009. Namun menurut audit, penurunan yang ketara ini disebabkan pada tahun 2009, kerajaan negeri telah menerima terimaan daripada syarikat berkaitan iaitu RM 391.99 juta sebagai hasil penstrukturran semula hutang syarikat Talam Corporation Berhad kepada Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Universiti Industri Selangor dan PNSB berbanding tiada terimaan berbanding pada tahun 2010. Ketika Selangor ditadbir oleh UMNO dan Barisan Nasional, Menteri Besar ketika itu tidak sedar ada syarikat swasta yang berhutang dengan Kerajaan Negeri. Namun pentadbiran Pakatan Rakyat yang cekap bukan sahaja dapat mengesan hutang pihak swasta, kita berjaya mengiktiraf atau ‘*crystallize*’ hutang tersebut dan berjaya mengutip sejumlah RM400 juta demi rakyat negeri Selangor. Namun khazanah yang sebesar ini kita tidak salah gunakan untuk kepentingan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat. Menteri Besar tidak membeli cincin untuk isterinya yang (Tepuk) bernilai US24 juta. Menteri Besar tidak membina mahligai RM24 juta. Ha.. Sekinchan tunjuk cincinnya harga RM2.40. Dan saya tertarik, kad jemputan perkahwinan Dato’ Menteri Besar, anak Dato’ Menteri Besar, (TEPUK) pada malam ini. Kalau Menteri Besar pun, Insya-Allah.... ada.... saya baca kad jemputan kahwin yang saya tak pernah terbaca, kad jemputan kahwin yang saya terima, beribu-ribu. Ada satu para di bawah yang cukup menarik minat saya. Apa kata Dato’ Menteri Besar;

“kami hargai doa dan restu, juga segala ucapan tahniah, tanpa perlu bercenderahati, cukup sekadar bersua temu.

Buah duku di rumah Cik Nyonya,
makan bersama buah berangan,
kami tunggu datang hanya orangnya,
buah tangan dibawa jangan.”

Ini contoh teladan yang cukup baik, yang diamalkan oleh pemimpin Pakatan Rakyat. Pemimpin UMNO jangan nak buat ayat begini, dia minta pula beli jam tangan RM150,000,00 yang dibiayai oleh GLC negeri.

Namun, Tuan Speaker, transaksi yang sebutkan tadi penstrukturran semula adalah berbentuk ‘one off’ iaitu hanya pada tahun 2009 dan tiada terimaan selepas tahun tersebut. Walau bagaimanapun, Ketua Audit Negara mengesahkan bahawa dua komponen terpenting dalam hasil Kerajaan Negeri iaitu hasil cukai dan hasil bukan cukai masing-masing telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM46.2 Juta dan RM202.9 juta menjadikan RM517.7 juta dan RM674 juta pada tahun 2010 berbanding dengan hanya RM471.6 juta dan RM471.2 juta pada tahun 2009. Punca peningkatan hasil cukai dan hasil bukan cukai sekali lagi adalah kejayaan pelaksanaan “Ops Kutip” secara menyeluruh dan juga peningkatan hasil ini turut disumbangkan oleh pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Haram oleh Pihak Berkuasa Negeri dan juga penguatkuasaan Pekeliling Garis Panduan Pembayaran Borang 5A oleh Pejabat Tanah

dan Galian Negeri Selangor di samping peningkatan bilangan permit galian yang diluluskan. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan kepada mereka yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan amanah dan mendukung agenda transformasi untuk membangunkan negeri Selangor. Kejayaan ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa sumbangan khidmat cemerlang dan *dedication* serta satu budaya kerja yang baik di kalangan pegawai-pegawai dan anggota Perkhidmatan Awam di negeri Selangor. Saya ingin beralih kepada topik keupayaan pimpinan untuk mengurangkan hutang. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana menguruskan hutang yang ditinggalkan oleh UMNO dan Barisan Nasional sehingga diiktiraf oleh Ketua Audit Negara di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Untuk rekod dewan, UMNO dan Barisan Nasional meninggalkan lebih empat puluh jenis hutang yang diambil dari Kerajaan Persekutuan. Jumlah tunggakan bayaran balik adalah sebanyak RM829.9 juta pada 31 Disember 2009. Jumlah hutang yang sebegini besar menyebabkan pada tahun 2010 sahaja, Kerajaan Negeri Selangor terpaksa menanggung *fee* tahunan berjumlah RM79.7 juta. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat membuat bayaran sejumlah RM253.16 juta termasuk *fee* tahunan semasa sejumlah RM79.7 juta. Ini bermakna, Kerajaan Negeri membayar pinjaman pokok berjumlah RM173, 000,000.00. menjadikan baki tunggakan bayaran balik menurun kepada RM656.4 juta pada akhir tahun 2010. Pengurangan hutang secara mendadak sebanyak RM173.46 juta ini sudah tentu akan menghasilkan penjimatan kepada rakyat dan mengurangkan beban hutang rakyat dengan Kerajaan Persekutuan kerana cas *fee* tahunan berjumlah RM17 juta dalam 2011 dapat dijimatkan. Fakta, angka dan statistik yang saya kupas sebentar tadi membuktikan bahawa Pakatan Rakyat berupaya untuk mentadbir negeri dan mengurus ekonomi dengan berkesan, berteraskan prinsip kewangan yang berhemah, tata kelola yang baik dan prinsip *value of money*.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa sebentar tadi ada menyebutkan berkenaan hutang yang ditinggalkan oleh kerajaan lama di negeri Selangor. Tetapi baru-baru ini kita ada mendengar di pihak kementerian juga mempunyai hutang yang ditinggalkan oleh Kementerian tetapi ia di di di hutang itu tertangguh kepada para petani. Jadi pernahkah Yang Berhormat mendengar di dunia kita ini kerajaan berhutang dengan rakyat? Berhutang dengan petani?

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Seri Muda. Kita akan menyentuh sebentar lagi bagaimana perbandingan hutang kerajaan negeri dengan hutang kerajaan pusat yang amat membimbangkan. Dan, sebagai permulaan saya ingin tunjukkan Laporan Ketua Audit Negara masalah pimpinan Kerajaan Pusat ini ialah walaupun Ketua Audit Negara mengemukakan laporan

tahunan, tetapi tidak ada kesungguhan untuk mereka meneliti dan membaiki kelemahan-kelemahan mereka yang telah ditegur oleh Ketua Audit Negara. Sebagai contoh negeri Pahang yang saya sebut tadi, dia berhutang dengan Kerajaan Pusat sebanyak RM565.08 juta, *fee* tahun 2010 maknanya faedah sahaja RM6.32Juta. Di bayar berapa ringgit? RM3.9 juta hutang hampir RM600 juta kayu balak banyak! tanah luas! tapi tidak bayar hutang RM3.98 juta. Melaka, negeri kecil hutang RM231.8 juta, *fee* tahun 2010 RM27.19 juta, berapa dia bayar balik kepada Kerajaan Pusat? Tak bayar satu sen pun, terlepas!. Ini yang saya hendak buktikan kepada rakyat, bukan sahaja di Selangor tapi di seluruh negara. Keupayaan Pakatan Rakyat mengurus ekonomi dengan bertanggungjawab dan kerajaan ini bukan sahaja harus dipertahankan bukan sahaja di Negeri Selangor tapi insya-Allah akan sampai ke Putrajaya dalam pilihan raya yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Kajang minta laluan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih kepada Bukit Antarabangsa, Kajang ingin tahu, Kerajaan Pusat yang belum bayar pada Kerajaan Selangor selama tiga tahun yang lepas iaitu cukai-cukai yang dikutip dan bayar kepada Kerajaan Pusat yang sejumlah lebih daripada RM16 bilion setiap tahun seharusnya 20% yang minta harus dipulangkan kepada rakyat Selangor. Sehingga kini sudah bertimbun-timbun, sudah tiga tahun membayar begitu sedikit sahaja jadi apa pendapat Bukit Antarabangsa berkenaan ini?

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Kajang, insya-Allah apabila kita sudah sampai ke Putrajaya hujung tahun ini kita akan langsaikan hutang kepada Kerajaan negeri Selangor. Tarikh saya tidak tahu tapi nampak sudah dekat dah. Jadi jangan bimbang negeri Selangor dalam masa dua tiga bulan Kerajaan Pusat baru akan membayar hutang kepada Kerajaan Selangor. Tuan Speaker, atas asas yang kukuh inilah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam, dua hari yang lalu, telah membentangkan belanjawan 2012 yang mencakupi prinsip agihankekayaan secara adil dan saksama kepada semua rakyat negeri Selangor. Kerajaan negeri Selangor teras cerminan semangat reformasi Pakatan Rakyat. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mempunyai tekad politik untuk membawa agenda reformasi secara menyeluruh demi memelihara hak rakyat negeri Selangor dan inilah pendirian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berpegang teguh kepada perintah Allah SWT yang dirakamkan dalam surah *Al Haj* yang membawa maksud: "*supaya harta itu tidak hanya berlegar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu*". Apa yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ialah mengagihkan hasil masuk untung kekayaan ini secara adil dan saksama kepada semua seluruh rakyat negeri Selangor tanpa mengira agama dan kaum. Inilah! Salah satu contoh bagaimana kita dapat diperteguhkan akidah umat Islam dan orang-orang Melayu di negeri Selangor. Tidak payah kita berhimpun di stadium. Tuan Speaker, Belanjawan Negeri Selangor 2012 adalah belanjawan berimbang untuk empat

tahun berturut-turut. Berbanding dengan belanjawan Kerajaan Pusat yang mencatatkan defisit untuk lima belas (15) tahun berturut-turut. Hutang negara telah mencecah 53% daripada KDNK , kurang 2% dari paras kritikal yang Diperuntukkan dalam Akta Pinjaman Tempatan 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983. Manakala Kerajaan negeri Selangor telah mencatatkan prestasi pengurusan kewangan yang berhemah. Di mana negeri Selangor merupakan satu-satunya negeri yang berjaya mengurangkan tunggakan bayaran balik kerajaan negeri pada 31 Disember 2010 termasuk membayar sepenuhnya *fee* tahunan seperti telah saya sentuh sebentar tadi. Saya juga telah menyatakan berdasarkan laporan Ketua Audit Negara, kerajaan negeri Melaka langsung tidak membayar balik bayaran 2010. Manakala negeri-negeri yang lain yang diperintah oleh UMNO hanya mampu membuat bayaran balik yang terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah *fee* tahun semasa dan pastinya tidak mempunyai keupayaan untuk membuat bayaran balik pinjaman. Situasi ini menyebabkan jumlah tunggakan bayaran balik bagi negeri-negeri ini akan terus meningkat pada setiap tahun. Maka belanjawan kerajaan negeri pada tahun 2012 yang berjumlah RM1.6 Bilion mencatatkan sejumlah RM1 bilion diperuntukkan untuk menanggung mengurus dan tanggungan. Manakala RM600 juta untuk pembangunan. Berbeza dengan Kerajaan Pusat daripada RM232 bilion yang diperuntukkan untuk 2012 hanya RM52 bilion ataupun 22% dari jumlah peruntukan ini untuk pembangunan. Manakala sejumlah RM181 bilion untuk belanja mengurus kita harus ingat perbelanjaan Kerajaan Pusat RM186 bilion. Ini bermakna hampir 99% daripada pendapatan negara digunakan untuk belanja mengurus. Dan, Kerajaan Pusat terpaksa berhutang bagi tujuan pembangunan ini bukanlah pengurusan yang betul dan berhemah mengikut amalan terbaik. Izinkan saya menyorot perhatian dewan keupayaan negeri Selangor untuk menjana melabur semula syarikat-syarikat yang telah pun melabur di negeri ini. Pelaburan semula bermakna para pelabur mempunyai keyakinan terhadap pentadbiran Pakatan Rakyat yang berteraskan prinsip tata kelola yang baik, ketelusan dan bertanggungjawab. Ini sekali gus menjalankan hubungan yang sihat Negeri Selangor. Saya mengikuti dengan tekun jawapan Kinrara dalam sesi soal jawab mengenai berhubung pelaburan di negeri Selangor. Statistik pelaburan di negeri Selangor Januari hingga Ogos 2011 menunjukkan bahawa negeri Selangor sebuah negeri yang berjaya saing dengan mencatatkan jumlah pelaburan RM5.9 bilion. Pada jumlah ini sebanyak 183 jumlah projek telah diluluskan dan mewujudkan lebih 12.1259 peluang pekerjaan. Pelaburan asing mencatatkan jumlah RM3.5 bilion dan banyak usaha telah mendorong peningkatan pelaburan asing termasuk penambahbaikan infrastruktur, mempercepatkan proses permohonan, dan juga meningkatkan kecekapan penyampaian kerajaan. Saya juga ingin menarik perhatian dewan rekod pelabur baru yang dicapai oleh Selangor sepanjang tahun 2010 hingga 2011. Ramai yang hanya menumpukan kepada angka-angka pelaburan asing atau FDI tanpa mengambil kira analisa mendalam pola pelaburan keseluruhan setiap negeri. Untuk makluman Dewan,

dalam tahun 2010 negeri Selangor mencatatkan jumlah pelaburan kedua tertinggi di negara yang berjumlah RM10.6 bilion mengikut statistik rasmi MIDA yang lebih menariknya ialah jumlah pelaburan ini adalah seimbang di antara pelaburan dalam negeri yang berjumlah lima perpuluhan lima bilion ringgit dan pelaburan asing yang berjumlah RM5.1 bilion. Menjadikan negeri Selangor satu-satunya negeri yang berjaya menjadi destinasi pelaburan yang seimbang dengan kadar yang tinggi. Selangor juga mencatatkan jumlah tertinggi projek yang diluluskan bagi tahun 2010 iaitu sebanyak tiga ratus dua puluh lima projek melebihi satu pertiga daripada keseluruhan projek yang diluluskan oleh kerajaan pusat. Pencapaian ini diteruskan dalam tahun 2011 sehingga Ogos 2011 yang telah saya nyatakan tadi di mana jumlah pelaburan meningkat kepada RM5.9 bilion. Berbanding dengan Sarawak dan Johor yang menduduki tangga pertama dan kedua sehingga Ogos 2011, pelaburan baru di negeri Selangor adalah lebih seimbang dan melibatkan jauh lebih banyak projek iaitu seratus lapan puluh tiga berbanding dengan hanya tiga puluh satu untuk negeri Sarawak. Apa makna semua analisa pelaburan ini ianya mengesahkan bahawa Selangor telah berjaya mengujudkan iklim pelaburan yang diterima oleh masyarakat perniagaan kerana pelaburan yang tinggi di Selangor bukan datang daripada projek-projek MEGA yang dibawa oleh kerajaan pusat seperti yang dibawa ke Sarawak dan Johor. Jumlah projek yang jauh lebih besar di negeri Selangor berbanding di negeri-negeri lain bermakna, pelaburan di negeri Selangor adalah pelaburan yang bersaiz sederhana dan turut melibatkan syarikat-syarikat usahawan tempatan. Maka angka ini telah mengangkat Negeri Selangor, sebagai sebuah negeri yang paling diminati oleh pelabur asing dan juga pelabur tempatan. Oleh itu saya ingin mohon kerajaan negeri untuk memperhebatkan lagi usaha mempermudah golongan usahawan kecil dan sederhana menjalankan perniagaan mereka di negeri Selangor supaya ekonomi negeri Selangor ini boleh berdikari tanpa memerlukan suntikan kerajaan pusat ataupun terlalu bergantung kepada pelaburan asing.

Tuan Speaker saya ingin beralih kepada satu isu yang paling hangat yang sedang diperbahaskan pada hari ini iaitu penstrukturran semula industri perkhidmatan air. Usaha Kerajaan Negeri untuk mengutamakan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor ke arah perkhidmatan yang holistik, berdaya maju dan mampu mengemukakan “*for duoble tariff*” untuk pengguna mesti dipertahankan. Tindakan kerajaan negeri untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air ini adalah selaras dengan akta industri perkhidmatan air negara ataupun WASIA, Water Services Industri Act yang memperjelaskan peranan Kerajaan Negeri untuk menerajui Industri perkhidmatan air. Penstrukturran semula industri perkhidmatan air semakin mendesak kerana industri perkhidmatan air di negeri Selangor ini terlalu , bercelaru, berselerak, tidak efisien dan tarif yang melampau ekoran persetujuan kerajaan pusat dengan kerjasama kerajaan negeri di bawah pentadbiran lama untuk swastakan industri perkhidmatan air kepada empat syarikat konsesi. Sebagai contoh berdasarkan

perjanjian konsesi sedia ada SYABAS sebagai anak emas kepada Kerajaan Pusat, mendapat restu daripada kerajaan pusat untuk menaikkan taraf air kepada tiga puluh tujuh peratus pada tahun 2009. Diikuti dengan kenaikan tambahan sebanyak dua puluh lima peratus tahun 2012 menjadikan harga air di negeri Selangor pada tahun depan sebanyak dua ringgit tiga puluh lapan sen per meter padu kemudian disusuli dengan kenaikan lagi dua puluh peratus pada tahun 2015 dan sepuluh peratus pada tahun 2018. Untuk makluman dewan setelah saya menghitung data-data ini pada tahun 2018 rakyat negeri Selangor perlu membayar dua ringgit lima belas sen per meter padu dan harga ini terus melonjak naik kepada tiga ringgit lapan pun tiga sen menjelang 2030 lebih mahal daripada petrol, lebih baik kita minum petrol daripada minum air. Apakah ini bertepatan dengan tema rakyat didahului pencapaian diutamakan. Alhamdulillahlah rakyat negeri Selangor bangun mendukung agenda reformasi dalam pilihanraya Umum ke 12 dan memberikan mandat baru kepada Pakatan Rakyat untuk mentadbir negeri Selangor dan sokongan dan mandat rakyat ini digalas dengan tanggungjawab oleh Dato' Menteri Besar dengan terus menghalang Syabas daripada meneruskan semakan tarif yang amat membebankan rakyat negeri Selangor. Teruskan Dato' Menteri Besar kami akan mempertahankan dasar kerajaan negeri yang ingin memberikan hak ini kepada rakyat negeri Selangor. Malahan Kerajaan Pakatan Rakyat melancarkan program pemberian air percuma untuk rakyat negeri Selangor. Sehubungan dengan itu saya mendesak kerajaan negeri jangan berganjak daripada usaha untuk menamatkan perjanjian konsesi sedia ada bagi memastikan kos operasi dan keuntungan operator tidak melampau sehingga membebankan rakyat. Penyangak-penyangak air di negeri Selangor harus diperangi habis-habisan kerana mereka menghisap darah rakyat negeri Selangor dan mendapat kekebalan daripada kerajaan pusat. Rakyat negeri Selangor amat kesal kerana usaha murni kerajaan negeri untuk mengembalikan hak air kepada rakyat sering mendapat halangan daripada kerajaan pusat yang melindungi kepentingan syarikat kroni dan bukan menjaga kebijakan rakyat. Rakyat juga kecewa dengan sikap Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air yang sebenarnya menjadi jurucakap SYABAS untuk mendesak Kerajaan Negeri supaya bersetuju dengan pembinaan loji rawatan air Sungai Langat terlebih dahulu sebelum kerajaan pusat boleh memulakan rundingan untuk mengutamakan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Jangan bimbang Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Insya-Allah tiga bulan lagi Kerajaan Pusat yang baru akan memastikan perkara ini tidak berlaku. Kerajaan negeri jangan tunduk kepada ugutan kerajaan pusat. Yang menggunakan alasan bahawa negeri Selangor akan menghadapi krisis air pada tahun 2014 penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor mesti dilihat secara bersama secara holistik termasuk pembinaan loji rawatan air di Sungai Langat.

Dan pendirian kerajaan negeri ini adalah bertepatan dengan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, di mana kerajaan negeri adalah peneraju industri perkhidmatan air. Malahan untuk makluman dewan kerajaan pusat pernah mengeluarkan surat kepada anak syarikat kerajaan negeri Selangor iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad pada Januari 2008 yang menyatakan persetujuan kerajaan pusat untuk KDEB dilantik sebagai syarikat pengendali dan penyelenggara loji rawatan Air di Sungai Langat. Mengapa dua bulan selepas UMNO ditolak oleh rakyat Selangor kerajaan pusat menarik balik keputusan awal untuk membenarkan Kerajaan Negeri menerajui Projek Langat 2 ini. Saya ingin menegaskan bahawa projek pembinaan loji rawatan air Langat 2 mestilah sebahagian daripada usaha untuk mengutamakan penstruktur semula industri perkhidmatan air negeri Selangor kerana jika tidak dimuktamadkan dan diselesaikan dengan mengujudkan perkhidmatan yang holistik Langat 2 akan terus menikmati dan menggunakan pakai tarif yang tinggi yang terkandung di dalam perjanjian konsesi dengan SYABAS. Mengapa Kerajaan Pusat mendesak kerajaan negeri untuk bersetuju dengan pembinaan Loji Rawatan Sungai Langat ketika loji rawatan air di Sungai Labu masih belum dimulakan operasi. Kalau dakwaan kerajaan pusat bahawa krisis air akan bermula pada tahun 2014 di Negeri Selangor pelantikan pengendali, dan penyelenggara rawatan air Sungai Labu harus disegerakan. Pembinaan loji rawatan Air Sungai Labu telah pun siap dengan kapasiti seratus lima juta liter air sehari, projek ini menelan belanja hamper tiga ratus juta ringgit dan dibiayai oleh pengurusan Asett Air Berhad. Kerajaan pusat memohon kelulusan negeri untuk menyalurkan air mentah dari Sungai Labu ke loji rawatan air ini untuk tujuan *testing and ..* kerajaan negeri telah bermurah hati memberikan kelulusan untuk tempoh enam bulan sehingga Disember 2011 mencapai matlamat T&C walaupun tempoh T&C sudah hamper tamat Kerajaan Pusat masih gagal untuk melantik syarikat pengendali dan penyelenggara atau: " *operation and maintains* " O&M bagi loji rawatan air Sungai Labu. Mengapa perkara ini berlaku saya ingin mendedahkan di dalam dewan ini bahawa kelewatan ini berpunca dari agenda terancang Kerajaan Pusat untuk melantik syarikat kroni mereka bagi kerja-kerja O&M Sungai Labu melalui tender terhad yang dicadangkan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Saya yakin kebijaksanaan dan kematangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan kerajaan negeri, kita dapat menghidu agenda tersirat kerajaan pusat apabila salah satu daripada tiga syarikat yang dicadangkan oleh kementerian untuk tender terhad itu adalah Puncak Niaga. Saya mencadangkan supaya kerajaan negeri segera mengenal pasti anak syarikat kerajaan negeri untuk mengemukakan permohonan lesen individu pengagihan dan lesen individu perkhidmatan rawatan daripada SPAN selaras dengan hasrat untuk mengujudkan perkhidmatan air, perkhidmatan industri air yang polisi dan memenuhi tuntutan WSIA.

Sekiranya kerajaan pusat masih berdegil untuk menggagalkan penstrukturkan industri perkhidmatan air di negeri Selangor saya mencadangkan supaya kerajaan negeri juga perlu mengambil langkah yang tegas dengan memastikan Luas tidak mengeluarkan lesen Abstaksi air mentah di bawah Enakmen LUAS kepada syarikat-syarikat kroni UMNO. Saya mendukung langkah Kerajaan Negeri untuk mengambil alih semula tiga puluh tiga Loji Rawatan Air di seluruh negeri Selangor apabila tamat tempoh perjanjian konsesi kelak. Untuk rekod dewan yang mulia ini.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Penjelasan, Bangi memohon penjelasan. Kerajaan Selangor menyedari tentang tipu helah pihak Kementerian Air dan Hijau, mungkin kita dapat menyelamatkan Selangor daripada tipu helah yang sedemikian. Bagaimana dengan negeri-negeri yang juga akan dikuasai oleh pihak seperti Syabas sebagainya. Mereka kalau tidak diberi kesedaran akan menjadi mangsa bagi syarikat-syarikat yang berkenaan. Cara mana untuk kita menyedarkan negeri-negeri lain supaya mereka tidak terperangkap tipu helah yang cuba dipasang terhadap Negeri Selangor.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Bangi saya ingin mencadangkan usaha kita untuk memberikan penjelasan pada rakyat di negeri-negeri yang berkenaan dan cara yang paling mudah dan paling singkat ialah tolak UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang akan datang. Apabila kerajaan Pakatan Rakyat dibentuk kita lihat bagaimana prestasi yang telah ditunjukkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor di mana dasar kita adalah dasar yang memberikan hak kepada rakyat. Dasar yang mementingkan hak rakyat dan ini telah kita buktikan dengan fakta-fakta yang cukup jelas dan kita khususnya rakyat di seluruh negara tidak ada pilihan lain dalam pilihan raya umum yang akan datang. Pilihan yang ada pada mereka adalah nampak saja logo Barisan Nasional jangan pangkah. Pangkah logo-logo Pakatan Rakyat. Baru negara dan negeri dapat diselamatkan. Kawan-kawan UMNO diam, dia setuju la tu.

Untuk rekod Dewan yang mulia ini, pecahan milikan loji rawatan air di negeri Selangor setakat ini daripada 33 loji rawatan air, 30 diberikan kepada Puncak Niaga. Termasuk satu di Sungai Selangor Fasa Dua. Dua kepada SPLASH masing-masing di Sungai Selangor Fasa Satu dan Tiga dan hanya satu kepada ABAS iaitu di Sungai Semenyih. Sebab itu saya dukung kita ambil alih kesemua 33 loji rawatan air ini apabila tamat tempoh perjanjian konsesi kelak. Maka melihat perkembangan di Sungai Labu kerajaan negeri punyai alasan yang kukuh untuk tidak lagi mempercayai kerajaan pusat berhubung desakan pembinaan loji rawatan air di Sungai Langat.

Dakwaan bahawa negeri Selangor akan mengalami krisis air menjelang 2014 perlu diteliti semula secara bertanggungjawab oleh semua pihak. Data-data yang dikumpulkan oleh pelbagai pihak berhubung pengeluaran dan permintaan air di negeri Selangor menunjukkan sebaliknya. Menurut statistik pada tahun 2014, penggunaan sebenar air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya adalah sebanyak 3072 juta liter sehari. Kapasiti air yang diperlukan sebelum mengambil kira peratusan air tidak berhasil ataupun NRW adalah sebanyak 3879juta liter sehari. Namun setelah kita mengambil kira 30% NRW jumlah pengeluaran yang kita perlukan ialah 4389 juta liter sehari. Kalau kita menerima data ini pada tahun 2014 kekurangan yang dijangkakan ialah 63 juta liter sehari. Ini setelah MRW disasarkan pada kadar 30%. Maka penyelesaian kepada masalah ini bukan mendesak pembinaan loji rawatan air yang baru. Tetapi yang lebih mendesak ialah bagaimana keupayaan kita untuk mengurangkan NRW. Itu keutamaan yang harus diberikan. Kerana data yang sama juga menunjukkan apabila kita dapat mengurangkan 5% air tidak berhasil atau NRW itu simpanan air di negeri Selangor ini mempunyai lebihan sebanyak 230 juta liter sehari menjelang tahun 2014. Maka tidak timbul sama sekali krisis air di negeri Selangor pada tahun 2014 seperti yang dipropagandakan oleh UMNO untuk memberi kontrak kepada kroni-kroni supaya kroni-kroni ini dapat menyediakan dana yang besar dalam pilihan raya yang akan datang.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri perlu melihat kepada mekanisme pengagihan ataupun *distribution* kerana ia mungkin tidak seimbang dengan permintaan di daerah-daerah dalam negeri Selangor. Permintaan di Sabak Bernam mungkin tidak setinggi seperti pengeluaran air di sana dan mungkin boleh disalurkan ke daerah-daerah yang memerlukan permintaan yang lebih tinggi.

Tuan Speaker saya ingin menegaskan dalam Dewan ini usaha kerajaan negeri untuk membela hak serta nasib rakyat negeri Selangor mesti dipertahankan. Penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini penting untuk menjamin keberkesanan kos ataupun *cost effectiveness* dan memperkuatkan pengurusan serta operasi perkhidmatan air yang mampan. Saya juga berhasrat mengambil peluang ini untuk mencadangkan kepada kerajaan negeri agar segera meneliti potensi *underground water*. Usaha ini pasti memerlukan kerajaan negeri untuk mengkaji penggunaan teknologi baru sebagai satu ikhtiar untuk mendapatkan air bersih. Kerajaan negeri juga harus meneliti serta mengkaji kaedah untuk memanfaatkan *storm water* sebagai pilihan kepada rakyat. Kami sedar bahawa kerajaan pusat tidak berminat untuk melindungi hak rakyat negeri Selangor. Isu yang mendepani kerajaan negeri Selangor pada hari ini yang ada hubung kait dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air bukannya isu komersial, bukan isu urus niaga perniagaan tetapi ia isu politik oleh kerajaan pusat. Maka kerajaan negeri harus bertegas jangan tunduk, teruskan tema kita lawan tetap lawan supaya hak rakyat dapat dikembalikan.

Keputusan kerajaan negeri melantik KDEB menerajui usaha untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air amatlah tepat dan berasas. Pengurusan KDEB yang baru mempunyai tahap profesionalisme yang cukup tinggi, berintegriti dan memahami falsafah pengurusan yang berorientasikan keuntungan dengan tanggungjawab sosial selaras dengan dasar hasil negeri untuk rakyat yang menjadi asas pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor. Saya amat gembira kerana pengurusan KDEB yang baru ini dapat bersama-sama dengan kerajaan negeri mempertahankan hak rakyat negeri Selangor daripada dicabuli kerajaan pusat. Tindakan membuli oleh kerajaan pusat untuk menggagalkan usaha penstrukturkan semula industri air semakin menggil. Tohmahan bahawa KDEB menanggung kerugian berikutan pemberian air percuma meleset dan propaganda UMNO untuk mengalih pandangan rakyat untuk mengetahui kebobrokan dan kebejatan pengurusan kewangan kerajaan pusat yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Sebab itu laporan Ketua Audit Negara pada tahun ini disorokkan selama dua minggu dan tidak dibentangkan sebelum belanjawan 2012 tetapi hanya diberikan setelah selesai sesi perbahasan belanjawan. Saya sempat menyemak prestasi kewangan KDEB dan melihat kewangan terkumpul Syarikat KDEB pada tahun 2009 adalah sebanyak RM239 juta manakala keuntungan terkumpul kumpulan adalah sebanyak RM341 juta. Sebagai anak syarikat kerajaan negeri matlamat pelaburan KDEB bukan berorientasikan keuntungan semata-mata tetapi keuntungan yang diperolehi perlu disalurkan semula kepada rakyat. Sebab dasar Pakatan Rakyat di negeri Selangor adalah hasil masuk di negeri ini adalah milik mutlak rakyat negeri Selangor. Inilah prinsip keuntungan dengan tanggungjawab sosial demi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat negeri Selangor. Untuk maksud ini KDEB melihat program pemberian air percuma merupakan pelaburan yang menepati hasrat kerajaan negeri untuk berkongsi kekayaan khazanah negeri ini dengan rakyat negeri Selangor. Pelaburan 20meter padu air percuma kepada rakyat negeri Selangor melalui KDEB adalah salah satu usaha untuk menyalurkan keuntungan syarikat terus kepada rakyat. Semua pihak boleh meneliti bagaimana keuntungan ini dibelanjakan. Kita mahu memastikan keuntungan anak-anak syarikat disalurkan dengan betul dan tepat kepada kumpulan sasaran itu supaya tidak berlaku ketirisan dalam agihan kekayaan negeri.

Pada tahun 2009 KDEB telah membelanjakan sejumlah RM131 juta untuk program air percuma. Manakala untuk tempoh Jun 2008 hingga Februari 2010 sejumlah RM222 juta telah dikeluarkan oleh KDEB untuk program pemberian air percuma bagi rakyat negeri Selangor. Maka jelas kepada kita bahawa kerugian yang dimaksudkan dan ditohmah oleh UMNO bukan disebabkan oleh ketirisan, bukan disebabkan oleh kebocoran, bukan disebabkan rasuah ataupun salah guna kuasa tetapi pengurangan keuntungan ini kerana KDEB menyalurkan sebahagian besar keuntungan itu untuk

rakyat di negeri Selangor. Ini berbeza dengan dasar UMNO, kalau tololng rakyat dikatakan rasuah tetapi kalau menolong isteri pemimpin, menantu pemimpin, anak menteri dapat ladang lembu itu tidak rasuah. Sebab itu saya mempertahankan prinsip keuntungan dengan tanggungjawab sosial ini. Kerana ia memberi kebaikan kepada rakyat negeri Selangor semenjak Pakatan Rakyat diberikan amanah.

Kedudukan kewangan KDEB pada tahun 2009 yang saya nyatakan tadi amat kukuh untuk membolehkan KDEB terlibat dalam program tanggungjawab sosial seperti melabur dalam program pemberian air percuma. KDEB juga dijangka akan menerima suntikan aset bernilai RM12 bilion dalam bentuk aset air kerajaan negeri apabila selesai penstruktur semula industri perkhidmatan air. KDEB akan muncul sebagai pemain utama industri perkhidmatan air di negeri Selangor dengan jumlah aset yang besar dan pastinya pulangan yang amat kukuh. Nilai aset atau pulangan atas aset ini mampu menampung kos pelaburan untuk program air percuma demi kesejahteraan rakyat negeri Selangor.

Tuan Speaker saya mengakui bahawa terdapat teguran dalam laporan Ketua Audit Negara berhubung pulangan atas pelaburan jangka panjang yang tidak memuaskan dan dakwaan bahawa dividen tidak diterima oleh kerajaan negeri pada tahun 2010 daripada beberapa anak-anak syarikat kerajaan negeri. Saya difahamkan dan akan disahkan dalam sesi penggulungan nanti bahawa anak-anak syarikat kerajaan negeri menyumbang kepada kerajaan negeri dengan menyalurkan terus kepada MBI atau menaja terus program-program kerajaan prihatin dan bukannya melalui dividen terus pada kerajaan negeri. Namun anak-anak syarikat kerajaan negeri tetap menyumbang untuk merakyatkan ekonomi Selangor dengan jumlah dana yang cukup besar. Sebagai contoh KSSB menyumbang RM5juta untuk program *Jom Shopping* di bawah skim Mesra Usia Emas. KSSB turut membayar dividen pada MBI sejumlah RM3.5 juta. KSSB menyumbang RM307,000 untuk program lembu korban sempena Aidiladha. PNSB menyumbang RM1 juta kepada Persatuan Bola Sepak Selangor ini pasti diterima baik oleh Taman Templer. PNSB dan KSSB masing-masing menyumbang RM2juta dan RM1 juta untuk akaun amanah Merakyatkan Ekonomi Selangor. MBI juga telah menerima sumbangan RM500,000 untuk program mempromosikan negeri Selangor dan Perbendaharaan Negeri menerima RM616,000 untuk pembayaran bonus JKJKK. Beberapa anak syarikat kerajaan negeri menyumbang terus kepada program kerajaan prihatin dari tahun 2008 sehingga 2011. Sebagai contoh PNSB menyumbang sebanyak RM920,000 dan KEDB menyumbang RM406,000 tidak termasuk kos pemberian air percuma yang telah menelan belanja RM222 juta. SIC menyumbang RM500,000 dan Selangor menyumbang RM1 juta. Ini semua membuktikan bahawa anak-anak syarikat kerajaan negeri telah memberikan sumbangan yang cukup besar bagi menjayakan program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor atas prinsip yang saya nyatakan tadi keuntungan dengan tanggungjawab sosial.

Saya mendengar banyak telahan pandangan daripada teman-teman berhubung PKNS. Sebagai Ahli Perbadanan saya bertanggungjawab untuk mempertahankan beberapa program yang telah dilancarkan oleh PKNS yang memang benar PKNS tidak membayar dividen kepada kerajaan negeri kerana PKNS tidak ditubuhkan di bawah akta syarikat. Bagaimana pun, PKNS terus menyumbang kepada kerajaan negeri dalam pelbagai bentuk program untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Sebagai contoh, PKNS terpaksa menanggung subsidi rumah kos rendah di Bukit Botak berjumlah RM78 juta. Sumbangan untuk program kerajaan prihatin berjumlah RM4.5 juta, pembinaan Asrama Desa menelan belanja RM5.2 juta, sumbangan untuk Yayasan Pendidikan Negeri Selangor sebanyak RM5 juta, program membaik pulih lif rumah pangsa berjumlah RM2 juta dan program ceria iaitu mengecat bangunan rumah pangsa menelan belanja RM5 juta. PKNS juga menyumbang untuk membina persimpangan bertingkat untuk meleraikan kesesakan trafik sekitar Shah Alam yang menelan belanja RM58 juta, justeru itu apabila pasukan Audit menyemak penyata kewangan negeri pastinya jumlah bayaran dividen tidak tertera dalam penyata kewangan negeri tetapi ini tidak bermakna anak-anak syarikat ini tidak menyumbang kepada kerajaan negeri atas pelaburan yang dibuat.

Walau bagaimanapun, teguran telah dibuat oleh Ketua Audit Negara, saya ingin mencadangkan untuk masa yang akan datang kerajaan negeri akan meneliti semula kaedah pembayaran dividen dan sumbangan oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk mengelakkan tohmahan oleh pihak lawan yang sering memutar belitkan kenyataan dan fakta. Saya berpendapat semua pembayaran dividen atau sumbangan anak-anak syarikat dimasukkan terlebih dahulu ke dalam akaun hasil disatukan dan kemudian barulah dikeluarkan untuk dibuat pembayaran kepada MBI atau program-program merakyatkan ekonomi negeri Selangor yang lain. Kerajaan Negeri sebenarnya telah menerima pakai kaedah ini dalam urusan mengutip hutang daripada Talam Corporation sebelum ini.

Tuan Speaker, alhamdulillah kerajaan negeri telah memulakan pelaksanaan gaji minima sebanyak RM1,500 dalam ucapan belanjawan dua hari yang lalu untuk pekerja-pekerja di anak-anak syarikat negeri Selangor. Pelaksanaan gaji minima amat bertepatan masanya memandangkan kejayaan Negeri Selangor dalam usaha mempertingkatkan hasil negeri dan juga prestasi GLC yang amat membanggakan. Produktiviti yang tinggi hasil usaha keras golongan pekerja adalah tidak bermakna sekiranya tiada langkah positif untuk berkongsi produktiviti *gain* dengan mereka yang merupakan *stake holders* kepada syarikat malah pengumuman tersebut diharapkan dapat memberikan suntikan kepada golongan pekerja sebagai insentif agar mereka terus berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan produktiviti syarikat. Saya juga ingin memohon perhatian dewan kepada sebuah rencana yang diterbitkan dalam

majalah terkenal *The New Yorker* keluaran bulan November 2011 yang berjudul *The Tweaker : The real genius of Steve Jobs..* Rencana tersebut ditulis oleh *Malcolm Gladwell* mengulas dan membedah fenomena *Steve Jobs*. Ramai diantara kita mengagumi rekaan mahu pun produk keluaran *Apple*. Janggal jika kita tidak tahu apa itu *iphone*, *ipad* atau pun *iPod*. Akan tetapi kita perlu ada kesedaran bahawa ciptaan ini bukan secara tiba-tiba muncul ia melalui satu proses panjang yang menyerap segenap daya fikir dan cetusan imaginasi. *Malcolm Gladwell* melalui rencana tersebut tidak sekadar mengangkat sosok *Steve Jobs* apa yang menjadi perhatian penulis ialah kekuatan yang mendasari serta berjaya membangun generasi yang kita kenal sebagai generasi *twitters*. Generasi yang kukuh kekuatan daya ciptaan berani serta yakin untuk bersaing dengan sesiapa saja namun tidak tercabut dari akar budayanya.

Kita tidak menolak bahawa pembangunan prasarana itu penting untuk melahirkan generasi muda yang berimaginatif dan mampu melakar semula sempadan yang kononnya tidak boleh berganjak. Akan tetapi sekadar prasarana dan pembangunan fizikal tidak berupaya mencetus generasi muda yang kritis seumpama *Steve Jobs* dengan *Apple*, *George Lucas* dengan siri filem *Star Wars* dan *Sergey Brin* dengan *Googlenya*. Pandangan ini malah dikongsi oleh dua ahli ekonomi yang mengkaji sejarah revolusi industri di Britain pada abad 18 dan 19, mereka berdua *Ralf Meisenzahl* dan *Joel Makyr* menegaskan mengapa Britain mendahului negara-negara lain ketika itu adalah kerana generasi *tweakers*, golongan artisan dan jurutera mahir yang luas imaginasinya ramai di negara tersebut. Justeru itu saya menyambut baik hasrat kerajaan yang memberi tumpuan secara menyeluruh kepada pembangunan generasi muda. Melalui enam geran dalam geran Selangorku yang bernilai RM148 juta yang mana ianya digalakkan terhadap pembangunan generasi muda makanya menjadi suatu keutamaan buat kerajaan negeri untuk menyediakan satu perancangan dasar atau pun *master plan* yang merangka kesinambungan program-program yang diumumkan. Saya tidak mahu peruntukan ini sekadar melaksanakan program tanpa wawasan yang jelas untuk meletakkan peranan belia dalam membangunkan Negeri Selangor.

Bagi menjamin kesinambungan yang didasari dari pembangunan generasi muda yang kreatif berdaya saing dan mempunyai daya cipta yang tinggi keutamaan haruslah diberikan kepada usaha untuk menyegerakan kemudahan *Wi-fi* di seluruh Negeri Selangor agar menjadi pemangkin dan gerbang maklumat buat generasi muda. Walau bagaimanapun saya berpendapat peruntukan RM10 juta untuk pembangunan *Wi-fi* pastinya tidak mencukupi oleh kerana itu saya berharap kerajaan negeri mengusahakan supaya diadakan peruntukan tambahan untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan segera secara sepenuhnya. Selain daripada itu saya juga ingin mencadangkan supaya program pemerksaan generasi muda diperbanyak namun program ini bukanlah sekadar memenuhi kriteria kepimpinan dan pengukuhan

organisasi, program pemerksaan ini haruslah sebuah program yang mampu mendorong generasi muda untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif serta mempunyai daya saing yang tinggi. Pada masa yang sama program bersifat kebudayaan harus digarap dalam rencana panjang ini supaya generasi muda Selangor membangun sebagai sebuah generasi moden yang berpasak kukuh kepada akar budaya bangsanya. Negeri Selangor harus menjadi contoh untuk memelopori usaha ini sekali gus mendepani masa hadapan dengan melahirkan generasi *tweakers*.

Tuan Speaker, saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan negeri berhubung status pulangan kepada kerajaan negeri berhubung projek menghutan semula kawasan akasia dengan projek tanaman mentah dan jati di Hutan Simpan Bukit Tarikh dan Hutan Simpan Rantau Panjang daerah Hulu Selangor. Saya mendapat maklumat pada 22 Februari 2001, kerajaan negeri telah menandatangani perjanjian konsesi dan pajakan dengan PKPS di mana PKPS diberi konsesi tanah hutan simpan Bukit Tarikh seluas 5,000 hektar dan Hutan Simpan Rantau Panjang seluas 5,000 hektar untuk tempoh pajakan selama enam puluh tahun. Aktiviti perhutanan semula dijalankan oleh PKPS dengan usaha sama 7 syarikat swasta. Antara syarikat swasta yang mendapat konsesi ini ialah syarikat Schrader Forest Management Sdn Bhd untuk kerja penanaman pokok jati. Salah seorang ahli lembaga Pengarah Syarikat ialah Tan Sri Dato' Seri Sanusi Junid, syarikat ini telah diberi konsesi tanah hutan simpan Bukit Tarikh seluas 5,000 hektar untuk tempoh pajakan selama 50 tahun. Syarikat lain yang mendapat konsesi tanah hutan simpan Rantau Panjang seluas 1,000 hektar untuk tempoh pajakan selama 50 tahun ialah Syarikat *In-N-Out*, nama syarikat pun *In-N-Out* masuk keluar, *In-N-Out* Plantation Management Sdn Bhd. Ahli Lembaga Pengarah yang mewakili syarikat menandatangani perjanjian konsesi dengan PKPS pada 16 Mei 2002 ialah Dato' Abdul Rahman bin Palil. Saya difahamkan maklumat kelulusan pemberian konsesi tanah seluas 1,000 hektar kepada syarikat masuk dan keluar Plantation Management Sdn Bhd sudah tidak dapat dikesan di PKPS. Syarikat-syarikat lain yang mendapat konsesi di hutan Simpan Bukit Tarikh dan hutan simpan Rantau Panjang adalah Syarikat Mega Forest Plantation Sdn Bhd 1,000 hektar bagi kerja menanam pokok mentah, syarikat Mewah Ikhtiar Sdn Bhd 660 hektar, Syarikat Eco Murni Sdn Bhd 80 hektar, Syarikat Kayangan Rampai Sdn Bhd 100 hektar dan Syarikat Tropical Position Sdn Bhd 1144 hektar. Perjanjian konsesi di antara PKPS dan Syarikat-syarikat Pemajak telah menetapkan kadar pajakan, royalti balak, hasil ladang termasuk cukai yang perlu dibayar kepada Jabatan Perhutanan Negeri. Menurut semakan awal saya unjuran pendapatan PKPS berbanding dengan Syarikat Pemajak menunjukkan untuk tempoh lebih 20 tahun PKPS akan mendapat pulangan sebanyak RM40 juta bagi pajakan tanah seluas 10,000 hektar. Manakala Syarikat Pemajak dijangka mendapat keuntungan lebih daripada RM400 juta. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri bagaimana perjanjian yang ditandatangani oleh PKPS dengan Syarikat Pemajak bersifat berat sebelah dan tidak memberi pulangan yang adil kepada Kerajaan Negeri.

Apakah tindakan kerajaan negeri hari ini untuk memperbetulkan ketempangan dan penyelewengan yang berlaku dalam penganugerahan konsesi tanah di kedua-dua Hutan Simpan ini. Saya difahamkan bahawa jumlah keseluruhan bayaran yang telah diterima oleh PKPS sehingga bulan Oktober 2009 bagi program penghutanan semula Hutan Simpan Bukit Tarek dan Hutan Simpan Rantau Panjang adalah lebih kurang RM70,000 sahaja. Bagaimana konsesi tanah seluas 10,000 hektar untuk pajakan selama 60 tahun memberikan pulangan kepada kerajaan negeri hanya RM700,000 sahaja? Jumlah bayaran yang diterima oleh PKPS dari Syarikat *In-N-Out* bagi bayaran pajakan sehingga Oktober 2009 hanya RM46,526 sahaja. Tanah di anugerahkan 1,000 hektar kepada *In-N-Out* tetapi *In-N-Out* membayar pajakan hanya RM46,000 sahaja. Saya ingin mendapat jawapan yang tepat daripada Kerajaan Negeri mengenai jumlah bayaran yang telah diterima dari setiap Syarikat Pemajak mengikut pecahan jumlah kadar pajakan, royalti balak, hasil ladang dan cukai yang telah dibayar kepada Jabatan Perhutanan Negeri sehingga 31 Disember 2010. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri apakah bentuk tindakan yang bakal diambil ke atas Syarikat Pemajak ini yang telah mencabuli perjanjian yang ditandatangani oleh PKPS.

Tuan Speaker, saya ingin mengajak Dewan untuk membincangkan secara serius masalah pemilik-pemilik rumah pangsa yang tidak mahu mengambil hak milik strata masing-masing kerana mereka terpaksa menanggung kos pindah milik yang tinggi seperti fee guaman, bayaran kepada Pejabat Tanah dan Galian dan Duti Setem. Sebagai contoh, PKNS mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah 16 juta ringgit sehingga September 2011 memandangkan terdapat hampir RM40,000 unit rumah kos rendah dan lebih 58 ribu unit rumah kos sederhana yang telah dijual oleh PKNS tetapi menghadapi masalah proses pindah milik seperti yang dinyatakan tadi di mana pemilik-pemilik enggan meneruskan proses-proses pindah milik kerana mereka terpaksa menanggung kos pindah milik yang agak tinggi. Anggaran kos pindah milik rumah yang berharga RM42,000 menelan belanja RM1,288 manakala untuk rumah yang berharga RM72,000 kos pindah milik berjumlah lebih kurang RM1,588. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyerap kos pindah milik bagi meringankan beban pemilik-pemilik rumah kos rendah yang umumnya berpendapatan rendah. Usaha ini akan membolehkan setiap pemilik memiliki hak milik masing-masing dan ia akan memberi nilai kepada hartanah berkenaan di masa yang akan datang. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan berhubung kutipan cukai pintu berdasarkan pegangan yang dikutip oleh PBT. Memandangkan kos kehidupan semakin meningkat saya ingin melihat bagaimana Kerajaan Negeri dapat membantu rakyat yang berpendapatan rendah untuk menabung sebahagian kecil daripada pendapatan bulanan mereka. Pada masa ini rakyat Negeri Selangor yang memiliki rumah kediaman dan premis perniagaan perlu membayar cukai kepada PBT. Sumber pendapatan utama PBT ialah kutipan hasil cukai pintu untuk menampung perbelanjaan mengurus PBT yang berkenaan. Kadar taksiran bagi pegangan ini berbeza-beza mengikut status bangunan, jenis

kediaman dan kawasan. Sebagai contoh, Majlis Daerah Sabak Bernam mempunyai jumlah pegangan 2,564 untuk perniagaan dan 12,791 kediaman yang terdiri daripada 3,399 unit rumah kos rendah dan 2,084 unit rumah kos sederhana. Jumlah hasil kutipan untuk perniagaan ialah RM867,000 manakala untuk kediaman lebih kurang 1.5 juta ringgit. Manakala kalau kita melihat pecahan secara terperinci jumlah taksiran-taksiran bagi kediaman kos rendah di Majlis Daerah Sabak Bernam mencatatkan 588,000 ringgit manakala untuk kos sederhana RM451,000. Kalau kita melihat pentadbiran MPAJ, terdapat 23,552 pegangan perniagaan dan 135,073 pegangan kediaman yang meliputi 33,752 unit rumah kos rendah. Jumlah hasil kutipan untuk perniagaan ialah RM17.3 juta manakala untuk kediaman berjumlah RM51.1 juta. Daripada jumlah ini kita dapat melihat jumlah taksiran bagi kediaman kos rendah ialah RM6.4 juta manakala untuk kos sederhana mencatatkan RM47 juta. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat menimbaangkan untuk menghapuskan cukai pintu bagi rumah-rumah kos rendah di negeri Selangor (tepuk meja) tertakluk kepada pendapatan isi rumah yang berkenaan. Walaupun saya menyedari bahawa usaha ini akan mengurangkan kutipan hasil PBT namun pelaksanaannya akan memberi manfaat langsung kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Saya ingin mencadangkan kita memberi insentif kepada PBT-PBT yang mengambil inisiatif untuk mengenal pasti rumah-rumah kos rendah di kawasan pentadbiran masing-masing dan mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri untuk melepaskan dan menghapuskan cukai pintu bagi rumah-rumah kos rendah yang berkenaan. Saya ingin melihat sebagai contoh MPSJ kutipan hasil jumlah taksiran ataupun hasil kutipan bagi kediaman mencatatkan satu jumlah yang cukup besar iaitu hampir RM92 juta tetapi jumlah taksiran bagi kediaman kos rendah hanya RM954,000 maka saya melihat MPSJ mempunyai keupayaan untuk mendapatkan kelulusan kerajaan negeri supaya cukai pintu bagi rumah kos rendah di kawasan pentadbiran berkenaan dapat dihapuskan. Saya dapat memahami beberapa PBT yang akan mengalami kekurangan pendapatan sekiranya perkara ini berlaku maka saya ingin mencadangkan untuk menampung kekurangan hasil PBT Kerajaan Negeri dapat menyalurkan sejumlah wang di bawah maksud bekalan kepada PBT yang berkenaan memandangkan kerajaan negeri telah berjaya menjimatkan 25% belanja mengurus bagi yang tercatat dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Minta penjelasan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Berhubung dengan rumah kos rendah ni terutama rumah-rumah pangsa bukan setakat cukai pintu masalahnya. Masalah pentadbiran, umpamanya di bawah Persekutuan ditubuhkan JMB yang dikawal. Ini kadang-kadang menimbulkan konflik dengan persatuan penduduk yang apa ni ditubuhkan di rumah-rumah pangsa berkenaan. Tidak kah wajar umpamanya

cukai itu diambil dan disalurkan kepada persatuan penduduk di situ untuk kebaikan apa dia ni kebajikan rumah-rumah pangsa ini sendiri supaya masalah yang dihadapi oleh penduduk terutama di rumah pangsa dapat dikurangkan masalah umpamanya masalah lif, kebersihan dan sebagainya. Kalau barangkali di tidak diambilkan cukai langsung mungkin banyak masalah lagi kerana mereka tidak membayar patutnya *fee* pada JMB dan juga persatuan penduduk itu sendiri. Bahkan apakah cara terbaik untuk menyelesaikan konflik antara JMB di bawah persekutuan dengan persatuan penduduk yang kadang-kadang mempunyai apa dia ni, apa cadangan-cadangan yang berlainan. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Untuk makluman Yang Berhormat berdasarkan pengalaman saya di PKNS seperti yang telah saya umumkan sebentar tadi dalam perbahasan. Kita mempunyai peruntukan yang cukup besar untuk membantu pemilik-pemilik rumah-rumah pangsa khususnya kos rendah seperti kita membelanjakan RM2 juta untuk membaik pulih lif di rumah-rumah pangsa yang berkenaan. Kita juga membelanjakan RM5 juta untuk program ceria di mana program ceria ini melibatkan usaha PKNS untuk mengelat semula bangunan-bangunan yang telah uzur khususnya rumah-rumah pangsa kos rendah jadi perkara-perkara ini memang dalam pemerhatian kerajaan negeri dan juga anak-anak syarikat termasuk PKNS. Walau bagaimanapun mekanisme yang lebih terperinci boleh kita teliti dan kita persetujui di peringkat kerajaan negeri dan PBT. Saya juga bersetuju seperti yang saya bahaskan kita tidak mahu membebankan PBT dengan ekoran dasar ini tetapi saya juga telah mencadangkan sebentar tadi oleh kerana kerajaan negeri telah berjaya menjimatkan belanja mengurus sebanyak 25% saya melihat kerajaan negeri ada keupayaan untuk menyalurkan sedikit bantuan di bawah maksud Bekalan bagi menampung pengurangan hasil di peringkat PBT yang berkenaan.

Tuan Speaker, saya ingin beralih kepada soal pendidikan. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan, terdapat lebih RM50,000 orang penduduk yang kini tinggal di sekitar Puncak Bukit Antarabangsa. Daripada jumlah ini, dianggarkan terdapat 5,004 orang pelajar di peringkat menengah dan 5,384 orang pelajar di peringkat rendah. Namun sehingga hari ini, belum wujud satu sekolah rendah atau menengah di Puncak Bukit Antarabangsa. Ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah di Hulu Kelang, Taman Melawati dan Datuk Keramat yang terletak jauh dari rumah kediaman dan mereka terpaksa mengharungi lebuh raya MRR2 yang sentiasa sesak. Tambahan pula sekolah-sekolah yang saya nyatakan tadi telah pun padat dengan pelajar-pelajar. Saya telah mendapat kerjasama yang cukup baik daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor pada ketika itu iaitu Dato' Mohd. Jaffar bin Mohd. Atan dan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran bersama pegawai daripada MPAJ dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak untuk turun ke padang melihat lokasi yang sesuai dan selamat untuk pembinaan sekolah. Hasil perbincangan dengan

pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kerajaan negeri telah mengenal pasti 2 tapak yang amat sesuai bagi pembinaan sekolah rendah dan menengah bagi menampung keperluan mendesak pendidikan anak-anak kita di Bukit Antarabangsa. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran bertarikh 23 Julai 2010 dan memohon Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan segera projek sekolah rendah kebangsaan yang telah pun tersenarai di bawah RMK9 dan memasukkan cadangan pembinaan sekolah menengah kebangsaan dalam projek Rancangan Malaysia Ke10 seboleh-bolehnya bagi *rolling* pelan 2010 dan 2011. Malangnya sehingga hari ini tidak ada sebarang usaha Kerajaan Pusat untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah di Bukit Antarabangsa. Malahan surat rasmi daripada Kerajaan negeri Selangor yang ditandatangani oleh Dato' Menteri Besar sendiri tidak dijawab oleh Timbalan Perdana Menteri sehingga petang ini. Apakah ini transformasi yang dijanjikan oleh Perdana Menteri? Apabila Kerajaan Negeri diserang oleh Timbalan Menteri Pelajaran minggu lalu di Dewan Rakyat di mana Timbalan Menteri Pelajaran mendakwa bahawa Kerajaan negeri Selangor tidak bekerjasama untuk menyediakan tapak untuk pembinaan sekolah saya telah terpanggil untuk berbahas dengan Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran pada 24 Oktober 2011 dan mengemukakan hujah bahawa tapak telah pun disediakan 2 tahun yang lalu tetapi tidak ada sebarang tindakan yang positif daripada Kementerian Pelajaran. Tan Sri Muhyiddin Yasin pada ketika itu cuba memberikan helah bahawa Kementerian Pelajaran tidak mempunyai peruntukan yang cukup bagi maksud tersebut namun sahabat saya Ahli Parlimen Macang telah bangun dan mengemukakan bukti bahawa menurut laporan Ketua Audit Negara, Kementerian Pelajaran mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi tujuan pembinaan sekolah tetapi hanya membelanjakan 55% daripada peruntukan yang berkenaan. Pada ketika itulah YAB Menteri Pelajaran menunjukkan sifat dan watak sebenar pemimpin UMNO dengan menyatakan peruntukan yang sedia ada terpaksa ditumpukan ke tempat lain kerana yang memohon itu adalah Ahli Parlimen Gombak. Ini membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin UMNO sanggup korbankan kepentingan pendidikan anak-anak kita, sanggup menggunakan pendidikan sebagai senjata politik mereka untuk mengugut dan menekan rakyat. Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk segera meluluskan sekurang-kurangnya sejumlah peruntukan untuk membina sekolah agama di Puncak Bukit Antarabangsa kerana daripada statistik yang telah saya bacakan tadi terdapat lebih RM30,000 orang umat Islam yang menetap di Puncak Bukit Antarabangsa dan dianggarkan lebih RM3,000 anak-anak Islam yang memerlukan sekolah rendah agama di Bukit Antarabangsa. Maka keperluan pendidikan agama Islam amat mendesak dan saya pohon kelulusan dalam dewan ini untuk memenuhi hasrat di atas.

Saya juga difahamkan terdapat lebih 140 projek perumahan terbengkalai di negeri Selangor yang diwarisi daripada Pentadbiran yang lama, projek-projek ini sebahagian besarnya berada dalam Parlimen Gombak dan juga DUN Ulu Klang. Saya mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri apakah? Usaha yang telah dan akan dilaksanakan untuk memulihkan projek ini demi melindungi hak dan kepentingan pembeli-pembeli rumah-rumah yang berkenaan. Apakah? kekangan yang dihadapi oleh kerajaan negeri dari segi perundungan dan juga implikasi kewangan untuk memulihkan projek-projek ini, Apakah tindakan yang boleh diambil dalam kerangka bidang kuasa kerajaan negeri terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab dalam menyiapkan projek ini. Saya mengikuti kejayaan kerajaan negeri dalam program pemulihan projek perumahan di Bukit Botak dan juga Alam Perdana di Kuala Selangor. Namun puluhan ribu pembeli rumah terbengkalai yang lain sedang menunggu tangan kerajaan negeri untuk menyelamatkan mereka.

Akhirnya. Tuan Speaker saya ingin membicarakan soal peranan kerajaan negeri meningkat pengeluaran makanan dalam negeri. Input bahan makan negara semakin meningkat dan ia memberikan kesan langsung kepada harga bahan makanan yang semakin membebankan rakyat. Program jaminan makanan negara ataupun “Food Security Program” yang diperuntukkan sejumlah RM50 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke 8 dan rancangan Malaysia Ke 9 telah gagal mengurangkan input bahan makanan. Punca kegagalan projek ini adalah kerana penyelewengan dan salah guna kuasa seperti apa yang berlaku dalam projek *feedlot* negara yang didedahkan oleh Ketua Audit Negara dalam Dewan Rakyat baru-baru ini. Walau pun Menteri Pertanian dan Asas Tani telah memberikan reaksi tetapi yang pasti ialah wang rakyat sejumlah RM250 juta telah lesap dan projek ini lingkup hatta perbuatan tidak amanah keluarga Menteri UMNO. Kita mempunyai dokumen yang cukup lengkap yang membuktikan bagaimana projek *feedlot* negara ini yang mendapatkan peruntukan RM250 juta di Gemas, Negeri Sembilan dengan bermatlamatkan untuk membekalkan 40% daripada bekalan daging negara dan syarikat ini yang dimiliki oleh suami Dato’ Seri Shahrizat Abdul Jalil dan anak-anaknya telah diberikan tanah seluas 5,000 ekar untuk mengeluarkan bekalan daging bagi menampung 40% daripada keperluan negara. Tetapi dalam siasatan yang terbaru hanya ada 1,000 ekor lembu ditapak yang berkenaan. Ini bermakna 1 ekor lembu mendapat 5 ekar tanah, lebih baik kita jadi lembu daripada orang, Tuan Speaker. [dewan..riuhh...] sebagai rakyat nak dapat sebidang tanah untuk rumah pun susah.

TUAN SPEAKER : Mungkin Batu Caves, nak dapat tanah tu..

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI : Terima kasih Bukit Antarabangsa, saya bila isu lembu ini saya minta penjelasan, soalan saya ialah bila isu lembu ini Barisan Nasional pada waktu-waktu tertentu pada satu awal masa 2008 sangat tertarik dengan isu lembu bila Kerajaan Negeri melalui PKNS menghadiahkan lembu-lembu korban di Bukit

Antarabangsa, jadi, apakah kita nak mengajak sekali wakil-wakil rakyat barisan nasional yang sangat teruja dengan lembu-lembu ini kita menentang kegagalan projek *feedlot* yang telah menelan belanja lebih kurang RM250 juta. Apa pandangan Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Batu Caves, sebab itu saya dan pimpinan merasa bimbang kerana kegagalan projek *feedlot* ini akan menyebabkan bekalan daging yang kita hasrat untuk kurangkan tidak akan tercapai, dan kita akan teruskan untuk mengeluarkan bukti-bukti yang cukup sahih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker tentang, oh..

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Speaker, tunggu saya habis banyak yang minat lembu

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tentang lembu ada maklumat

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Sekejap-sekejap saya habiskan dahulu, kami di Dewan Rakyat telah memulakan perbahasan yang agak panjang lebar mengemukakan banyak bukti malahan semalam kita telah banyak mengeluarkan bahan-bahan bukti kepada SPRM, di mana bahan bukti yang terbaru kita dapat secara terperinci sejumlah RM10 juta daripada RM250 juta yang diperuntukkan untuk projek lembu ini telah digunakan untuk membeli sebuah kondominium mewah di Bangsar, sebab itu seperti yang saya kata tadi di bawah pentadbiran UMNO lebih baik jadi lembu daripada manusia.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya macam nak tambah maklumat yang relevan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Kejap-kejap seekor lembu mendapat 5 ekar tanah seorang manusia nak mendapat sekangkang kera pun disepak terajang oleh UMNO, itu yang pertama, lembu boleh dapat kondominium di Bangsar Tuan Speaker, dia nak simpan lembu apa, jadi saya berharap atas cadangan Batu Caves tadi.

TUAN SPEAKER : Lebih baik daripada lembu *Kobe*.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Lebih baik jadi, *Kobe beef*, ha betul...saya setuju, *Kobe beef* mahal, tapi lembu UMNO lagi mahal. Lembu duduk di Bangsar . Lailaha illallahha.. sila Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker saya ada keluarga yang terdekat dan bekerja mula-mula bila syarikat *feedlot* dibuka dia bekerja selepas keluar daripada satu tempat lain dan bekerja di situ dan dia beri maklumat sebaik projek ini lulus pertama yang diberi perhatian untuk membeli kereta-kereta

mewah untuk setiap anak beliau, jadi fakta ini cuba dibuat penyelidikan kerana keluarga terdekat saya memang bekerja sebelum tu dengan syarikat ini, mula dia tak tahu lagi milik Shahrizat jadi bila sudah lama bekerja dia menguruskan kemasukan lembu-lembu dari Australia, daripada New Zealand kadang-kadang lembu ini naik kapal terbang, [dewan riu...] bukan naik kapal sahaja dia bawa dengan kapal terbang dari New Zealand mendapat lapangan terbang Sepang jadi, ertinya yang diutamakan lembu kereta, dia beli tiap-tiap keluarga dia, sebelum pada urusan lembu. Ini memang sahih yang bekerja keluarga terdekat sekarang tak bekerja lagi kerana mempunyai syarikat sendiri. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : sebab itu saya setuju dengan Bangi, lembu UMNO memang mendapat layanan yang cukup istimewa.. Bangi pun naik Air Asia sahaja, lembu UMNO *first class* sampai KLIA terus dibawa ke kondominium Bangsar, hebat mahal daripada *Kobe beef* dan saya tak tahu, Tuan Speaker satu lagi sebelum saya beralih kepada negeri satu lagi yang sebut tadi matlamat *National Feedlot corporation* ini yang diberikan peruntukan RM250 juta dan 5,000 ekar tanah adalah menampung permintaan 40% daripada daging negara. Tetapi hari ini dia dapat sembelih 20 ekor sahaja sehari, Bukit Antarabangsa dalam hari raya korban baru-baru ini 25 ekor tapi (*NFC*) disembelih 20 ekor satu hari dan daging yang sepatutnya dibekalkan kepada permintaan dalam negara dihantar kepada 3 restoran dan 3 restoran ini milik keluarga Menteri. Saya tak tahu bagaimana lagi rakyat perlu sokong UMNO. Sebab itu mukadimah saya tadi saya sebut pilihan tidak banyak tinggal satu sahaja, kita talkinkan UMNO dan Barisan Nasional dan pilihan raya yang akan datang. Sehubungan dengan itu, Tuan Speaker saya nak mencadangkan supaya kerajaan negeri memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negeri bagi membantu usaha mengurangkan import bahan makanan. Bidang pertanian dengan teknologi yang tinggi dan insentif yang menarik boleh menjana pertumbuhan industri pertanian moden di negeri Selangor.

Selangor mempunyai peranan penting untuk menjamin bekalan makanan rakyat, Selangor juga mempunyai kapasiti dari segi keluasan tanah kewangan dan kepakaran dalam sektor pertanian dengan lebih terurus dan cekap. Saya mencadangkan kerajaan negeri memberi tumpuan khusus kepada usaha melahirkan petani dan penternak berjaya yang beroperasi di Selangor melalui program khusus yang dirintis oleh Kerajaan Negeri. Tuan Speaker, hari habis pukul berapa..

TUAN SPEAKER : 4.30

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : 4.30, baik saya laju sikit, maka peranan PKPS perlu diteliti semula, selaras dengan keperluan semasa yang menuntut PKPS lebih pro-aktif bukan sekadar memungut dividen di atas pelaburan yang tidak lagi

produktif tetapi PKPS mesti menjadi anak syarikat yang terlibat secara langsung dalam pertanian moden berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti asas tani dalam negeri.

Penutup saya penuh yakin dan percaya bahawa kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor di bawah kepimpinan YAB Dato' Menteri Besar adalah sebuah kerajaan yang sentiasa mengutamakan kebijakan dan prihatin terhadap kehidupan dan masa depan rakyat, kejayaan Pakatan Rakyat di Selangor adalah bukti yang jelas bahawa kerajaan yang prihatin dan amanah akan terus menerima mandat dan kepercayaan daripada rakyat untuk kekal mentadbir kerajaan negeri Selangor ini. Insya-Allah...kita harus ingat bahawa tata kelola yang baik dan kecekapan pengurusan ekonomi serta masa depan rakyat yang terjamin adalah bergantung kepada kerajaan yang amanah serta sentiasa memberikan keadilan untuk rakyatnya, inilah pentadbiran yang wajar dikekalkan agar kebijakan yang digarap demi kemaslahatan rakyat dapat diteruskan, disiplin pengurusan kewangan negeri menzhahirkan iltizam untuk memastikan ketirisan dan pentadbiran terdahulu tidak berulang, saya yakin rakyat Selangor membuat pilihan yang tepat dengan memilih pakatan rakyat untuk menerajui negeri Selangor Darul Ehsan.

Rakyat pasti menolak UMNO yang terbukti gagal untuk melakukan transformasi sedang ketirisan dan penyelewengan berterusan seperti mana yang berlaku dalam projek *National Feedlot Corporation*. Belanjawan kali ini tambah memperkuuhkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan Pakatan Rakyat. Negeri yang diterajui Pakatan Rakyat khususnya Selangor menunjukkan prestasi yang amat membanggakan. Insya-Allah agenda reformasi yang menyeluruh bakal dilaksanakan apabila Pakatan Rakyat membentuk Kerajaan yang berteraskan '*Government of the people by the people for the people*'. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Bagi menempah untuk pagi Isnin,

TUAN SPEAKER : Ya..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Bangi memohon untuk mendapat tempat membahaskan isu pagi

TUAN SPEAKER : Tidak ada, ha tidak ada permohonan awal yang boleh dibenarkan. Mana tahu pada Isnin apa yang berlaku.. ya..saya ingin memaklumkan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa perbahasan dan perbekalan ini akan kita lanjutkan sehingga hari Isnin dan pihak kerajaan akan menggulung pada hari pagi Selasa.

Dengan itu, saya menangguhkan persidangan pada hari ini sehingga hari Isnin 14 November 2011, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.35 petang)